



BAB KEDUA

- **Syubhat Orang Yang Ingkar Terhadap Tawassul Berserta Jawapan Terhadap Mereka**
- **Syubhat Mengingkari Istighathah Dengan Perantaraan Orang Mati Berserta Jawapannya**
- **Syubhat Ingkar Ziarah Kubur Nabi Dan Orang-orang Soleh Berserta Jawapannya**
- **Syubhat Mengingkari Solat Di Masjid Yang Berkubur Berserta Jawapan Terhadapnya**
- **Syubhat Mengingkari Sampainya Pahala Al-Quran Dan Doa Kepada Si Mati Berserta Jawapan Terhadapnya**

SYUBHAT ORANG YANG INGKAR TERHADAP TAWASSUL

Berserta Jawapan Terhadap Mereka

Perbahasan-perbahasan akan mengolah simpanan ilmu dan seandainya ada kesalahan pastilah cahaya kebenaran tidak memancar. Tiada bezanya antara manusia yang meniru dan haiwan yang tunduk. Sesungguhnya kerosakan agama terjadi kerana tiga hal; iaitu, kesalahan ulama', ketidakadilan hakim dan takwil yang melampau.

Apabila ini terjadi, maka kita wajib menela'ahnya dengan tujuan untuk menyingkirkan syubhat, kerana kemiripan yang terjadi dalam hal tawassul dan wasilah suka dieksploitasi oleh orang-orang yang serakahnya untuk menyesatkan orang-orang awam yang jumlahnya banyak.

Apabila orang-orang yang berakal mampu mengatasi hal tersebut dengan menunjukkan pemalsuan-pemalsuan yang disusupkan ke dalam sesuatu masalah, maka tidak akan ada kesempatan bagi mereka untuk menentang dengan semena-mena dan berlebihan, dan tidak ada kekhuatiran terhadap penyusupan-penyusupan yang keterlaluan..

Antara syubhat yang disusupkan ialah:

Syubhat mengingkari tawassul dan istighathah serta mengkafirkan, dan menganggap orang-orang yang melakukannya musyrik seperti penyembah berhala, bahkan lebih buruk daripada itu. Menuduh mereka mempercayai adanya pengaruh selain dari Allah.

Syubhat ingkar terhadap istighathah kepada orang mati.

Syubhat ingkar terhadap ziarah kubur para Nabi dan orang-orang yang soleh, khususnya Sayyidil Mursalin *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Dan beristighathah kepada Tuhan semesta alam dengan perantaraannya.

Syubhat ingkar terhadap solat yang dilakukan di dalam masjid yang terdapat padanya kubur. Menganggap itu merupakan sebahagian dari syirik, dan tiada tolak ansur terhadap syirik.

Syubhat mengingkari sampainya pahala bacaan Al-Quran, doa dan istighfar bagi orang-orang mati.

Dan hal-hal lainnya yang mereka anggap sebagai lawan dari macam-macam syirik.

Inilah dia kritikan dari orang yang berlebihan dalam mencapai tujuannya, sehingga menentang dan mengecam mereka yang bertujuan untuk bertawassul dan wasilah.

Kalau kita mengetahui hal ini, maka kita wajib mengatasinya dan merungkai aspek-aspek yang telah dipalsukan dalamnya. Betapa jelas wajah-wajah yang baik dari yang jahat di dalam cermin akal yang benar, yang tidak disukai oleh hawa nafsu. Sebab, boleh jadi mereka menggunakan pedang dan cemeti atas nama jihad sehingga menjadi pujaan bagi kawannya dan rahmat bagi alam semesta. Boleh jadi, gambaran fitnah dan kekejaman itu menjadi makanan bagi kawannya tetapi menjadi derita bagi alam semeta.

Apabila tiada keraguan dalam hal ini, maka kita wajib mengetahui apakah menggunakan pedang ke atas makhluk-makhluk itu membawa kebaikan umum di dalam agama, atau ada kaitannya dengan kerosakan keyakinan. Apakah keadaannya berpadu dengan hidayah dan petunjuk, atau menjadi petunjuk bagi kekacauan dan kerosakan.

Sebenarnya tiada permusuhan seperti permusuhan terhadap orang-orang yang memusuhi Rasul, dan tidak ada kebencian seperti kebencian seseorang terhadap para wali dan orang-orang soleh. Sesungguhnya kebenaran tidak akan berubah menjadi kebatilan

kerana adanya perbezaan orang-orang di dalamnya. Kebatilan tidak akan berbalik menjadi kebenaran kerana kesepakatan orang-orang terhadapnya. Dengan kata lain, kebenaran bukanlah berdasarkan kepada ikrar pengakuan terhadapnya atau hasil tekanan untuk mengakui kejujurannya. Kebenaran adalah suatu yang ditetapkan dengan pertimbangan akal setelah melalui pembahasan yang teliti. Dengan itu, kebenaran akan tampak dan mengungguli sesiapa pun yang berusaha membatilkannya.

Untuk memisahkan hal-hal yang syubhat dengan orang-orang yang suka mengambil kesempatan itu, saya membahagikan fasal-fasal yang bebas bagi semua syubhat supaya memudahkan kita menangkisnya.

Bermula dari syubhat yang pertama, mari kita ikuti kata-kata lawan. Kita akan temui pada pembukaannya seruan yang menentang para penghuni bumi dan langit yang diketahuinya dalam keadaan lemah. Mereka mengkafirkan semua Muslimin yang menentang bid'ahnya dan menggolongkan mereka ke dalam syirik yang besar. Hal ini kemudian dijadikannya sebagai dasar dan jalan untuk mengkafirkan orang lain. Ini sebenarnya tiada dalil bagi mereka.

Dasar yang digunakan adalah kata-kata mereka bahawa musyrikin dulu hanya musyrik dalam hal ketuhanan, sedang 'musyriku muslimin' ertinya mereka yang syirik dalam hal uluhiyyah dan rububiyah.

Dikatakan pula orang-orang kafir pada masa zaman Rasul dahulu tidak selalu syirik, melainkan kadang-kadang syirik dan kadang-kadang bertauhid, dan mengabaikan seruan para Nabi dan orang-orang yang soleh. Kalau bersenang hati mereka mereka mahu memenuhi seruan dan percaya dengan apa yang diserukan oleh Nabi dan orang-orang soleh. Namun bila terganggu kesenangannya mereka menentang dan berkepala batu dalam soal agama. Mereka juga mengetahui bahawa para Nabi dan orang-orang soleh itu tidak memiliki mudharat dan manfaat. Mereka mengatakan hal itu dan mengambil takwil semua ayat Al-Quran yang turun di kalangan musyrikin ke atas umat Muhammad yang bertauhid dan berpegang kepada ayat-ayat tersebut untuk mengkafirkan mereka.

Antaranya firman Allah :

فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

'...Maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah.'

(Al-Jin : 18)

Juga firmanNya :

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّن يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَنْ
لَا يَسْتَجِيبُ لَهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَهُمْ عَنْ دُعَائِهِمْ غَافِلُونَ
وَإِذَا حُشِرَ النَّاسُ كَانُوا لَهُمْ أَعْدَاءً وَكَانُوا بِعِبَادَتِهِمْ كَافِرِينَ

'Dan tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang menyembah sesuatu yang lain dari Allah, yang tidak dapat menyahut atau memberikan sebarang pertolongan kepadanya (dari dunia) hinggalah ke hari kiamat, sedang makhluk-makhluk yang mereka sembah itu tidak dapat menyedari atau memberi layanan baik kepada permohonan mereka. Dan apabila manusia dihimpunkan (untuk dihitung amalnya pada hari akhirat), menjadilah segala yang disembah itu musuh kepada orang-orang yang menyembahnya, dan segala yang disembah itu juga tidak mengakui serta mendustakan penyembahan mereka kepadanya.'

(Al-Ahqaf : 5-6)

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ
مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ

'Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu

menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu).’

(Yunus : 106)

وَالَّذِينَ
تَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ مَا يَمْلِكُونَ مِنْ قِطْمِيرٍ ﴿١١٣﴾ إِنَّ
تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا دُعَاءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوا مَا اسْتَجَابُوا لَكُمْ
وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ

‘...Sedang mereka yang kamu sembah - yang lain dari Allah - tidak mempunyai sesuatu pun walau senipis selaput biji kurma. Kalau kamu memohon kepada mereka (yang kamu sembah itu): mereka tidak mendengar permohonan kamu, dan kalaulah mereka mendengar pun, mereka tidak dapat memberikan apa yang kamu pohonkan itu; dan pada hari kiamat pula mereka mengingkari perbuatan syirik kamu. Dan (ingatlah) tidak ada yang dapat memberitahu kepadamu (wahai Muhammad, akan hakikat yang sebenarnya) seperti yang diberikan Allah Yang Maha Mendalam Pengetahuannya.’

(Fatir : 13-14)

فَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ فَتَكُونَ مِنَ الْمُعَذَّبِينَ

‘Maka janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, akibatnya engkau akan menjadi dari golongan yang dikenakan azab seksa.’

(Asy-Syu'ara' : 213)

لَهُ دَعْوَةُ الْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ إِلَّا
كَبْسِطٍ كَفَيْتِهِ إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَالِغِهِ وَمَا دُعَاءُ الْكَافِرِينَ
إِلَّا فِي ضَلَالٍ

'Kuasa menerima ibadat yang benar adalah tertentu bagi Allah; dan benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatupun kepada mereka, hanyalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya. Dan tiadalah ibadat dan doa permohonan orang-orang kafir itu melainkan dalam kesesatan.'

(Ar-Ra'd : 14)

قُلْ ادْعُوا الَّذِينَ زَعَمْتُمْ مِنْ دُونِهِ فَلَا
يَمْلِكُونَ كَشْفَ الضَّرِّ عَنْكُمْ وَلَا تَحْوِيلًا ﴿٥٦﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ
يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ الْوَسِيلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ
رَحْمَتَهُ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُ ۗ إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُورًا ﴿٥٧﴾

'Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum musyrik): "Serukanlah orang-orang yang kamu dakwa (boleh memberi pertolongan) selain dari Allah, maka sudah tentu mereka tidak berkuasa menghapuskan bahaya daripada kamu dan tidak dapat memindahkannya". orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampingi diri kepada Tuhannya (dengan berbuat ibadat), sekali pun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapakan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya; sesungguhnya azab Tuhanmu itu, adalah (perkara yang semestinya) ditakuti.'

(Al-Isra' : 56-57)

Kepada ayat-ayat selain itu yang turun ke atas kaum musyrikin, pembangkang kita menganggap bahawa semua orang yang memohon pertolongan kepada Nabi atau bertawassul dengan perantaraannya, atau dengan perantaraan para Nabi, wali dan orang-orang soleh lainnya, atau menyerunya, atau meminta syafaat, itu termasuk golongan musyrikin, dan termasuk dalam keumuman ayat-ayat ini.

Tuduhannya adalah, ayat-ayat tersebut memang diturunkan bagi kaum musyrikin tapi ibrahnya adalah dengan keumuman lafaz dan bukan dengan kekhususan sebab.

Saya tidak menafikan bahawa ibrah adalah dengan keumuman lafaz, tidak dengan kekhususan sebab, sedangkan ayat-ayat tersebut tidak meliputi apa yang dituduh oleh pihak lawan, dan tidak pula termasuk di dalamnya, sebab keadaan mereka tidak seperti keadaan orang-orang kafir yang dituju dan diseru oleh ayat-ayat tersebut. Ayat-ayat tersebut mengandungi bermacam-macam erti, yang kesemuanya bermakna ibadah. Sedangkan orang-orang yang dimaksudkan oleh lawan kita itu tetap menyembah Allah, dan tidak menjadikan para Nabi dan wali itu sebagai Tuhan, atau sebagai sekutu Allah, sehingga ayat-ayat tersebut digunakan sebagai dalil perbahasan. Orang-orang itu pun meyakini bahawa para Nabi dan wali itu berhak dan layak disembah melainkan hanya dipercayai bahawa mereka adalah hamba-hamba Allah yang boleh dipohon berkatnya kerana ia merupakan kekasih Allah yang muqarrabin, yang dipilih dan diutamakan oleh Allah. Dengan berkat mereka, Allah akan menyayangi dan memberikan rahmat kepada hambaNya.

Pihak lawan kita berkata, alasan itu semata-mata hanya alasan orang musyrik untuk menyembah patung dan berhala, sedangkan Allah berfirman tentang musyrikin serta alasan mereka dalam menyembah berhala-berhala :

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ

'Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya.'

(Az-Zumar : 3)

Orang-orang musyrik itu tidak meyakini bahawa patung-patung dan berhala mereka dapat menciptakan sesuatu, melainkan meyakini bahawa Sang Pencipta adalah Allah s.w.t. Ini berdasarkan dalil firman Allah :

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَهُمْ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ

'Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka: "Siapakah yang menciptakan mereka?" Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah!".'

(Az-Zukhruf : 87)

Juga firmanNya :

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولَنَّ اللَّهُ

'Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?" Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah".'

(Luqman : 25 dan Az-Zumar : 38)

Sebenarnya hukuman Allah adalah kerana kekufuran kata-kata mereka : *"Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya"*

Musuh-musuh kita itu mengatakan bahawa bertawassul dengan para Nabi dan orang-orang soleh itu serupa dengan kata-kata orang-orang musyrik, iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Maka jawapan kita adalah sebagai berikut:

Pertama

Orang-orang musyrik itu menjadikan patung-patungnya sebagai Tuhan, sedangkan kaum Muslimin hanya mempercayai adanya Tuhan yang Esa. Menurut pandangan mereka, para Nabi itu adalah Nabi dan para wali itu adalah wali, tidak lebih dari itu. Mereka tidak menganggapnya sebagai Tuhan seperti orang-orang musyrik.

Kedua

Orang-orang musyrik percaya bahawa patung-patung itu adalah Tuhan yang berhak untuk disembah. Lain pula dengan kaum Muslimin. Mereka tidak mempercayai bahawa orang yang mereka jadikan wasilah layak untuk disembah. Wasilah tiada

hak walaupun sedikit untuk disembah. Ibadah hanya ditujukan kepada Allah sendiri.

Ketiga

Orang-orang musyrik itu menyembah tuhan-tuhannya dengan perbuatan nyata sebagaimana firman Allah :

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ

“Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya”

(Az-Zumar : 3)

Sedangkan kaum Muslimin tidak menyembah para Nabi dan orang-orang soleh dalam tawassul mereka kepada Allah.

Keempat

Dengan beribadah kepada patung-patung dan berhala, orang-orang musyrik itu bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah sebagaimana yang telah difirman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sedangkan kaum Muslimin, dengan bertawassul, mereka tidak bermaksud untuk mendekatkan diri kepada Allah, kerana mendekatkan diri kepada Allah hanya boleh dicapai dengan ibadat, kerana itu Allah berfirman tentang orang-orang musyrik:

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ

“Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya”

(Az-Zumar : 3)

Tujuan kaum Muslimin adalah untuk mencari berkat syafaat, bukan pendekatan diri sebagaimana yang disebutkan.

Kelima

Kepercayaan orang-orang musyrik sebagaimana mereka katakan:

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ

“Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya”

(Az-Zumar : 3)

Adalah pendekatan hakiki, yang menganggap Allah sebagai suatu bentuk jasmani yang tinggal di langit, yang menunjukkan ini adalah kata-kata mereka “...sehampir-hampirnya(zulfa)” yang mengandung makna hakiki, bukan makna kiasan.

Sedangkan kaum Muslimin tidak mempercayai bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu suatu bentuk jasmani di langit, sehingga dengan bertawassul, mereka tidak memohon pendekatan hakiki kepadaNya. Dengan demikian ayat di atas tidak sesuai bagi mereka.

Benar, apabila Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dipercayai sebagai suatu bentuk jasmani yang *istiwa'* di atas arasyNya di langit, maka berkat yang dituju oleh kaum Muslimin dengan tawassulnya tidak sesuai dengan makna ini. Makna *Zulfa* mengarah kepada kedekatan jasmaniyyah. Oleh kerana itu ayat ini sesuai bagi orang-orang musyrik itu.

Apabila diteliti, maka syirik boleh dibezakan berdasarkan beberapa aspek : *Syirkul Istiqlal*, iaitu menetapkan adanya dua Tuhan yang bebas, seperti syirik orang-orang Majusi.

Ada pula *Syirkul Tab'ith* iaitu kepercayaan bahawa Tuhan terdiri dari beberapa unsur tuhan lain, seperti syirik orang-orang Nasrani.

Ada pula *Syirkul Taqrib*, iaitu beribadat kepada selain Allah dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah (Zulfa), seperti syirik orang-orang jahiliyyah.

Syirik yang dinisbahkan oleh pihak lawan kita kepada orang yang bertawassul dan beristighathah adalah *syirkul taqrib*, yang merupakan syirik orang-orang jahiliyyah.

Yang membuatkan orang-orang jahiliyyah terjebak ke dalam syirik ini adalah dokongan syaitan yang mengatakan bahawa

ibadah mereka adalah untuk Allah. Kerana kelemahan dan kebodohnya, mereka meninggalkan taqarrub kepada Allah dan beribadah kepada makhluk-makhluk yang mereka anggap lebih kuat dan lebih mulia, seperti malaikat. Namun, kerana yang selalu disembah tidak pernah kelihatan, maka akhirnya mereka membuat patung sebagai ganti sembahannya mereka yang tidak kelihatan itu.

Kalau ini yang terjadi maka anda boleh melihat bahawa apa yang dilakukan oleh musyrikin jahiliyyah tidak serupa dengan kaum Muslimin yang bertawassul kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan perantaraan para Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan orang-orang soleh. Mereka menganggap patung-patung itu sebagai Tuhan, dan Tuhan itu ertinya : yang berhak untuk penyembahan dan ibadah. Mereka mempercayai bahawa patung-patung itu sebagai Tuhan yang berhak untuk pengabdian. Mereka juga percaya bahawa patung-patung itu membawa manfaat dan mudharat sehingga mereka menyembahnya.

Kepercayaan mereka yang seperti ini, dan juga ibadah mereka kepada patung-patung itu membuat mereka tenggelam dalam syirik. Ketika diajukan argumen bahawa patung-patung itu tidak memiliki sebarang manfaat dan mudharat, mereka menjawab :

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ

"Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingi kami kepada Allah sehampir-hampirnya"

(Az-Zumar : 3)

Justeru, bagaimana mungkin kaum Mukminin yang bertauhid disamakan dengan musyrikin. Tidak syak lagi bahawa kaum musyrikin itu kufur disebabkan oleh ibadah mereka. Mereka membuat patung Nabi, malaikat dan wali yang digambarkan dengan rupa manusia, kemudian mereka bersujud kepada patung-patung tersebut dan berkorban dengan menyembelih sesuatu. Demikian juga kepercayaan mereka bahawa malaikat, para Nabi dan wali itu seumpama Tuhan di samping Allah, yang boleh memberi manfaat dan mudharat kepada mereka.

Oleh kerana itu, di dalam banyak ayatNya, Allah mematahkan kata-kata mereka dan berfirman bahawa Tuhan yang berhak disembah, dan diibadahi. Seharusnya Tuhan yang mampu menghindarkan mudharat dan boleh memberi manfaat kepada orang-orang yang menyembah dan mengabdikan kepadanya.

Sedangkan orang yang beristighathah dan bertawassul terbebas dari ibadah dan kepercayaan seumpama ini.

Jelasnya, dakwaan bahawa istighathah itu adalah ibadah kepada selain Allah Subhanahu wa Ta'ala hanya dibesar-besarkan, sebab ayat-ayat yang dipakai sebagai dalil bagi tuduhan itu sebenarnya diturunkan bagi orang-orang kafir yang menyembah selain Allah dan menunjukan ibadahnya untuk taqarrub kepada selain Allah.

Manakala terdapatnya kepercayaan bahawa di samping Allah ada tuhan yang lain, dan Dia memiliki anak dan isteri, maka persoalannya sudah jelas, tiada lagi pertikaian.

Bukanlah ayat-ayat yang turun ke atas orang-orang kafir ini yang menunjukkan bahawa istighathah dengan perantaraan Nabi dan wali, di samping beriman kepada Allah sendiri, yang menjadi ibadah kepada selain Allah. Pihak lawan kita mungkin berkata bahawa istighathah adalah termasuk doa, sedangkan di dalam hadis yang mulia tertera bahawa doa adalah ibadah (satu bentuk pengabdian). Oleh sebab itu, orang yang beristighathah dengan perantaraan Nabi dan wali, menyembahnya untuk istighathah.

Pendapat ini tertolak, sebab sabda Rasul bahawa doa adalah ibadah menunjukkan dalil yang jelas, iaitu, ibadah yang dimaksudkan di dalam hadis di atas terbatas kepada doa sahaja. Dengan kata lain, boleh dikatakan bahawa doa adalah ibadah, sedangkan ibadah bukanlah semata-mata doa.

Ini mengandungi erti khusus. Kekhususan didalamnya ialah hadis yang membatasi makna ibadah dengan kata nama doa, sedangkan istighathah tidaklah seperti itu. Maka qiyas atas hadith tersebut bukanlah qiyas hal ini. Jadi, tidak semua doa itu ibadah. 'Doa' yang membawa erti ibadah adalah sepertimana yang difirmankan oleh Allah s.w.t. :

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ

'Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu...'

(Yunus : 106)

Sedangkan doa dengan makna al-isti'anah adalah seumpama yang dimaksudkan oleh firman Allah :

وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ

'... dan panggillah orang-orang yang kamu percaya ...'

(Al-Baqarah : 23)

Doa boleh juga diertikan 'permohonan' seperti firman Allah:

ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

'...Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu....'

(Ghafir : 60)

Boleh juga bererti 'perkataan' sepertimana firman Allah :

دَعْوَتُهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ

'Doa ucapan mereka di dalam Syurga itu ialah Maha Suci Engkau dari segala kekurangan wahai Tuhan! ...'

(Yunus : 10)

Adapun 'doa' dengan makna 'panggilan' ialah berdasarkan firman Allah :

يَوْمَ يَدْعُوكُمْ

'(Ingatlah akan) hari Ia menyeru kamu...'

(Al-Israa' : 52)

Atau dengan makna 'tasmiyah' iaitu sepertimana yang difirmankan oleh Allah :

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا

'Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu...'

(An-Nur : 63)

Demikianlah penjelasan dari pengarang kitab **Al-Itqan**.

Jadi yang dimaksudkan dengan 'do'a' di dalam hadis ialah do'a Allah, bukan do'a yang mutlak. Dalilnya adalah, maksud istilah 'do'a' di dalam hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam tersebut adalah do'a Allah, bukan sebagaimana do'a biasa yang digunakan oleh kebanyakan ahli bahasa. Dijelaskan pula bahawa 'As-Sual' adalah sebahagian dari 'Ath-Thalab', iaitu permohonan dari pihak yang lebih rendah kepada pihak yang lebih tinggi.

Apabila berasal daripada Allah s.w.t., maka disebut 'sual' dan 'do'a', dan tidak menunjukkan 'thalab' itu selain 'do'a'. Kalau tidak diperbolehkan untuk mengatakan dengan 'thalab' dari selain Allah, hanya 'du'a'. Apalagi kalau tidak dikatakan bahawa do'a adalah sebahagian dari ibadah.

Hadis dari Ibnu Sunni dengan sanad sahih dari Bilal r.a., Muazzin Rasulullah s.a.w., menunjukkan kebenaran pendapat ini. Rasulullah s.a.w. apabila keluar untuk melakukan solat, beliau berkata :

بِسْمِ اللَّهِ آمَنْتُ بِاللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ،
 اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِحَقِّ السَّائِلِينَ عَلَيْكَ، وَبِحَقِّ مُخْرِجِي هَذَا، فَإِنِّي
 لَمْ أَخْرُجْ بَطْرًا وَلَا أَشْرًا وَلَا رِيَاءً وَلَا سُمْعَةً، خَرَجْتُ ابْتِغَاءَ
 مَرْضَاتِكَ وَأَتَقَاءِ سُخْطِكَ، أَسْأَلُكَ أَنْ تُعِيدَنِي مِنَ النَّارِ وَأَنْ تُدْخِلَنِي
 الْجَنَّةَ

'Dengan nama Allah, aku beriman kepada Allah dan bertawakkal kepada Allah. Tiada daya dan kekuatan kecuali

dengan pertolongan Allah Subhanahu wa Ta'ala . Ya Allah, sesungguhnya aku meminta kepadaMu dengan hak orang yang meminta kepadaMu dan dengan hak yang mengeluarkan ini. Maka aku tidak keluar dengan penuh kesombongan, kejahatan, riya', atau sum'ah. Aku keluar benar-benar untuk mencari keredhaanMu dan menjauhi murkaMu. Aku memohon agar Engkau menjauhkanku dari api neraka dan memasukkanku ke dalam syurga.'

(Diriwayatkan oleh Al-Hafiz Abu Nu'a'im di dalam kitab '**Amal Al-Yaumi wa Al-Lailah** dari hadis Abu Sa'id, dan diriwayatkan oleh Al-Baihaqi di dalam kitab **Ad-Da'awat**, juga dari hadis Abu Sa'id)

Dalil yang boleh dipakai adalah pada kalimat : '*Dengan hak orang yang meminta kepadaMu.*'

Inilah tawassul yang dilakukan oleh Rasul s.a.w. Baginda menyuruh sahabat-sahabatnya untuk turut membacanya. Doa tersebut juga dibaca oleh para tabi'in terdahulu dan pengikutnya, mahupun orang-orang di kalangan generasi seterusnya, setiap keluar untuk melakukan solat. Tiada seorang pun yang ingkar untuk membaca doa ini.

Keterangan tentang tawassul dan istighathah lain yang berasal dari Rasul adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Ath-Thabrani di dalam kitab **Al-Kabir wa Al-Awsath**, Ibn Hibban serta Al-Hakim, dan dibenarkan olehnya, iaitu dari Anas bin Malik, katanya :

لَمَّا مَاتَتْ فَاطِمَةُ بِنْتُ أَسَدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، وَكَانَتْ رَبَّتُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهِيَ أُمُّ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، وَدَخَلَ عَلَيْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَجَلَسَ عِنْدَ رَأْسِهَا، فَقَالَ: ((رَحِمَكَ اللَّهُ يَا أُمَّيْ بَعْدَ أُمَّيْ)) وَذَكَرَ ثَنَاعَهُ عَلَيْهَا، وَيَكْفِيْنَهَا بِيُرْدِهِ وَأَمْرَهُ بِحَفْرِ قَبْرِهَا، فَلَمَّا بَلَغُوا اللَّحْدَ حَفَرَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ، وَأَخْرَجَ تُرَابَهُ بِيَدِهِ، فَلَمَّا فَرَّغَ دَخَلَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاضْطَجَعَ فِيهِ ثُمَّ قَالَ: ((اللَّهُ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ حَيٌّ لَا

يَمُوتُ، اغْفِرْ لَأُمِّي فَاطِمَةَ بِنْتِ أَسَدٍ، وَوَسِّعْ عَلَيْهَا مَدْخَلَهَا بِحَقِّ
 نَبِيِّكَ وَالْأَنْبِيَاءِ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِي، فَإِنَّكَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

'Tatkala Fatimah binti Asad meninggal, dan dialah yang memelihara Rasul dan merupakan ibunda Ali bin Abu Talib, masuklah Rasul kemudian duduk di sisi kepalanya dan berkata : 'Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan rahmatNya kepadamu, wahai ibuku setelah ibu (kandungku).' Baginda lalu mengucapkan terima kasih kepadanya dan mengkafaninya dengan 'burda'nya, kemudian menyuruh orang untuk menggali kuburnya. Sesampainya di liang lahat, Nabi menggali lagi dengan tangannya, lalu meletakkan jenazah di dalamnya, serta berkata : 'Allah, Yang Menghidupkan dan Yang Mematikan. Dia selalu hidup dan tidak mati. Berikanlah ampunan bagi ibuku, Fatimah binti Asad, dan lapangkanlah kuburnya, dengan hak NabiMu dan hak para Nabi sebelumku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.'

Kebanyakan perkataan syubhat ini menganggap tawassul, syafaat dan istighathah mempunyai makna yang sama. Tiada erti lain di hati kaum Mukminin kecuali mencari berkat dengan menyebut orang yang dikasihi Allah. Sebab Allah menetapkan rahmatNya bagi hamba-hambaNya lantaran kekasih-kekasihNya itu, baik mereka hidup atau mati.

Sebenarnya yang mencipta kesedihan dan perasaan-perasaan lainnya itu pada hakikatnya adalah Allah. Sedangkan orang-orang yang menjadi wasilah itu merupakan sebab yang biasa dan tidak memberikan pengaruh kepada mereka.

Syubhat mereka yang menolak tawassul adalah kerana mereka menemui sebahagian orang awam berbicara panjang dan menyebutkan lafaz-lafaz yang menimbulkan keyakinan baru bahawa hal itu bererti menyekutukan Allah. Sedangkan permohonan kepada orang-orang soleh, baik yang hidup atau yang mati, dianggap sebahagian daripada adat bahawa ia tidak meminta kecuali kepada Allah yang berfirman kepada si wali : *'Lakukanlah begini dan begitu.'*

Adakalanya mereka mempercayai kewalian kepada orang-orang yang tidak memiliki sifat seperti itu. Seringkali sikap

mereka tidak istiqamah. Orang-orang yang menganggap dirinya wali itu membawa suatu yang aneh-aneh di luar kebiasaan dan berperilaku janggal, pada hal mereka tidak memiliki apa-apa. Hal itu dijadikan untuk mengabui dan untuk menutupi segala keburukan mereka. Apabila orang-orang kebanyakan itu tidak mempercayai adanya pengaruh, manfaat, serta mudharat dari selain Allah, mereka memaksudkan tawassul hanya untuk mencari berkat.

Oleh kerana itu, kita boleh mengatakan kepada orang-orang yang menentang tawassul: Kalau masalahnya seperti itu, sementara kamu bermaksud membendung kejahatan, maka apa yang menyebabkan kamu menyesatkan umat, baik yang alim, yang jahil, mahupun yang awam, dan apa yang menyebabkan kamu menolak tawassul mentah-mentah?

Seharusnya kamu membimbing orang awam dengan penjelasan bahawa lafaz-lafaz tertentu mengandungi erti kiasan, seperti mengatakan: Makanan ini akan mengenyangkan aku, air ini menghilangkan dahagaku, dan ubat atau doktor ini akan memberiku manfaat. Perkataan seperti ini menurut Ahli Sunnah diperbolehkan kerana dianggap sebagai majaz aqli. Sebab makanan tidak mengenyangkan, yang mengenyangkan adalah Allah. Makanan menjadi sebab yang biasa, tidak ada pengaruh baginya, dan begitulah selanjutnya.

Justeru, seorang Muslim yang bertauhid apabila dikatakan kepadanya bahawa hal itu diperuntukkan bagi selain Allah, dia wajib menganggapnya sebagai majaz aqli. Keislaman dan tauhidnya terhadap itu semua adalah sebagaimana yang dimaksudkan oleh para ulama' di dalam kitab-kitab mereka dan ijma' mereka terhadapnya.

Penolakan tawassul secara mutlak tidak berdasarkan hadis-hadis yang sahih, lagi pun ia dilakukan oleh Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabat, umat terdahulu dan yang kemudian.

Orang yang mengingkari dan menolak tawassul adalah mereka yang menganggapnya haram, dan menganggap orang yang melakukannya kufur dan syirik.

Semua itu batil. Mereka menyampaikan kepada seluruh umat tentang keharaman dan kesyirikannya, tetapi ditemukan

bahawa para sahabat, ulama' terdahulu dan yang kemudian melakukan tawassul, bahkan dikerjakan oleh orang-orang Muslim dan Mukmin pada kebanyakan waktu. Apabila mereka dianggap berkumpul untuk melakukan sesuatu yang haram atau yang syirik, maka hal itu tidak boleh dibenarkan, sebab Rasul s.a.w. bersabda di dalam hadis yang sahih :

لَا تَجْتَمِعُ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ

'Tidak akan berkumpul umatku dalam kesesatan.'

Dan firman Allah :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

'Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia...'

(Ali Imran : 110)

Jadi, bagaimana mungkin mereka semua atau kebanyakannya boleh berkumpul dalam kesesatan, sedangkan mereka adalah umat terbaik yang pernah dilahirkan bagi umat manusia?

Maka mereka yang ingkar itu apabila ingin menahan kejahatan dan menahan lafaz yang kabur, sebagaimana yang mereka katakan : Seharusnya tawassul diatur dengan adab tertentu dan dengan lafaz-lafaz yang tidak mengandungi keraguan, seperti apa yang dinyatakan oleh orang yang bertawassul : *'Ya Allah, aku memohon kepadaMu dengan perantaraan NabiMu, Nabi-NabiMu sebelumnya, serta hamba-hambaMu yang soleh supaya aku begini dan begini...'*

Jadi mereka tidak seharusnya menolak tawassul secara mutlak, atau terlalu berani mengkafirkan orang-orang Muslim yang bertauhid, yang tidak percaya dengan adanya pengaruh sesuatu selain Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang tidak bersekutu.

Maka penolakan terhadap tawassul dan istighathah dengan sendirinya akan bercanggah dengan hadis-hadis sahih serta perbuatan orang-orang terdahulu dan yang kemudian. Anda boleh meneladani perilaku kebanyakan umat.

Allah s.w.t. berfirman :

وَمَنْ
يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا بُيِّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ عَيْرَ
سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ ۖ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ
مَصِيرًا

'Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawahnya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.'

(An-Nisa' : 115)

Sedangkan Rasul s.a.w. bersabda :

عَلَيْكُمْ بِالسَّوَادِ الْأَعْظَمِ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الدَّنْبُ مِنَ الْغَنَمِ الْقَاصِيَةَ

'Tkutilah kebanyakan umat, sebab serigala biasanya menerkam kambing yang terpisah dari kawan-kawannya.'

Rasul bersabda lagi :

مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ قَدَرَ شَيْئًا شَرًّا فَقَدْ خَلَعَ رِبْقَةَ الْإِسْلَامِ مِنْ عُنُقِهِ

'Barangsiapa meninggalkan jemaah walau sejenkal, maka dia telah melepaskan ikatan Islam dari lehernya.'

Diterima daripada Ibn Umar r.a., bahawa Nabi s.a.w. bersabda ketika berkhotbah di Al-Jabiyah :

مَنْ أَرَادَ بَحْبُوحَةَ الْجَنَّةِ فَلْيَلْزِمِ الْجَمَاعَةَ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ
وَهُوَ مِنَ الْإِثْنَيْنِ أَبْعَدُ

'Barangsiapa menghendaki kesenangan syurga, hendaknya dia tetap berada di dalam jema'ah, sebab syaitan akan menyertai orang yang bersendirian dan menjauhi orang yang berdua.'

Di dalam hadis 'Arfajah dikatakan : Aku mendengar Rasul bersabda :

يَدُ اللَّهِ عَلَى الْجَمَاعَةِ وَالشَّيْطَانُ مَعَ مَنْ يُخَالِفُ الْجَمَاعَةَ

'Tangan Allah berada di atas orang yang berjemaah, dan tangan syaitan berada di atas orang yang menolak jema'ah.'

Diterima daripada Usamah bin Syarik, katanya : Aku mendengar Rasul bersabda :

يَدُ اللَّهِ عَلَى الْجَمَاعَةِ، فَإِذَا شَدَّ الشَّاذُّ مِنْهُمْ اخْتَطَفَتْهُ الشَّيَاطِينُ كَمَا يَخْتَطِفُ الذَّبَّابُ الشَّاةَ مِنَ الْغَنَمِ

'Tangan Allah berada di atas orang yang berjemaah, dan kalau di antara mereka ada yang menentang, maka syaitan-syaitan akan menculiknya sebagaimana serigala menerkam domba yang terpisah dari kawan-kawannya.'

Diterima daripada Mu'az bin Jabal r.a., katanya: Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

إِنَّ الشَّيْطَانَ ذَنْبٌ لِلْإِنْسَانِ كَذَنْبِ الْغَنَمِ يَأْخُذُ الشَّاةَ الشَّاذَّةَ
الْقَاصِيَةَ وَالنَّائِبَةَ فَإِيَّاكُمْ وَالشَّعَابُ وَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَالْعَامَّةِ
وَالْمَسْجِدِ.

'Sesungguhnya syaitan adalah laksana serigala bagi domba-domba. Dia akan menerkam domba yang keluar dari kawan-kawannya. Maka jagalah persatuan kamu dalam jemaah umum dan masjid.'

Diterima daripada Abu Zar Al-Ghifari r.a., dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, Baginda bersabda :

إِثْنَانٍ خَيْرٌ مِنْ وَاحِدٍ، وَثَلَاثَةٌ خَيْرٌ مِنَ اثْنَيْنِ، وَأَرْبَعَةٌ خَيْرٌ مِنَ
الثَّلَاثَةِ، فَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ، فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَنْ يَجْمَعَ أُمَّتِي إِلَّا عَلَى
هُدًى

'Dua lebih baik daripada satu, tiga lebih baik daripada dua, dan empat lebih baik dari tiga, maka jagalah persatuan dan jamaah, sebab Allah Subhanahu wa Ta'ala menghimpunkan umatku di dalam hidayah.'

Mereka yang mengingkari tawassul dan ziarah, melepaskan diri dari jemaah dan masyarakat, serta menyandarkan diri kepada ayat-ayat Al-Quran yang diturunkan atas kaum musyrikin, kemudian dinisbahkan kepada kaum Mukminin yang melakukan ziarah dan tawassul. Dengan cara itu, mereka mengkafirkan para ulama', orang-orang soleh, ahli-ahli ibadah, orang-orang yang zuhud, mahupun orang-orang awam. Sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ala ada di atas perbezaan tentang apa yang mereka kata dan tuduhkan.

Menurut pandangan mereka, menolak tawassul dan ziarah merupakan penjagaan terhadap tauhid, sebab mengerjakan itu semua mengheret seseorang ke lembah syirik. Ini merupakan angan-angan yang buruk dan batil. Apabila masing-masing mengerjakan tawassul dan ziarah atas dasar adab-adab syariat yang mulia, maka ini semua tidak akan mengheret mereka kepada perkara terlarang.

Barangsiapa yang mengatakan larangan itu untuk menjauhi kejahatan bererti dia hanya membuat dakwaan kosong terhadap Allah dan atas RasulNya. Mereka yang menolak tawassul dan ziarah itu meyakini bahawa tidak boleh ada pengagungan terhadap Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Maka apabila ada seseorang yang melakukan pengagungan terhadap Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, dia dihukum kufur dan syirik. Padahal masalahnya tidak sebagaimana yang dikatakan. Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja yang mengagungkan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, di dalam Al-Quran yang mulia dengan pengagungan yang paling tinggi.

Dengan demikian, kita wajib mengagungkan orang yang diagungkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menyuruh orang lain melakukan hal yang sama.

Dalam hal ini, kita diwajibkan untuk tidak menyebutnya dengan sesuatu dari sifat ketuhanan, dan selama mengagungkannya kita pun dilarang menyebutkan dengan sifat ketuhanan. Namun kita tetap diperbolehkan untuk bertawassul dan berziarah kepadanya. Mengagungkan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* tanpa sifat ketuhanan bukanlah suatu yang kufur atau syirik, melainkan merupakan ketaatan dan pendekatan diri yang paling agung.

Demikianlah orang-orang yang diagungkan oleh Allah, seperti para Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*, Mursalin, Malaikat, Siddiqin, Syuhada' dan Solehin.

Allah berfirman di dalam Al-Quran :

وَمَنْ يُعْظِمِ شَعِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

'...dan sesiapa yang menghormati Syiar-Syiar Allah maka sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati.'

(Al-Haj : 32)

Allah berfirman pula :

وَمَنْ يُعْظِمِ حُرْمَتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ

'...dan sesiapa yang mengagungkan apa-apa yang patut dihormati di sisi Allah, maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya. ...'

(Al-Haj : 30)

Bertitik tolak dari sini, maka kita mengagungkan Ka'bah, Hajar Al-Aswad, mahu pun maqam Ibrahim yang kesemuanya adalah batu belaka. Allah memerintahkan kita mengagungkannya dengan tawaf mengelilingi Ka'bah dari rukun Yamani, mencium Hajar Al-Aswad, juga sembahyang di belakang maqam Ibrahim dan melakukan wukuf untuk berdoa di Al-Mustajjar, di pintu

Ka'bah dan Al-Multazam. Dalam semua hal itu, yang kita sembah tetap Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semata dan tiada pengaruh, manfaat mahupun mudharat dari selain Dia.

Natijahnya muncul dua masalah di sini.

Pertama

Adanya kewajipan untuk mengagungkan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan meninggikan kedudukannya di atas seluruh makhluk.

Kedua

Adanya kewajipan untuk mengesakan Tuhan dan menumbuhkan keyakinan bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala itu Esa dengan zat, sifat dan perbuatanNya atas seluruh makhlukNya. Maka barangsiapa mempercayai bahawa ada makhluk yang menyertai Yang Maha Kuasa dalam suatu hal itu, maka dia menjadi musyrik, seperti kaum musyrikin yang meyakini patungnya sebagai tuhan yang berhak untuk disembah.

Barangsiapa mengurangi sesuatu dari martabat Rasul, bererti dia telah menentang atau kufur terhadapnya. Barangsiapa berlebihan dalam mengagungkannya dengan bermacam-macam pengagungan, maka dia berada dalam kebenaran, asalkan tidak menyifatkan Baginda dengan sesuatu dari sifat Allah Subhanahu wa Ta'ala. Pendek kata, asalkan kita boleh menghindarkan sifat rububiyah darinya dan menjaga keseluruhan risalah, bererti kita tidak berlebihan.

Apabila ada berbaur dengan suatu selain Allah pada perkataan kaum Mukminin, maka kita wajib melihatnya sebagai majaz aqli, dan tiada jalan untuk mengkafirkannya sebab majaz aqli juga dipakai di dalam Al-Quran dan Hadis.

Allah berfirman :

وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا زَادَتْهُمْ إِيمَانًا

'...dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman ...'

(Al-Anfal : 2)

Bertambah keimanan dengan adanya ayat-ayat tersebut merupakan majaz aqli, kerana ayat-ayat itu menjadi penyebab bertambahnya iman, sedangkan yang menambah keimanan pada hakikatnya adalah Allah sendiri.

Allah berfirman lagi :

يَوْمًا يَجْعَلُ الْوِلْدَانَ شِيبًا

'...hari yang huru-harunya menyebabkan kanak-kanak menjadi tua beruban...'

(Al-Muzammil : 17)

'...hari yang menyebabkan', di sini merupakan majaz aqli, sebab dikatakan hari yang membuatkan seseorang menjadi tua, sedangkan yang menjadikan seseorang itu tua pada hakikatnya adalah Allah.

Di dalam hadis-hadis terdapat banyak kalimat-kalimat semacam itu. Maka orang yang mengetahui perbezaan makna hakiki dan makna majazi tidak akan terburu-buru memanjang-manjangkan perbahasan.

Namun dalam hal ini makna-makna kalimat itu berasal dari Si Pencipta. Justeru, makna-makna majazi juga didasarkan kepada kepercayaan yang benar, iaitu kepercayaan bahawa pencipta umat manusia mahupun perbuatan mereka adalah Allah Subhanahu wa Ta'ala sendiri. Tiada yang mempengaruhi makna-makna itu selain Allah Subhanahu wa Ta'ala .

Dalil yang paling tepat bagi seseorang yang ingin mengarahkan dirinya kepada para Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam adalah bertawassul dengan perantaraan mereka di dunia dan di akhirat. Semua orang yang berdosa, bertawassul kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan perantaraan orang yang dekat denganNya. Hal ini tidak diingkari oleh sesiapa pun, dan tidak ada bezanya antara mencari syafaat, tawassul atau istighathah. Sedangkan taqarrub kaum musyrikin kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidaklah seperti itu. Mereka

menunjukkan ibadah kepada selainNya. Maka itulah yang termasuk kufur.

Sedangkan kaum Muslimin apabila bertawassul dengan perantaraan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam atau para Nabi dan orang-orang soleh lainnya tidaklah menyembah mereka. Hal itu juga tidak mengeluarkan mereka dari tauhid kepada Allah. Hanya Dialah yang Maha Tunggal dan yang boleh membawakan manfaat dan mudharat.

Pada zaman pemerintahan Umar Al-Khattab r.a. pernah beliau memohon hujan dengan wasilah Abbas bin Abdul Muttalib, bapa saudara Nabi, dan Allah meredhainya. Di tengah musim kering yang penuh debu dan kering kontang, hujan pun turun. Peristiwa ini disebut di dalam Sahih Bukhari, dari riwayat Anas bin Malik Radiallahu‘anhu dan ia juga merupakan contoh tawassul.

Dalam kitab **Al-Mawahib Al-Laduniyyah** oleh Al-Qasthalani disebutkan bahawa tatkala memohon hujan dengan perantaraan Al-Abbas r.a., Umar r.a. berkata: *‘Saudara-saudara, sesungguhnya Rasul telah melihat pada diri Abbas apa yang dapat dilihat pada diri seorang ayah.’* Maka mereka meniru bapa saudaranya dan mengambilnya sebagai wasilah kepada Allah Subhanahu wa Ta‘ala. Di dalam perkataan Umar ini terdapat banyak kenyataan tawassul.

Dengan ini, batillah pendapat orang-orang yang menolak tawassul secara mutlak, baik dengan perantaraan orang yang masih hidup mahupun yang sudah mati. Kalau ada yang menolak hal itu, kerana merupakan perbuatan Umar Al-Khattab r.a. dan bukan perbuatan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam, maka kita boleh mengajukan hujjah sabda Rasul :

إِنَّ اللَّهَ جَعَلَ الْحَقَّ عَلَى لِسَانِ عُمَرَ وَقَلْبِهِ

‘Sesungguhnya Allah menjadikan kebenaran pada lisan Umar dan hatinya.’

Sedangkan Ath-Thabrani meriwayatkan di dalam kitab **Al-Kabir**, dari Abu Darda' r.a. bahawa Rasul s.a.w. bersabda :

اِقْتَدُوا بِالَّذِينَ مِنْ بَعْدِي أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ، فَإِنَّهُمَا حَبْلُ اللَّهِ الْمَمْدُودِ،
مَنْ تَمَسَّكَ بِهِمَا فَقَدْ تَمَسَّكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا انْفِصَامَ لَهَا

'Teladanilah sepeninggalanku, Abu Bakar dan Umar kerana keduanya adalah 'tali' Allah yang terhulur. Barangsiapa berpegang dengannya maka dia berpegang dengan tali yang tidak akan putus.'

Kandungan

SYUBHAT MENGINKARI ISTIGHATHAH DENGAN PERANTARAAN ORANG MATI

Berserta Jawabannya

Ramai orang yang menentang istighathah, fanatik dengan pandangan mereka. Mereka berpegang dengan keingkaran mereka tanpa berdasarkan dalil yang mantap atau hujjah yang kuat, yang boleh membuktikan benar salahnya pandangan mereka.

Mereka menganggap mereka berada di dalam kebenaran, sehingga timbul perdebatan hangat, hingga mencetuskan penentangan terhadap istighathah dengan perantaraan orang mati dan menolak untuk memohon dengan perantaraan mereka. Alasannya ialah para Nabi, Mursalin, dan wali-wali yang soleh atau kaum Mukminin pada umumnya yang sudah mati terlepas dari kehidupan dunia dan berubah menjadi tanah. Tidak ada yang tinggal di dalam kubur mereka. Mereka juga tidak boleh mendengar atau mengetahui apa-apa pun.

Namun kebenaran di dalam perbicaraan ini adalah lain dari apa yang mereka tuduhkan. Kebenaran berpihak kepada apa yang mereka tidak ketahui.

Sunnah yang mulia menjawab tuduhan mereka dengan jelas dan kuat, dan membatalkan kata-kata mereka melalui hadis-hadis sahih.

Imam Al-Bukhari dan Muslim, dan juga Ashab As-Sunan mengeluarkan sebuah hadis daripada Ibn Umar r.a., katanya:

اطَّلَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَهْلِ الْقُلَيْبِ فَقَالَ: هَلْ
وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَكُمْ رَبُّكُمْ حَقًّا؟ فَقِيلَ لَهُ: أَتَدْعُونَ أَمْوَاتًا؟ فَقَالَ: مَا
أَنْتُمْ بِأَسْمَعَ مِنْهُمْ، وَلَكِنْ لَا يُجِيبُونَ.

'Rasul mengamati para penghuni kubur Al-Qulaib kemudian bersabda : 'Apakah kamu menemui apa yang dijanjikan oleh Tuhan kamu?' Orang-orang bertanya kepada Baginda: 'Apakah anda memanggil orang-orang mati itu?' Baginda menjawab : 'Kamu tidak lebih mendengar daripada mereka, namun mereka tidak menjawab.'

Maka barangsiapa yang melihat dengan mata kebenaran dan kesadaran kepada hadis ini serta penjelasan lafaz : *'Kamu tidak mendengar daripada (jawapan) mereka'*, akan menyadari bahwa bukan suatu yang mustahil bahwa orang-orang yang mati boleh mendengar dan mengetahui, sebab mereka sedang menjalani kehidupan di alam barzakh. Yang mengingkari hal ini hanya orang-orang yang menolak tawassul dan syafaat dengan perantaraan para Nabi dan wali Allah yang soleh, atau beristighathah dengan perantaraan mereka. Mereka yang ditakdirkan oleh Allah di alam barzakhnya itu menjadi penyebab dikabulkannya permohonan orang-orang yang meminta syafaat atau menolak kejahatan. Namun orang-orang yang ingkar itu meyakini bahwa orang yang mati akan berubah menjadi tanah, tidak boleh mendengar, tidak mengetahui, tidak boleh melihat, dan tidak menjalani kehidupan alam barzakh di kuburnya. Itu sebabnya mereka hairan ketika mengetahui adanya tawassul dengan perantaraan orang mati seperti orang yang masih hidup di dunia.

Sekiranya mereka memiliki keyakinan bahwa semua ahli kubur menjalani kehidupan barzakh, berakal, boleh mengetahui, mendengar, melihat, sehingga mengetahui orang yang berziarah kepadanya, yang memberi salam kepadanya, dan menjawab salam serta saling berziarah antara mereka, dalam kenikmatan atau seksaan kubur. Sedangkan nikmat dan seksaan hanya boleh dirasakan oleh roh dan jasad secara utuh.

Perbuatan orang yang masih hidup akan diperlihatkan kepada mereka. Apabila orang yang hidup itu melakukan kebaikan, si ahli kubur akan bertahmid kepada Allah, bergembira dan mendoakan tambahan kebaikan dan ketabahan. Apabila si ahli kubur melihat keburukan yang dilakukan oleh orang-orang yang masih hidup, maka akan akan berdoa kepada Allah untuk mereka.

Seandainya orang-orang yang ingkar itu mempercayai hal tersebut, maka mereka tidak akan ingkar, sebab alam barzakh merupakan perpindahan dari satu alam ke alam yang lain, dan seluruh keadaan yang kita sebutkan tadi telah ditetapkan dengan nas Al-Kitab dan Sunnah, serta ijma' umat terdahulu mahupun kemudian.

Namun orang yang tidak mempercayai hal tersebut akan meninggalkan kewajiban untuk mengimani sesuatu dan menjadikan dirinya keluar dari Sunnah Sayyidil Mursalin, sebab kebangkitan dan pemergian ke padang mahsyar termasuk rukun iman. Barangsiapa mengkafirkan orang yang ingkar dan menolak adanya kehidupan di kubur serta nikmat atau seksa di dalamnya bererti menolak kebangkitan kecil yang merupakan contoh kebangkitan.

Barangsiapa mengingkari hal ini, bererti dia mengingkari kenyataan yang sudah menjadi ijma' seluruh umat. Dikatakan kepadanya, kalau roh itu tetap hidup, maka apa halangannya apabila kita memohon syafaat, tawassul, doa dan sebagainya, sebab ia menjalani kehidupan yang abadi dan tidak mati, sebagaimana disebutkan oleh para ulama'. Ia juga boleh menjadi penyebab dari hal-hal yang dtakdirkan Allah di atas tangannya.

Pengingkaran hakikat ini dilakukan oleh kebanyakan orang, termasuk mereka yang mengaku berilmu. Seharusnya mereka wajib meneliti kebenaran dalam hal ini, termasuk pengingkaran terhadap hal yang wajib diyakini, iaitu nikmat dan seksa kubur.

Penulis kitab **Nizam As-Syaibaniyyah** berkata: *'Sesungguhnya seksa kubur itu benar, dan berlaku atas roh mahupun jasad.'*

Justeru nikmat dan seksa ke atas roh dan jasad itu memang ada, walaupun kita tidak melihatnya. Ia termasuk sebahagian dari keimanan terhadap hal-hal ghaib, yang merupakan kehendak Allah dan hal ini dinisbahkan kepada akal.

Apabila dinisbahkan kepada ayat-ayat Al-Quran yang mulia, hadis-hadis yang suci, dan perkataan orang-orang terdahulu, maka semuanya sesuai dengan keadaan yang kita sebutkan tentang para penghuni barzakh. Kalau orang-orang yang ingkar itu tidak mengetahui hal itu, maka kita mengingatkan mereka dengan mengikuti hadis-hadis sahih yang menerangkan tentang tawassul, syafaat, dan permohonan dengan perantaraan mereka. Mereka menjadi sebab bagi terkabulnya syafaat itu, dan bukan mereka sendiri yang melakukannya dengan bebas, bukan dengan ketukan hati orang-orang yang bertawassul dengan perantaraan mereka. Perbuatan mereka hanya dinisbahkan kepada Allah, sebab mereka mengetahui bahawa para Nabi dan wali sudah wafat – tetapi hidup di sisi Tuhan mereka – tidak memiliki kemampuan kecuali dengan izin Allah.

Dengan kehendakNya, Allah memberi mereka keluarbiasaan, atau dapat dikatakan, Allah melakukan sesuatu untuk mereka atau dengan wibawa dan kehormatan mereka.

Maka walaupun orang-orang bertawassul itu menisbahkan perbuatannya kepada orang mati, hal itu bukanlah kehendak yang hakiki dari orang-orang mati itu, melainkan majaz. Mereka hanya menjadi penyebab terkabulnya permohonan.

Sedangkan apa yang diutarakan oleh para cendikiawan itu adalah dorongan syaitan yang keluar dari dalil aqliyyah dan naqliyyah.

Sebahagian orang percaya dengan keadaan penghuni barzakh sebagaimana yang kita sebutkan, tetapi mereka membayangkan dengan akalnya. Allah memberikan kurnia kepada orang-orang mati itu berupa berbagai macam *karamah* atau perbuatan. Namun, permintaan syafaat kepada mereka tidak menutup ketetapan hidupnya para Nabi di kubur-kubur mereka dan ia merupakan kehidupan hakiki.

Allah berfirman :

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي
سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أحيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ

'Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur Syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki;'

(Ali Imran : 169)

Kalau hal ini ditetapkan kepada para syuhada' dari seluruh umat di segala zaman, maka tidak diragukan lagi bahawa para Nabi itu berada di bahagian terhadapan, sebab dikatakan : *'Tidak ada antara para Nabi kecuali sudah mendapatkan rezeki syahadah.'* Hal ini jelas.

Al-Halabi berkata di dalam kitab : **As-Sirat An-Nabawiyah**: Keutamaan boleh menjadi yang utama. Maka qiyas bukanlah hal yang terlarang, kecuali bagi pihak-pihak yang tidak menghendaki dengannya nas yang sesuai dengan qiyas ini. Telah tertera dalam hadis-hadis yang sahih yang disepakati, hal-hal yang sesuai dengan hal itu. Maka di dalam Al-Bukhari dan Muslim disebutkan :

مَرَرْتُ لَيْلَةَ أُسْرِي بِي عَلَى مُوسَى وَهُوَ قَائِمٌ فِي قَبْرِهِ يُصَلِّي

'Pada malam Isra' aku melewati Nabi Musa, sementara beliau berdiri di kuburnya dan melakukan solat.'

Tertera pula dalam riwayat Al-Baihaqi dan lain-lain dengan sanad yang sahih bahawa Rasul s.a.w. bersabda :

الأنبياءُ أحياءٌ في قبورهم يصلون

'Para Nabi itu hidup di kubur-kubur mereka dan melakukan solat.'

Tercantum: *'Sesungguhnya Allah telah mengharamkan tanah untuk memakan jasad para Nabi.'*

Para ulama' telah sepakat tentang hal itu.

Dikeluarkan oleh Bukhari dan Muslim di dalam **Sahihnya** :

إِنَّ اللَّهَ بَعَثَ لِنَبِيِّنَا جَمِيعَ الْأَنْبِيَاءِ لَيْلَةَ الْإِسْرَاءِ فَصَلَّى بِهِمْ إِمَامًا
رَكَعَتَيْنِ

'Sesungguhnya Allah telah membangkitkan bagi Nabi kita sekalian para Nabi pada malam Isra', lalu solat bersama mereka sebagai imam sebanyak dua raka'at.'

Solat itu terdiri dari ruku' dan sujud, dan untuk melakukannya diperlukan jasad yang hidup, sebagaimana dikatakan tentang solat Musa di dalam kuburnya.

Di dalam kitab **Al-Misykat**, dengan menceduk dari Sahihain, dinyatakan :

وَقَدْ رَأَيْتَنِي فِي جَمَاعَةٍ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ، فَإِذَا مُوسَى قَائِمٌ يُصَلِّي، فَإِذَا
هُوَ رَجُلٌ ضَرْبُ جَعْدٍ - يَعْنِي شَعْرُهُ غَيْرُ سَبَطٍ - وَكَأَنَّهُ مِنْ رِجَالِ
شُنُوعَةٍ وَهُمْ قَوْمٌ سَمْرُ اللَّوْنِ

'Aku melihat diriku di antara para Nabi, kemudian aku melihat Musa berdiri untuk melakukan solat. Ternyata dia adalah seorang yang berambut ikal - rambutnya tidak lurus - dan kelihatan seperti orang Syanu'ah iaitu orang-orang yang berkulit matang.'

Berkata Syeikh 'Ali Mala'l Qari dalam syarahnya : *'Para Nabi itu hidup di sisi Tuhannya, dan Allah mengharamkan tanah untuk memakan daging tubuh mereka. Jasad-jasad mereka, seperti seumpama ruh mereka, halus dan tidak keras. Maka tidak ada yang menghalangi mereka untuk muncul di dalam Muluk dan Malakut secara sempurna dengan kehendak Zul Jalal.'*

Di antara yang menguatkan bahawa para Nabi itu hidup dengan roh dan jasad ialah hadis sahih :

فَإِذَا مُوسَى قَائِمٌ يُصَلِّي

'Kemudian nampaklah Musa berdiri untuk melakukan solat.'

Hakikat solat adalah melakukannya dengan perbuatan, yang hanya boleh dilakukan dengan jasad dan roh, bukan hanya roh. Apalagi selanjutnya digambarkan :

فَإِذَا مُوسَى رَجُلٌ صَرَبٌ

'Ternyata Musa adalah seorang yang kuat.'

Iaitu seorang pemuda yang berperawakan sederhana, atau bertubuh sederhana. Di dalam **An-Nuhayah** dikatakan : *'Ikal seperti orang Syanu'ah.'*

Dikatakan pula : *'Sesungguhnya para Nabi tidak wafat sebagaimana semua yang hidup, melainkan berpindah dari alam fana' ke alam baqa' dan hal ini tertera di dalam hadis-hadis dan berita-berita.'*

Dari Imam Al-Baihaqi, di dalam kitab **Al-I'tiqad**, terdapat penjelasan bahawa roh para Nabi itu setelah dicabut akan dikembalikan lagi kepada mereka, kemudian dilenyapkan dari pandangan kita. Mereka tetap seperti sediakala meskipun kita tidak boleh melihat mereka, sebagaimana kita tidak boleh melihat malaikat – kecuali orang-orang tertentu yang diberi karamah tersendiri oleh Allah.

Hal yang serupa juga disebut oleh Al-Imam As-Suyuti yang mengambil kata-kata Al-Imam An-Nawawi, As-Subki dan Al-Qurtubi dari syeikhnya.

Ibn Qayyim juga telah menyentuh hal ini di dalam kitab *Ar-Ruh*, serta Ibn Hajar, Ar-Ramli, juga Al-Qadhi Zakariyya, Kamaluddin Al-Hanafi, Ibn Abi Jumrah Al-Maliki, dan muridnya Ibn al-Haj di dalam kitabnya **Al-Madkhul** serta ulama'-ulama' lain yang boleh dipercayai.

Said bin Al-Musayyab telah membenarkan kisah tentang peristiwa di Al-Hurrah, ketika dia menyendiri di masjid Nabawi. Saat itu tiada siapa yang mengumandangkan azan dan iqamah di masjid, tetapi kemudian terdengarlah suara azan dan iqamah dari bilik Nabi s.a.w..

Dari Yahya bin Abi Kathir, katanya : *'Sesungguhnya di Masjid Nabawi tidak dikumandangkan azan pada hari-hari Al-Hurrah. Orang-orang keluar, tetapi Sa'id bin Al-Musayyab tetap berada di dalam masjid.'*

Kemudiannya Sa'id bercerita : *'Aku merasa kesepian, kemudian menghampiri kubur. Apabila masuk waktu zuhur, aku mendengar suara azan dari kubur, lalu aku solat dua raka'at. Berikutnya aku mendengar suara iqamat, maka aku melakukan solat zuhur. Azan dan iqamat itu terdengar pada setiap waktu solat sehingga tiga hari. Kemudian orang-orang kembali ke masjid, para muazzin datang, dan aku mendengar suara azan mereka dan tiada lagi terdengar dari kubur. Kemudian aku kembali ke majlisiku semula.'*

Hal itu disebutkan pula oleh Ibn Taimiyyah di dalam kitabnya: **Iqtidha As-Sirath Al-Mustaqim.**

Ramai di kalangan Muslimin yang mendengar jawapan salam dari kubur Nabi s.a.w. di banyak waktu. Tercatat hal ini dari orang-orang mati sebagaimana terdapat di dalam hadis-hadis sahih yang kuat. Natijahnya, ketetapan tentang hidupnya para Nabi di kubur mereka merupakan ijma' dan tidak menolak keterangan dari hadis sahih :

مَا مِنْ أَحَدٍ يُسَلِّمُ عَلَيَّ إِلَّا رَدَّ اللَّهُ عَلَيَّ رُوحِي حَتَّى أُرَدَّ عَلَيْهِ
السَّلَامَ

'Tidak ada seorang pun yang memberi salam kepadaku, kecuali Allah akan mengembalikannya kepadaku hingga aku menjawab salamnya.'

Secara zahir, ini bererti sebelum rohnya yang suci terpisah dari jasadnya, kemudian dikembalikan untuk menjawab salam.

Para ulama' menjawab, pendapat ini dengan baik, iaitu bahawa Rasul pada saat itu terpesona melihat keliling Al-Quds,

di mana hal itu sangat mempengaruhi perasaannya yang suci. Apabila ada seorang Muslim yang mengucapkan salam, maka rohnya tersedar dan menjawab dari tempat itu. Kalau dimisalkan dengan kejadian di alam dunia ini adalah seperti orang yang perasaannya tenggelam dalam masalah-masalah duniawi mahupun ukhrawi. Kalau ada orang yang berbicara dengannya, dia tidak mendengar kerana perasaannya tenggelam. Bagaimana pula Rasul tidak tenggelam dalam perasaannya kerana menyaksikan keindahan Zul Jalal wal Ikram!

Di antara dalil-dalil yang menunjukkan kebenaran tawassul dengan perantaraan Rasul setelah wafatnya ialah apa yang diriwayatkan oleh Ad-Darimi di dalam **Sahihnya**, dari Abu Al-Jauza' yang berkata : *'Kota Madinah pernah dilanda musim kering yang kontang sehingga orang-orang mengadu kepada Aisyah, yang kemudian berkata : 'Pergilah ke kubur Rasul dan buatlah lubang ke langit agar tidak ada yang menghalang antara kubur dan langit.' Kata-kata Aisyah dilaksanakan, lalu turunlah hujan sampai rumput-rumputnya tumbuh dan unta-unta menjadi gemuk sampai tidak kuat berjalan kerana banyaknya lemak, sehingga tahun itu dipanggil tahun Al-Fataq.'*

Membuat lubang pada saat musim kering, sebagaimana kata ulama' menjadi sunnah penduduk Madinah untuk membuka langit-langit kamar walaupun atapnya tetap menjadi penghalang antara kubur Rasul yang suci dengan langit.

Penulis kitab **Khulasatul Wafa'** menyebut : *'Sunnah mereka sekarang adalah membuka pintu yang mengarah kepada wajah Rasullullah yang suci dan berkumpul di sana. Tujuannya tidak lain adalah bertawassul dan meminta syafaat kepada Allah dengan perantaraan Nabi s.a.w., mengenangkan ketinggian kedudukan dan darjatnya di sisi Allah.'*

Al-Hafiz bin Hijr meriwayatkan daripada Abi Sa'id As-Samani bahawa sesungguhnya dia meriwayatkan daripada Ali bin Abi Thalib bahawa tiga hari setelah mereka mengebumikan Rasullullah Sallallahu 'alaihi wasallam, datanglah seorang dusun yang menjatuhkan dirinya di atas kubur Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, lalu menaburi kepalanya dengan tanah seraya berkata: *'Wahai Rasullullah Sallallahu 'alaihi wasallam, engkau berkata dan kami mendengarkan kata-katamu, engkau belajar*

dari Allah Subhanahu wa Ta'ala apa yang kami pelajari darimu. Antara yang diturunkan kepadamu adalah firmanNya:

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

“...Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.”

(An-Nisa' : 64)

Aku telah menzalimi diriku, lalu aku datang untuk memohon ampun bagi diriku kepada Tuhanku. Kemudian terdengar suara dari kubur yang mulia : ‘Sesungguhnya engkau diberi ampunan.’

Hal itu dikuatkan oleh hadis yang sahih dari Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam yang bersabda :

حَيَاتِي خَيْرٌ لَّكُمْ، تُحَدِّثُونَ وَيُحَدِّثُ لَكُمْ، وَوَفَاتِي خَيْرٌ لَّكُمْ تُعْرَضُ
عَلَيَّ أَعْمَالِكُمْ مَا رَأَيْتُمْ مِنْ خَيْرٍ حَمِدْتُ اللَّهَ، وَمَا رَأَيْتُمْ مِنْ شَرٍّ
اسْتَغْفَرْتُ لَكُمْ

‘Hidupku merupakan kebaikan bagi kamu. Kamu mengkhabarkan dan kamu mendapatkan khabar. Wafatku merupakan kebaikan bagi kamu, di mana amal perbuatan kalian dilaporkan kepadaku. Apabila aku melihatnya baik, maka aku bertahmid kepadaNya; dan apabila aku melihatnya buruk maka aku memohonkan istighfar bagi kamu.’

Dalam soal ini banyak sekali athar, sehingga permasalahan ini tidak perlu dipanjangkan lagi.

Telah ditunjukkan amal perbuatan orang hidup kepada orang mati. Maka seandainya si mati itu tidak boleh melihat, maka

amal perbuatan orang yang hidup tidak perlu dilaporkan kepadanya. Apabila dikatakan bahawa sesuatu itu ditunjukkan, maka maksudnya tentu ditunjukkan kepada seseorang yang boleh melihat, mendengar, merasakan, menyaksikan dan menindak. Itu semua merupakan sifat-sifat orang hidup, bukan orang mati.

Apa yang dimaksudkan dengan '*dilaporkan*', menunjukkan adanya sesuatu catatan yang ditulis oleh malaikat yang menjaganya. Hal inilah yang perlu diselidiki, sebab kebanyakan orang tidak mengetahui kerana tidak faham dengan Sunnah Nabawiyah. Hadis-hadis yang kuat meriwayatkan soal ini.

Bahkan sebahagian orang yang mengaku berilmu sempat bertanya : *'Bagaimana para Nabi dan wali itu boleh mengetahui orang-orang yang meminta syafaat dengan perantaraan mereka kemudian memanggil mereka?'*

Pertanyaan ini boleh dijawab seperti berikut : *'Orang-orang itu dapat diperhatikan oleh para Nabi dan wali beserta amalan dan perbuatannya.'*

Atau boleh jadi itu merupakan karamah yang luar biasa, yang ada dan diyakini oleh mereka. Atau diperlihatkan amal-amal perbuatan yang tertera di dalam hadis-hadis.

Berkaitan ditunjukannya amal-amal perbuatan umat kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, telah diriwayatkan oleh Al-Bazzar dengan sanadnya - dan orang-orangnya adalah orang-orang yang benar - dari Abi Mas'ud Radiallahu'anhu, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

حَيَاتِي خَيْرٌ لَكُمْ، تُحَدِّثُونَ وَيَحَدِّثُ لَكُمْ، فَإِذَا أَنَا مِتُّ كَانَتْ
وَوَفَاتِي خَيْرٌ لَكُمْ تُعْرَضُ عَلَيَّ أَعْمَالُكُمْ، فَإِنْ رَأَيْتُ خَيْرًا حَمِدْتُ
اللَّهَ، وَإِنْ رَأَيْتُ شَرًّا اسْتَغْفَرْتُ لَكُمْ

'Hidupku merupakan kebaikan bagi kamu. Kamu mengkhabarkan dan kamu mendapatkan khabar. Wafatku merupakan kebaikan bagi kamu, di mana amal perbuatan kamu dilaporkan kepadaku. Apabila aku melihatnya baik, maka aku bertahmid kepadaNya; dan apabila aku melihatnya buruk, maka aku memohonkan istighfar bagi kamu.'

Manakala si mati tahu keadaan orang yang hidup telah diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dalam **Musnadnya** dan Abdul Razzaq di dalam **Mushannafnya**, dari Sufyan, dari Anas bin Malik, ia berkata : Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda :

إِنَّ أَعْمَالَكُمْ تُعْرَضُ عَلَى أَقَارِبِكُمْ وَعَشَائِرِكُمْ مِنَ الْأَمْوَاتِ، فَإِنْ كَانَ خَيْرًا اسْتَبَشَرُوا، وَإِنْ كَانَ غَيْرَ ذَلِكَ قَالُوا: اللَّهُمَّ لَا تَمُتْهُمْ حَتَّى تَهْدِيَهُمْ كَمَا هَدَيْتَنَا

‘Sesungguhnya amal perbuatan kamu akan dibentangkan kepada semua kaum kerabat dan golongan kamu. Kalau baik, mereka bergembira. Sedangkan kalau sebaliknya, mereka berkata : ‘Ya Allah, janganlah mematikan mereka sehingga Engkau memberi petunjuk kepada mereka sebagaimana Engkau memberi petunjuk kepada kami.’

Berkata pula Abu Daud At-Taylasi di dalam **Mushannafnya**: As-Solat bin Dinar menceritakan kepada kami dari Al-Hasan bin Jabir bin Abdullah, katanya, Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda :

إِنَّ أَعْمَالَكُمْ تُعْرَضُ عَلَى عَشَائِرِكُمْ، وَعَلَى أَقْرَبَائِكُمْ فِي قُبُورِهِمْ، فَإِنْ كَانَ خَيْرًا اسْتَبَشَرُوا بِهِ، وَإِنْ كَانَ غَيْرَ ذَلِكَ قَالُوا: اللَّهُمَّ أَلْهِمَّهُمْ أَنْ يَعْمَلُوا بِطَاعَتِكَ

‘Sesungguhnya amal perbuatan kamu akan dibentangkan kepada keluarga dan golongan kamu di kubur-kubur mereka. Apabila baik, mereka menjadi senang. Dan apabila sebaliknya, mereka berkata: ‘Ya Allah, berilah mereka ilham agar meleakukan ketaatan kepadaMu.’

Diriwayatkan pula oleh Ath-Tabarani dalam kitabnya, **Al-Awsath**, dari Zaid bin Waqid dan Hisyam bin Al-Ghaz dengan sanad keduanya, dari Ayyub Al-Ansari Radiallahu‘anhu, bahawa Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda :

إِنَّ أَعْمَالَكُمْ تُعْرَضُ عَلَيَّ أَقَارِبِكُمْ وَعَشَائِرِكُمْ مِنْ أَهْلِ الْآخِرَةِ، فَإِنْ كَانَ خَيْرًا فَرَحُوا وَاسْتَبْشِرُوا، وَقَالُوا: اللَّهُمَّ هَذَا فَضْلُكَ وَرَحْمَتُكَ فَأَتِمِّمْ نِعْمَتَكَ عَلَيْهِ وَأُمَّتِهِ عَلَيْهَا، وَيُعْرَضُ عَلَيْهِمْ عَمَلُ الْمُسِيءِ فَيَقُولُونَ: اللَّهُمَّ أَلْهِمَّهُ عَمَلًا صَالِحًا تَرْضَى بِهِ وَتَقْرِبُهُ إِلَيْكَ

'Sesungguhnya amal perbuatan kamu akan dibentangkan kepada kerabat dan keluarga dari ahli akhirat. Jadi, kalau baik, mereka menjadi gembira dan berkata: 'Ya Allah, inilah kurnia dan rahmatMu, maka sempurnakan dan perkukuhkanlah nikmatMu kepadanya beserta umat atasnya.' Apabila ditunjukkan yang sebaliknya, maka mereka berkata: 'Ya Allah, ilhamkanlah kepadanya amal-amal soleh yang engkau redhai dan dapat mendekatkan dia kepadaMu.'

Sedangkan At-Tirmizi meriwayatkan di dalam kitab **Nawadir Al-Usul** dari hadis Abdul Ghafur bin Abdul Aziz, dari ayahnya dan datuknya, yang berkata bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

تُعْرَضُ الْأَعْمَالُ يَوْمَ الْاِثْنَيْنِ وَالْاِثْنَيْنِ وَالْاِثْنَيْنِ وَالْاِثْنَيْنِ عَلَى اللَّهِ، وَتُعْرَضُ عَلَى الْأَنْبِيَاءِ وَعَلَى الْآبَاءِ وَالْأُمَّهَاتِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، فَيَفْرَحُونَ بِحَسَنَاتِهِمْ، وَتَزْدَادُ وُجُوهُهُمْ بَيَاضًا وَإِشْرَاقًا، فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تُؤْذُوا مَوْتَاكُمْ

'Ditunjukkan amalan-amalan hari Isnin dan hari Khamis kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dan ditunjukkan kepada para Nabi dan kepada para ayah bonda pada hari Jumaat. Mereka bergembira dengan amalan yang baik, dan semakin berseri-serilah wajah-wajah mereka. Maka bertaqwalah kepada Allah dan jangan mengganggu keluarga kamu yang sudah mati.'

Diriwayatkan oleh Abid Dunya di dalam kitab **Al-Manamat** dengan sanadnya, dari An-Nukman bin Basyir : Aku mendengar Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

اللَّهُ، اللَّهُ، فِي إِخْوَانِكُمْ مِنْ أَهْلِ الْقُبُورِ، فَإِنَّ أَعْمَالَكُمْ تُعْرَضُ عَلَيْهِمْ

'Allah, Allah bersama saudara kamu di kalangan penghuni kubur. Sesungguhnya amalan kamu akan dibentangkan kepada mereka.'

Daripada Ibn Syaibah Al-Hizami, beliau mengeluarkan sanadnya daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu, katanya: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

لَا تَفْصَحُوا مَوْتَكُمْ بِسَيِّئَاتِ أَعْمَالِكُمْ، فَإِنَّهَا تُعْرَضُ عَلَى أَوْلِيَائِكُمْ
مِنْ أَهْلِ الْقُبُورِ

'Janganlah memalukan orang-orang mati dari kalangan kamu dengan keburukan amal-amal kamu, kerana sesungguhnya amal-amal itu akan dibentangkan kepada wali-wali kamu di kalangan penghuni kubur.'

Sedangkan di dalam As-Sahihain diriwayatkan bahawa Abu Dzar Radiallahu'anhu berkata : Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

عَرِضْتُ عَلَيَّ أَعْمَالُ أُمَّتِي حُسْنَهَا وَسَيِّئَهَا، فَوَجَدْتُ مِنْ مَحَاسِنِ
أَعْمَالِهَا، الْأَذَى يُمَاطُ عَنِ الطَّرِيقِ، وَوَجَدْتُ فِي مَسَاوِيءِ أَعْمَالِهَا
التُّخَامَةَ تَكُونُ فِي الْمَسْجِدِ لَا تُدْفَنُ

'Dibentangkan kepadaku amal-amal umatku yang baik dan yang buruk, kemudian ku temui dari amalan yang baik; membuang perkara yang menyakiti di jalanan. (Demikian juga) ku temui dari amalan-amalan yang buruk ; bau busuk di masjid yang tidak ditanamkan.'

Dikeluarkan oleh Ibn Abi Syaibah di dalam kitab **Musannaf**, Al-Hakim dan At-Tirmizi, daripada Ibn Abid Dunya, dari Ibrahim bin Maisarah, katanya : *'Abu Ayyub menyerbu Konstantinople, kemudian dia berjalan di Qosynya seraya berkata : 'Apabila*

seseorang hamba melakukan amalan pada awal pagi, maka akan ditunjukkan kepada ahli akhirat yang mengenalnya pada petang hari, dan apabila melakukan amalan pada akhir hari, maka akan ditunjukkan kepada ahli akhirat yang mengenalnya pada awal hari.'

Kemudian Abu Ayyub berkata : ' Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari Kau memalukan aku di hadapan hamba-hambaMu, Ibn Shamit dan Sa'ad bin Ubadah, dengan amalanku sepeninggalan mereka.'

Ibrahim bin Maisarah berkata : '*Demi Allah, tidak ditulis kewaliannya bagi seseorang hamba kecuali ditutupi keburukannya lalu dipuji amal-amal baiknya.'*

Adapun soal tentang ditunjukkannya amal kepada orang-orang yang mati yang tidak dikenalnya; dikeluarkan (sebuah hadis) oleh Ibn Mubarak dan Ibn Abid Dunya, dari Ibn Ayyub Al-Ansari, katanya : '*Amal-amal kamu akan dibentangkan kepada orang-orang mati. Maka kalau melihat kebaikan, mereka bergembira; dan kalau mereka melihat keburukan, mereka berkata : 'Ya Allah, berilah mereka petunjuk.'*

Al-Hakim At-Tirmizi, Ibn Abid Dunya dan Al-Baihaqi mengeluarkan di dalam kitan kitab Syabil Iman, dari al-Nu'man bin Basyir Radiallahu'anhu, katanya : "Aku mendengar Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

وَاتَّقُوا اللَّهَ فِي إِخْوَانِكُمْ مِنْ أَهْلِ الْقُبُورِ، فَإِنَّ أَعْمَالَكُمْ تُعْرَضُ
عَلَيْهِمْ

'Bertakwalah kepada Allah terhadap saudara-saudara kamu dari penghuni kubur, kerana sesungguhnya amal-amal kamu akan dibentangkan kepada mereka.'

Ini adalah dua hadis keadaan orang mati secara umum.

Telah ditetapkan apa yang kami tetapkan bahawa para Nabi, syuhada' dan orang-orang mati itu hidup di dalam kubur mereka. Telah ditetapkan pula bahawa mereka mendengar, bergembira, merasa senang, bahkan mereka berdoa kepada Allah *Subhanahu*

wa Ta'ala di kubur-kubur mereka untuk para pengikutnya dan orang-orang yang meminta wasilah kepada mereka di dunia. Mereka tidak mati secara mutlak.

Dengan segala huraian yang ditunjangi oleh kebenaran di atas, maka tiada jalan bagi kita untuk menolak tawassul dan istighathah dengan perantaraan para Nabi dan orang-orang soleh itu.

Manakala kesangsian orang-orang yang menolak panggilan terhadap orang-orang mati dengan mengatakan bahawa memanggil dan berbicara itu hanya boleh dilakukan dengan perkara zahir yang wujud, bukan dengan perkara ghaib, itu tiada asas sama sekali. Apalagi mereka mengatakan bahawa hal tersebut termasuk perkara syirik, yang boleh dilawan dengan darah dan harta. Hadis-hadis yang sahih jelas menunjukkan kesalahan pendapat ini.

Mereka menganggap panggilan terhadap orang-orang mati, ghaib dan benda kaku itu adalah doa, sedangkan doa adalah ibadah, bahkan inti ibadah. Mereka banyak menggunakan ayat Al-Quran yang digunakan kepada kaum musyrikin kemudiannya mereka menisbahkan kepada kaum *Muwahhidin*. Pada hal banyak ayat Al-Quran yang menolak pandangan mereka ini.

Demikianlah cara mereka 'menggunakan' agama. Meskipun 'panggilan' itu boleh disamakan dengan doa, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah :

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ
يُنَادِيكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا

'Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu...'

(An-Nur : 63)

Bukan bererti semua panggilan itu bermakna ibadah. Andaikata semua panggilan itu digolongkan sebagai ibadah, maka menjadi syiriklah panggilan (baca : permohonan) terhadap

orang yang hidup mahupun mati. Lantas semua panggilan menjadi terlarang secara mutlak.

Sebenarnya tidak sedemikian. Panggilan (permohonan) yang boleh dianggap sebagai ibadah ialah panggilan dari orang yang bertuhankan seseorang atau sesuatu yang dipanggilnya, dan beribadah untuk meminta, sekaligus tunduk kepada pihak yang dipinta pertolongan. Hal yang seperti ini kita boleh digolongkan sebagai perbuatan syirik, iaitu meletakkan kepercayaan mempertuhankan kepada selain daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Sedangkan panggilan (permohonan) yang dilakukan tanpa menganggap seseorang atau sesuatu yang dipanggilnya itu sebagai Tuhan yang memiliki pengaruh terhadapnya, tidak boleh digolongkan sebagai ibadah. Tidak kiralah yang dipanggil itu orang mati, suatu yang ghaib atau benda mati. Pengertian tentang semua ini banyak tercantum di dalam hadis-hadis yang sahih serta athar yang jelas.

Dengan kata lain, boleh disimpulkan bahawa pandangan yang mengatakan bahawa panggilan terhadap orang mati atau suatu yang ghaib atau benda-benda mati itu diklasifikasikan sebagai doa, sementara doa adalah ibadah, adalah tidak benar sama sekali. Dalam pada itu, orang yang hidup atau yang mati sejajar kedudukannya ; dengan ertikata, tidak boleh memberi pengaruh apa-apa tanpa izin Allah.

Justeru, doa yang dikatakan inti ibadah ini memerlukan kepada kekhusyukan dan pengarahan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala sendiri serta ketundukan ke hadhratNya.

Di antara hadis dan athar yang menunjukkan panggilan dan perbicaraan dengan orang mati dan suatu yang ghaib atau benda-benda mati adalah berdasarkan hadis Dharir yang diriwayatkan oleh Uthman bin Hunaif Radiallahu'anhu yang berkata : *'Wahai Muhammad, aku mengarahkan diri kepada Tuhanmu.'*

Para sahabat terkemuka dahulu biasa menggunakan cara itu sepeninggalan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Dikisahkan bahawa Bilal bin Haris Radiallahu'anhu datang ke kubur Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan berkata : *'Wahai Rasulullah, mintakanlah hujan bagi umatmu.'*

Apa yang diucapkan oleh Bilal bin Al-Haris merupakan panggilan terhadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam setelah wafatnya dan perbicaraan berupa permintaan agar Baginda memohonkan hujan bagi umatnya.

Hadis-hadis lain yang tercatat dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tentang ziarah kubur menunjukkan adanya panggilan dan perbicaraan terhadap orang mati, di antaranya seperti : *'Semoga kesejahteraan terlimpah ke atasmu, wahai ahli kubur...'* atau, *'Semoga kesejahteraan terlimpah ke atasmu wahai ahli kubur dari kalangan kaum Mukminin. Kami insyallah akan menyusuli kamu.'*

Jelaslah bahawa pada salam yang diucapkan kepada ahli kubur itu terdapat panggilan terhadap orang yang masih hidup. Hal ini tidak perlu dipanjangkan lagi.

Para ulama' mazhab yang empat, sama ada yang dahulu mahupun yang sekarang, cenderung menyukai penziarah yang mengucapkan doa berikut sambil menghadap ke kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang mulia :

يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي جِئْتُكَ مُسْتَغْفِرًا مِنْ ذَنْبِي مُسْتَشْفِعًا بِكَ إِلَى رَبِّي

'Wahai Rasulullah, aku datang kepadamu untuk memohon ampun bagi dosa-dosaku. Pohonkanlah syafaat dengan perantaraanmu kepada Tuhanku.'

Bilal bin Al-Haris hendak menyembelih kambing biri-biri pada tahun kemarau yang disebut sebagai tahun Ramadhan. Ternyata ia menemui kambingnya dalam keadaan kurus kering, sehingga ia berkata : *'Wa Muhammadah...Wa Muhammadah...'* Demikian juga sahabat-sahabat Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam tatkala memerangi Musailamah Al-Kazzab. Mereka berseru : *'Wa Muhammadah...Wa Muhammadah.'*

Di dalam kitab **Asy-Syifa'**, Al-Qadhi Iyadh menuliskan bahawa ketika Abdullah bin Umar Radiallahu'anhu dilukai kakinya dan diperintahkan kepadanya supaya menyebut nama

orang yang paling dicintai di kalangan manusia, dia menjawab :
 “*Wa Muhammadah... Wa Muhammadah...*”, lalu kakinya terlepas.

Panggilan ini juga terkandung dalam tasyahhud yang diamalkan oleh setiap muslim pada setiap sembahyang mereka, seperti yang diajarkan oleh Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam* kepada para sahabatnya :

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

‘*Semoga kamu memperoleh kesejahteraan wahai Nabi, serta rahmat dan berkatnya.*’

Apabila sampai di suatu daerah, Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam* biasanya akan membaca :

يَا أَرْضَ رَبِّي وَرَبِّكَ اللَّهُ

‘*Wahai bumi Tuhanku dan Tuhanmu, Allah.*’

Di dalam kalimat Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam* tersebut terkandung panggilan, perbicaraan dan juga benda mati.

Selain itu para fuqaha’ menyebutkan di dalam adab-adab berpergian, apabila si musafir di dalam perjalanannya, apabila sampai ke suatu daerah yang kosong hendaklah ia berkata :

يَا عِبَادَ اللَّهِ أَحْبِسُوا

‘*Wahai hamba Allah, tahanlah ia.*’

Apabila tersesat jalan atau sedangkan mendapatkan kawan hendaklah ia membacakan :

يَا عِبَادَ اللَّهِ أَعِيْثُوْنِيْ — أَعِيْثُوْنِيْ — فَإِنَّ لِلَّهِ عِبَادًا لَا تَرَاهُمْ

‘*Wahai hamba Allah, bantulah aku – atau tolonglah aku – sesungguhnya Allah memiliki hamba-hamba yang tidak engkau lihat.*’

Tentang hal ini dan apa yang berada di belakangnya, diriwayatkan oleh para fuqaha', dari Ibn Sunni, dari Abdullah bin Mas'ud Radiallahu'anhu yang berkata, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

إِذَا الْمَلَأَتْ دَابَّةٌ أَحَدَكُمْ بِأَرْضٍ فَلَاةٍ فَلْيُنَادِي: يَا عِبَادَ اللَّهِ، أَحْسِبُوا،
فَإِنَّ لِلَّهِ عِبَادًا يُجِيبُونَهُ

'Apabila kudamu berlari dan memasuki suatu daerah yang sepi, hendaklah engkau menyeru : 'Wahai hamba-hamba Allah, pegangilah dia, sebab bagi Allah banyak hamba yang tidak kau lihat, yang akan memegangnya dan menangkapnya.'

Di sini terkandung panggilan dan permintaan yang bermanfaat. Penyebab hal itu berasal dari hamba-hamba Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang tidak boleh kita lihat.

Di dalam hadis lain diriwayatkan oleh Ath-Thabrani Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

إِذَا ضَلَّ أَحَدُكُمْ شَيْئًا أَوْ أَرَادَ عَوْنًا، وَهُوَ بِأَرْضٍ لَيْسَ فِيهَا إِنْسَانٌ
فَلْيَقُلْ: يَا عِبَادَ اللَّهِ أَعِينُونِي.

'Kalau kamu kehilangan sesuatu atau memerlukan bantu, sementara kalian berada di suatu daerah yang tiada orang, hendaklah kamu mengucapkan : 'Wahai hamba Allah, bantulah aku...'

Diriwayatkan pula oleh Abu Daud dan selainnya, dari Abdullah bin Umar Radiallahu'anhu, katanya : *'Apabila Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bepergian dan sampai pada malam hari, Baginda akan mengucapkan :*

يَا أَرْضَ رَبِّي وَرَبِّكَ اللَّهُ، أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّكَ، وَشَرِّ مَا خَلَقَ فِيكَ،
وَمِنْ شَرِّ مَا يَدْبُ عَلَيْكَ، وَأَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ أَسَدٍ وَأَسْوَدٍ، وَمِنْ الْحَيَّةِ
وَالْعَقْرَبِ وَمِنْ شَرِّ سَاكِنِ الْبَلَدِ وَوَالِدٍ وَمَا وُلِدَ.

'Wahai bumi, Tuhanku dan Tuhanmu adalah Allah. Aku berlindung dari kejahatanmu, kejahatan yang tercipta dari dirimu, dan kejahatan yang melata ke atasmu. Aku berlindung kepada Allah dari singa, ular, kalajengking dan kejahatan penghuni daerah ini, ayahnya beserta anak yang dilahirkan.'

Dinyatakan oleh para fuqaha' tentang adab belayar, maka anjurkanlah kepada para musafir untuk membaca doa ini ketika tiba malam.

Di dalamnya terdapat panggilan terhadap benda yang mati.

Diriwayatkan oleh At-Tirmizi, daripada Ibn Umar Radiallahu'anhu, dan Ad-Darimi, dari Talhah bin Ubaidillah Radiallahu'anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam apabila melihat kepada anak bulan akan berkata : "*Tuhanku dan Tuhanmu adalah Allah.*"

Ini menunjukkan percicaraan dengan benda yang berbentuk kebendaan.

Telah dibenarkan bahawa sewaktu Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam wafat, datanglah Abu Bakar ketika mendengar berita itu, kemudian beliau masuk menemui Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Beliau membuka penutup wajahnya, lalu mencium dan menangisi Baginda seraya berkata : *'Demi bondaku, engkau indah di masa hidupmu dan matimu. Wahai Rasulullah, sebutlah kami di sisi Tuhanmu dan biarkanlah dirimu.'*

Di dalam ucapan ini tersirat bahawa Abu Bakar berbicara kepada Rasul setelah Baginda wafat.

Begitu juga dengan Umar Radiallahu'anhu, meyakini wafatnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam berdasarkan perkataan Abu Bakar Radiallahu'anhu. Dia berkata sambil menangis : *'Demi ayah bondaku, kamu wahai Rasulullah memiliki tiang yang kau sandari ketika berkhotbah. Umatmu datang membanjiri, lalu anda menggunakan mimbar untuk memperdengarkan kepada mereka sehingga tiang itu boleh berasa rindu lantaran berpisah denganmu. Dia menjadi tenang setelah disentuh dengan tanganmu yang suci. Sesungguhnya umatmu lebih rindu kepadamu ketika ditinggalkan.*

Demi ayah bundaku ,wahai Rasulullah, telah mencapai keutamaan di sisi Tuhanmu, sehingga ketaatan kepadamu adalah kepadaNya. Allah s.w.t. berfirman :

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ

'Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah.'

(An-Nisa':80)

Demi ayah bundaku, anda, wahai Rasulullah, telah mencapapai keutamaan disisi tuhanmu, dimana Dia mengutusmu sebagai penutup para nabi dan menyebutmu pertama kali.

Allah berfirman :

'Dan ingatlah ketika Kami mengambil dari Nabi-Nabi (umumnya): perjanjian setia mereka, dan (khasnya) dari engkau sendiri (wahai Muhammad), dan dari Nabi Nuh.'

(Al-Ahzab :7)

Demi ayah bondaku, anda, wahai Rasulullah, mencapai kedudukan di sisiNya, bahawa para penghuni neraka ingin mereka menjadi manusia yang taat kepadamu, sedangkan mereka di dalam seksaan.

Dikatakan seandainya manusia mahu mentaati Allah dan mentaati Rasul, firman Allah:

يَقُولُونَ يَا لَيْتَنَا أَطَعْنَا اللَّهَ وَأَطَعْنَا الرَّسُولَ

'...mereka berkata (dengan sesalnya): 'Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) taat kepada Allah serta taat kepada Rasul Allah.'

(Al-Ahzab : 66)

Demi ayahbondaku, anda, wahai Rasulullah, pengikutmu mengikuti pendeknya usiamu melebihi pengikut Nuh as. dengan usianya yang terpanjang.'

Maka perhatikanlah perkataan yang keluar daari Umar r.a. dan telah berulang-ulang sebutan ini bagi Rasulullah setelah wafatnya. Diriwayatkan oleh banyak muhaddis.

Disebutkan oleh Al-Qadhi Iyadh di dalam kitab **Asy-Syifa'** dan Al-Ghazali di dalam **Al-Ihya** serta Al-Qasthalani di dalam kitab **Al-Muwahibul Ladunniyah**, juga Ibnul Hajj di dalam kitab **Al-Madkhul** akan membatilkan serta mengubah kata-kata yang menolak panggilan yang berbunyi: '*Semua panggilan adalah doa.*'

Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dari Anas r.a. bahawa Fatimah binti Rasulullah s.a.w. pada saat ayahnya wafat telah berkata : '*Wahai ayahku, engkau telah memenuhi panggilan tuhanmu. Wahai ayahku, syurga Firdaus adalah tempatmu. Wahai ayah kepada Jibril kita berkabung.*' Di dalam riwayat lain dikatakan : '*Kepada kita, Jibril memberitahu tentang maut.*'

Seluruh alam telah mendengar berita tentang kematian baginda dan merasa menyesal dengan pemergian Baginda. Semua riwayat tentang perkara itu benar maknanya. Di dalam hadis juga terdapat penjelasan tentang panggilan terhadap baginda setelah wafatnya.

Di dalam kitab **Al-Mawahib** diterangkan bahawa makciknya Safiyah r.a. banyak sekali berkata di dalam **Qasidahnya**, antaranya :

'Wahai Rasulullah, engkau adalah harapan kami

Kepada kami engkau sangatlah berbakti, pun tidak keji.'

Panggilan kepada Rasulullah setelah wafatnya tidak ditolak oleh seorang sahabat pun, terbukti mereka berziarah ke kubur Baginda dan baginda pun mendengarkan mereka.

Di antara panggilan bagi orang mati adalah yang berupa talqin baginya. Hal ini disebutkan oleh banyak fuqaha' dan disandarkan kepada hadis Ath-Thabrani.

Dari Abu Umamah r.a., ia berkata kepada si mati setelah mengkebumikannya: 'Wahai Abdullah, wahai putera 'Ammatillah, ingatlah janji yang dengannya engkau keluar dari dunia, iaitu syahadah :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

'Tidak ada tuhan melainkan Allah, Yang Satu, tidak ada sekutu baginya dan Muhammad adalah hamba serta RasulNya.'

Allah akan membangkitkan manusia dari dalam kubur. Maka katakanlah : *'Aku rela Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad sebagai Rasulallah. Muhammad adalah Nabi dan Rasul, sementara Ka'bah menjadi kiblat, dan Muslimin sebagai saudara. Tuhanku, tidak ada tuhan selain Allah, Tuhan 'Ary yang Agung.'*

Di dalam talqin, panggilan dan pembicaraan kepada si mati juga perkataan Nabi s.a.w. kepada kafirin Quraisy yang terbunuh di Badar dan kemudian dikuburkan di Al-Kulaib menunjukkan dibolehkan memanggil si mati, sebagaimana yang terkenal dan diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Ashabus Sunnah.

Disebutkan bahawa Nabi s.a.w. memanggil mereka dengan nama-nama mereka dan nama ayah mereka serta berkata: 'Apakah kamu senang mentaati Allah dan RasulNya, sementara kami telah menemukan apa yang dijanjikan Tuhan kami itu benar. Apakah kamu menemukan bahawa yang dijanjikan oleh Tuhan kamu itu benar?'

Berita-berita lama dari imam-imam, ulama dan wali-wali yang besar, yang menunjukkan di atas diperbolehkannya berbicara kepada si mati dengan perbincaraan yang banyak.

Jadi, bagaimana mungkin seseorang itu mengkafirkan kaum Muslimin yang melakukan sesuatu berdasarkan bukti-bukti yang jelas serta hujah-hujah yang kuat? Tertera di dalam hadis sahih:

مَنْ قَالَ لِلْأَخِيهِ الْمُسْلِمِ يَا كَافِرُ فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدَهُمَا، إِنْ كَانَ كَمَا
قَالَ، وَإِلَّا رَجَعَتْ عَلَيْهِ

'Barangsiapa mengatakan saudaranya yang Muslim itu kafir, maka akan berlaku salah satu dari mereka apabila benar seperti yang dikatakan. Bila tidak, maka(perkataan itu) akan kembali kepadanya.'

Para ulama berkata : *'Menghindari membunuh seribu kafirin lebih utama daripada menumpahkan darah seorang Muslim.'*

Maka kita mesti berhati-hati dalam hal ini sehingga tidak mengkufurkan walau seorang Badwi, kecuali dengan sesuatu yang jelas menurut Islam.

Al-Waqidi berkata bahawa Fatimah al-Khuza'iyah berkata : *'Aku seolah-olah melihat matahari terbenam di kubur para syuhada'. Pada saat itu aku bersama adikku. Aku berkata kepadanya : 'Marilah, mari memberi salam kepada kubur bapa saudara kita, Hamzah.' Kemudian kami berdiri dan berkata : 'Semoga keselamatan terlimpah atasmu, wahai bapa saudara Rasulullah.' Tiba-tiba kami mendengar jawaban : 'Dan semoga kamu tercurah keselamatan dan rahmat Allah.' Tidak ada orang lain yang berada berdekatan dengan kami.'*

Al-Baihaqi meriwayatkan dari Hisyam bin Muhammad bin Al-Amri dari anaknya, bahawa Umar bin Ali berkata : *'Ayahku suka pulang pergi ke Madinah untuk berziarah ke kubur para syuhada' pada hari Jumaat.' Dikatakan : 'Semoga keselamatan terlimpah atas kamu dengan kesabaran kalian dan semoga kalian mendapat balasan yang tidak berkesudahan.' Lalu terdengar jawaban : 'Dan semoga keselamatan terlimpah ke atasmu, wahai Aba Abdullah.' Ayahku menoleh kepadaku dan bertanya : 'Apakah engkau yang menjawab?' Aku berkata : "Tidak.' Maka aku diletakkan di sebelah kanannya, kemudian dia mengulangi salamnya. Ternyata setiap salam di jawab tiga kali. Kemudian dia bersujud syukur kepada Allah.'*

SYUBHAT INKGAR ZIARAH KUBUR NABI DAN ORANG-ORANG SOLEH

Berserta Jawapannya

Di antara urusan utama yang dipercayai adalah kewajiban bagi umat pada umumnya untuk saling berhubungan supaya sampai kepada tujuan. Namun Allah berkuasa untuk mengikat kehidupan Muslim antara satu dengan yang lain untuk menumbuhkan keserasian, sehingga umat menjadi kuat, saling bantu-membantu dan tolong-menolong di dalam masyarakat. Dengan demikian, kebajikan akan tersebar dan masing-masing saling membangun dengan firman Allah s.w.t. :

وَالَّذِينَ يَصِلُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ
وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ

'Dan orang-orang yang menghubungkan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, dan yang menaruh bimbang akan kemurkaan Tuhan mereka, serta takut kepada kesukaran yang akan dihadapi semasa soal jawab dan hitungan amal (pada hari kiamat)...'

(Ar-Ra'd : 21)

Allah melarang dan mengancam orang-orang yang memutuskan kasih sayang atau hubungan silaturahmi, bahkan mewajibkan kutukan atas orang yang melakukan hal itu. Firman Allah :

وَالَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا
 أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَٰئِكَ لَهُمُ اللَّعْنَةُ
 وَهُمْ سُوءُ الدَّارِ

'Orang-orang yang merosak janji Allah setelah diikrarkan dengan teguh dan memutuskan apa yang Allah perintahkan supaya dihubungkan dan mengadakan kerosakan di bumi, orang-orang itulah yang memperoleh kutukan dan bagi mereka tempat kediaman yang buruk (Jahannam).'

(Ar-Ra'd :25)

Kalau hal itu diwajibkan di antara yang hidup, maka melakukannya di antara yang hidup dan yang mati lebih wajib sebab di dalam hubungan antara yang hidup dan yang mati yang dilakukan dengan cara berziarah. Terdapat *mau'izhah* dan *ibrah* tentang kematian, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah atas hamba-hambanya.

Rasulullah s.a.w. pun bersabda : *'Tadinya aku melarang kamu untuk berziarah ke kubur, maka sekarang lakukanlah kerana hal itu mengingatkan kepada kematian.'*

Namun ada orang-orang yang mengingkari ziarah, terutama ziarah kepada Rasulullah s.a.w., pemuka Mursalin. Perkara itu masih disokong dengan mengajukan hadis-hadis tentang pemergian untuk menziarahi kubur.

Kerana penjelasan syariat dan tujuan ziarah dari hadis: *'Tidak dipersiapkan untuk bepergian'*, maka kita katakan kepada orang-orang yang memiliki *bashirah*, bahawa para penziarah kubur biasanya bertujuan untuk bertawassul atau meminta syafaat kepada Allah dengan perantaraan sahabat-sahabat serta mencari berkat darinya sebagaimana dalam menziarahi kubur para Nabi dan wali.

Adapun pengajaran dari kaum-kaum terdahulu adalah untuk memantapkan kekhusyukan hati dan mendapatkan pahala dengan membaca Al-Fatihah serta doa bagi mereka untuk

meminta pengampunan, sebagaimana yang biasa dilakukan dalam ziarah semua kaum Muslimin. Ia juga ditujukan untuk mengingatkan keluarga terdekat yang telah mati, kekasih serta keturunannya yang telah pergi untuk selamanya dan didorong oleh perasaannya untuk berziarah ke kubur mereka serta membasahi tangannya dengan duka cita.

Semua keadaan tersebut tidak membolehkan kita mengkafirkan seorang Muslim yang bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah.

Kita tidak menganggap bahawa orang-orang yang terlalu bodoh, apatah lagi orang-orang yang mengerti syariat, kebodohan mendorongnya untuk menganggap ziarah kubur sebagai ibadah dan meyakini bahawa si mati itu boleh memenuhi keperluannya, kemudian menyediakan hal-hal yang dikehendaki dan diinginkan.

Ziarah kubur disyariatkan dengan sabda Rasulullah s.a.w. :

إِنِّي كُنْتُ قَدْ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، أَلَا فَرُرُوهَا فَإِنَّهَا تُزْهَدُ فِي
الدُّنْيَا تُذَكَّرُ الْآخِرَةَ

'Sesungguhnya aku melarang kamu ziarah kubur tetapi sekarang lakukanlah kerana hal itu membuat kita zuhud dengan apa yang ada di tangan kita dan mengingatkan akan akhirat.'

Dalil yang menunjukkan dibolehkan pergi untuk menziarahi kubur adalah apa yang diperkatakan oleh Sayyidina Umar bin al-Khattab r.a. kepada Ka'ab Al-Akhbar setelah menguasai Syam, katanya : *'Wahai Ka'ab, tidakkah engkau ingin datang ke Madinah bersama kami untuk berziarah kepada Saiyyidil Mursalin?' Dia menjawab, 'Ya, wahai Amirul Mukminin, aku akan melakukan hal itu.'*

Begitu pula pemergian Bilal r.a. dari Syam ke Madinah untuk berziarah ke kubur Rasulullah s.a.w., yang berlaku semasa pemerintahan Khalifah Umar bin Al-Khattab.

Dari Al-Hasan Al-Bashri Radiallahu'anhu katanya : *'Hatim Al-A'sam berdiri di hadapan kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi*

wasallam dan berkata : 'Ya Rabbi, kami berziarah ke kubur NabiMu, maka janganlah sia-siakan kami.' Kemudian terdengar jawaban : 'Wahai, Aku tidak mengizinkan kau untuk berziarah ke kubur kekasih kita kecuali sudah Ku kabulkan. Maka pulanglah bersama orang-orang yang menyertaimu dengan keampunan bagi kalian semua.'

Berkatalah Ibnu Abi Fadik : *'Aku mendengar sebahagian dari ulama' dan orang-orang soleh yang ku temui berkata : 'Telah sampai berita kepada kami bahawa orang yang berdiri di hadapan kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam lalu membaca firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :*

'Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.'

(Al-Ahzab :56)

Dikatakan : *'Semoga selawat dan salam Allah Subhanahu wa Ta'ala tercurah kepadamu, wahai Rasulullah,'* sampai tujuh puluh kali. Dijawab oleh malaikat : *'Semoga selawat dan salam Allah Subhanahu wa Ta'ala terlimpah kepadamu wahai Fulan.'* Maka tidak sia-sialah permintaannya.'

Di antara yang mengatakan ia dibolehkan adalah Imam An-Nawawi, Al-Qashthalani dan Imam Al-Ghazali. Dikatakan bahawa hadis : *'Tidak dibenarkan seseorang untuk pergi...'* kemudian digunakan oleh orang-orang yang melarang pemergian untuk berziarah ke masyhad-masyhad. Bagi saya, masalahnya tidak sedemikian. Ziarah itu diperintahkan berdasarkan hadis : *'Tadinya aku melarang ziarah kubur, tetapi sekarang lakukanlah...'*

Dalam konteks yang sama, di dalam hadis sebenarnya tercantum pula larangan untuk pergi ke selain tiga buah masjid. Padahal tidak ada satu bandar pun kecuali mempunyai Masjid Agung. Maka kita tidak perlu berkemas untuk pergi ke masjid lain. Di masyhad-masyhad tersebut terdapat perbezaan barakah ziarah, dihitung berdasarkan tingkatan mereka disisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Berkatalah Muhaddis Al-Faqih Taqiyuddin As-Subki Radiallahu'anhu didalam kitab **Syifa'us Saqam** : *'Yang dimaksudkan dengan sabda Nabi s.a.w. yang sah:*

لَا تُشَدُّ الرَّحَالَ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ

'Jangan kamu bepergian melainkan tiga buah masjid.'

Adalah bahawa kita diizinkan pergi ke sana untuk berziarah dan menqasarkan solat didalamnya, sebab Nabi s.a.w. telah datang ke Quba' dengan berjalan kaki dan menaiki kenderaan, kemudian menziarahi kubur sambil berkata : 'Dan sesungguhnya ia mengingatkan kalian kepada akhirat.'

Manakala sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*: *'Janganlah kamu berangkat melainkan ke tiga masjid'*, ini bermaksud untuk menjelaskan keutamaan pergi ke tiga masjid tersebut, dan bukannya mengharamkan bepergian ke masjid-masjid yang lain. Dalam keadaan ini, bukan keutamaan itu yang menjadi syarat diperkenankannya mengqasar sembahyang, dan tidak mudharat bila kita memanfaatkannya.

Selanjutnya : Maknanya bukanlah larangan bepergian untuk ziarah, melainkan anjuran agar kita bepergian ke tiga masjid di atas kecuali untuk mengagungkannya dan bertaqarrub dengan melakukan solat padanya, iaitu Masjidil Haram, Masjid An-Nabawi dan Masjidil Aqsa. Penghargaan ini menuntut setiap orang untuk menjalinkan hubungan secara khusus. Demikian juga halnya dengan seseorang yang pergi untuk menunaikan ibadat wajib yang dilakukan secara berkelompok. Begitu juga jihad dan hijrah dari keadaan kekufuran dengan syarat untuk mencari ilmu yang sunnah atau wajib.

Telah disepakati dibolehkan untuk berniaga dan memenuhi keperluan duniawi serta keperluan lain. Justeru, apatah lagi 'khazanah akhirat' yang sudah ditentukan iaitu berziarah ke kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang mulia.

Imam Nawawi menyebut tentang hadis : '*Janganlah bepergian, kecuali menuju tiga masjid*', adalah bermaksud : '*Pahala yang sempurna hanya diberikan secara khusus kepada orang yang pergi ke tiga masjid tersebut.*'

Masalah ziarah kubur Rasul s.a.w. telah pun tertera di dalam hadis dari para sahabat.

Sedangkan hukum ziarah kubur adalah hukum yang diterima akal maknanya. Sementara, ziarah ke kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang suci merupakan ziarah yang sempurna dan utama, yang berdasarkan kepada Sunnah yang mantap tentang ziarah ke semua kubur. Makna ini telah pun diisyaratkan pada bab ke lima dari **As-Syifa'**. Selanjutnya dijelaskan bahawa ziarah memiliki beberapa tujuan :

Pertama

Untuk mengingatkan manusia akan kematian dan akhirat. Dalam hal ini cukup dengan melihat kubur tanpa mengetahui kubur siapa, tidak bertujuan untuk memintakan istighfar bagi mereka, bukan pula untuk mencari berkat atau memenuhi haknya.

Kedua

Untuk mendoakan si penghuni kubur sebagaimana ziarah Nabi s.a.w. kepada ahli kubur Al Baqi dan syuhada' Uhud. Hal ini diindahkan dalam hak semua orang mati dari seluruh kaum Muslimin.

Ketiga

Untuk mencari barakah dari penghuni kubur yaitu apabila ahli kubur adalah seorang yang baik, soleh dan suka menyebarkan kebaikan.

Keempat

Untuk memenuhi hak ahli kubur iaitu ahli kubur yang mempunyai hak atas seseorang. Bakti kepada seseorang dalam waktu hidupnya haruslah dilanjutkan setelah mati, sedangkan ziarah adalah diantara hak ahli kubur yang merupakan bakti orang yang hidup sebab di dalam ziarah terkandung makna penghargaan. Syaikh ini menunjuk kepada ziarah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ke kubur bondanya.

Dengan demikian kita boleh mengatakan bahawa berziarah ke kubur Nabi s.a.w. menguatkan keempat-empat tujuan di atas. Tujuan yang pertama jelas, tujuan yang kedua adalah kerana kita diperintahkan untuk berdoa bagi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam meskipun Baginda beroleh limpah kurnia dari Allah Subhanahu wa Ta'ala lebih banyak daripada doa kita. Tujuan ketiga dan keempat, tidak ada satu makhluk pun yang lebih besar barakahnya daripada Baginda. Di samping itu Baginda mempunyai hak ke atas kita. Maka makna ziarah ke kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tidak sama seperti menziarahi kubur yang lain. Tidak ada yang menyamai maqamnya.

Seandainya hukum pemergian untuk berziarah ke kubur Nabi s.a.w. adalah haram, maka tentunya orang-orang akan menahan diri dari melakukan hal tersebut. Seterusnya kota Madinah yang bercahaya kerana terdapatnya kubur Nabi s.a.w. didalamnya akan berubah menjadi kota paling mundur dan desa yang paling diabaikan, bahkan nyaris hancur. Terbinanya kota ini adalah kerana terdapatnya kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang menyebabkan kaum Mukminin datang berkunjung dan memberi perhatian kepadanya.

Mundar-mandir mereka ke kota Madinah ini juga menunjukkan perhatian kepadanya, ini semua kerana Nabi s.a.w.. Baginda adalah wasilah mereka kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala bagi kebahagiaan mereka. Diantaranya ditetapkan secara jelas bahawa Nabi s.a.w. adalah perantaraan yang paling dekat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan paling besar kemungkinan untuk dikabulkan keinginannya.

Tidaklah dikatakan bahawa kepergian ke Masjid Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam didasarkan atas kesepakatan, sebab ia merupakan satu dari tiga masjid yang disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam :

لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ

'Janganlah bepergian melainkan ke tiga buah masjid iaitu Masjid Al-haram, Masjidku ini dan Masjid Al-Aqsa.'

Dikatakan bahawa Masjid Al-Aqsa merupakan satu di antara tiga masjid yang disebutkan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Namun kita melihat bahawa orang yang berziarah ke sana dari tempat-tempat yang jauh sedikit sekali. Lebih sedikit lagi penziarah dari daerah-daerah yang dekat. Kalau keadaan itu diabaikan oleh penduduk sekitarnya dan negara-negara tetangga yang dekat, bagaimana pula dengan orang-orang yang berasal dari negara-negara yang jauh?

Demikianlah situasi Masjid Al-Aqsa, padahal kedudukannya di tengah-tengah Al-Ma'murah (di Syam) dan berziarah ke sana sangat mudah bagi siapa sahaja yang menghendakinya. Di samping itu tiada pengunjung melainkan sebilangan kecil dari kaum Muslimin.

Bilangan orang yang berziarah dengan niat untuk mengerjakan solat di Masjid Al-Aqsa sangat sedikit. Kebanyakan pengunjung berniat untuk berziarah ke kubur para Nabi di Baitul Maqdis dan sekitarnya.

Melihat hal ini, kita boleh beranggapan bahawa seandainya kaum Muslimin mematuhi larangan pemergian untuk berziarah ke kubur Nabi s.a.w. yang suci, nescaya kota Madinah menjadi kota yang mati dan kering-kontang. Jelaslah bahawa hal itu adalah sesuatu yang tidak direlakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan kaum Muslimin serta akan selalu diingati oleh orang-orang yang dihatinya ada perhatian terhadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang mulia.

Ziarah kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam setelah wafatnya adalah seperti ziarah kepada Rasulullah Sallallahu

'alaihi wasallam di masa hayatnya. Sedangkan ziarah di masa hayatnya termaktub di dalam ayat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang suci yaitu :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
 جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
 لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

'...Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.'

(An-Nisa' : 64)

Berziarah kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam setelah kewafatannya disebutkan oleh nas hadis-hadis yang murni yang telah disepakati. Kubur Nabi s.a.w. adalah lebih utama, lebih berhak dan lebih tinggi untuk diziarahi bahkan tiada bandingannya.

Kenyataan juga menjelaskan bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pernah berziarah ke kubur Al-Baqi' dan syuhada' Uhud. Maka kubur Baginda yang suci lebih utama kerana Baginda memiliki hak untuk diagungkan dan kita berkewajiban untuk mengagungkannya. Tidak ada tujuan bagi ziarah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melainkan untuk mengagungkannya dan mencari barakahnya.

Berdasarkan ijma' kaum Muslimin, soal ziarah ini telah dikutip oleh jemaah imam yang memang bertugas mengutip segala hal yang diijma'kan. Perbezaan yang terjadi di antara mereka adalah dalam perkara wajib atau sunat. Namun kebanyakannya cenderung pada sunat dibawah wajib.

Kepergian untuk berziarah ke kubur Nabi s.a.w. merupakan taqarrub (pendekatan) yang paling penting dan usaha yang paling berhasil, meskipun tanpa disertai tujuan i'tikaf atau solat di Masjidnya. Golongan Al-Hanafiah berkata : *'Hal itu merupakan*

taqarrub pada tingkatan yang wajib. 'Sementara itu, sebahagian ulama Malikiyah berpendapat bahawa hal itu merupakan kewajiban, sedangkan ulama'-ulama' selain mereka memaksudkannya sebagai sunnah-sunnah yang wajib. Untuk menguatkan hal ini, mereka mengetengahkan hadis-hadis yang sahih dan jelas tanpa keraguan didalamnya melainkan orang-orang yang telah padam cahaya bashirahnya.

Di antara sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam :

مَنْ زَارَنِي بَعْدَ مَوْتِي فَكَأَنَّمَا زَارَنِي فِي حَيَاتِي

'Barangsiapa berziarah ke kuburku, diwajibkan baginya syafaatku.'

Sedangkan yang paling kuat sanadnya adalah sabda Baginda yang berikut :

مَنْ زَارَنِي بَعْدَ مَوْتِي فَكَأَنَّمَا زَارَنِي فِي حَيَاتِي

'Barangsiapa berziarah selepas wafatku, dia seperti berziarah di masa hidupku.'

Yang meriwayatkan hadis yang pertama ialah Ad-Daruquthni dan Ibn Sakan dan sudah ditashih.

Kesahihannya disepakati dengan lafaz : *'Barangsiapa datang kepadaku untuk berziarah, tidak diikuti keperluan lain kecuali untuk berziarah kepadaku, maka aku benar-benar akan menjadi penolongnya pada hari kiamat.'*

Yang dimaksudkan dengan perkataan Baginda : *'...tidak diikuti dengan keperluan lain kecuali hanya untuk berziarah kepadaku....'* adalah untuk menjauhi tujuan lain yang luar dari lingkungan ziarah.

Kalau masih berkaitan dengannya, misalnya bertujuan untuk i'tikaf di Masjid Nabawi, keberangkatan ke sana, memperbanyakkan ibadah di dalamnya, berziarah ke kubur-kubur sahabat, mengunjungi Masjid Quba' dan lain-lain merupakan perkara yang mandub bagi para penziarah. Dalam hal ini, tujuannya bukan semata-mata untuk mendapatkan

syafaatnya. Para ulama' berkata bahawa disunatkan bagi kita untuk meniatkan taqarrub dengan ziarah, sekaligus taqarrub dengan pergi ke Masjid Nabawi dan melakukan solat di dalamnya.

Mengambil sabda Nabi s.a.w. : *'...tidak diikuti keperluan lain melainkan hanya untuk menziarahiku...'* secara keseluruhan, baik dalam keadaan hidup mahupun mati, datang dari jauh atau dekat, asalkan tujuan pokoknya adalah untuk berziarah semata-mata, itulah yang merupakan taqarrub yang agung, pada tingkatan yang tinggi dan mulia serta tidak ada yang perlu dikhuatirkan dari segenap aspeknya.

Sesudah ini, kelihatan bagi seseorang yang memiliki bashirah yang baik bahawa berziarah ke kubur orang-orang yang soleh adalah disukai untuk mencari berkat, dengan anggapan bahawa berkat mereka tetap berlaku meskipun mereka telah wafat, sebagaimana di dalam kehidupan mereka. Doa di kubur orang-orang yang soleh dan permintaan syafaat dengan perantaraan mereka memperbesarkan harapan untuk dikabulkan oleh Allah. Demikianlah pendapat imam-imam agama.

Demikian juga tidak dilarang apabila seseorang yang memiliki hajat tertentu pergi kepada mereka dan bertawassul dengan perantaraan mereka, dengan dasar sabda Rasul : *'Janganlah bepergian, kecuali ke tiga masjid iaitu Masjidil Haram, Masjidku ini, dan Masjid Al-Aqsa.'*

Imam yang terhormat, Abu Hamid al-Ghazali, berkata di dalam kitabnya **Adab As-Safar** dari kitab **Ihya'** yang nasnya adalah sebagai berikut : *'Bahagian dua: Hendaknya kepergiannya adalah untuk beribadah, sedangkan untuk jihad atau haji...sampai dikatakan : "Termasuk dalam hal ziarah kubur para Nabi, kubur sahabat-sahabat, tabi'in, para ulama' dan wali serta semua yang mencari berkat dalam mengunjunginya.'*

Semua hadis ini terang, paling banyak dan paling jelas anjurannya. Namun penetapan ziarah Nabi s.a.w., hidup atau mati, untuk kaum lelaki atau wanita, baik dari jauh mahupun dekat. Maka memakai dalil dengan hal itu tentang fadhilat bepergian untuk berziarah dan disarankan ziarah walaupun bagi wanita.

Keseluruhan ziarah bermakna perpindahan dari tempat si penziarah ke tempat yang diziarahi. Seperti lafaz Al-Maji' di dalam nas Al-Quran yang mulia.

Maka ziarah adalah perpindahan dari tempat asal ke tempat yang dituju, serta keberadaan seseorang dalam perjalanan dari suatu tempat ke tempat yang lain, dari dekat mahupun jauh. Pengertiannya dalam hal ini mestilah dipastikan.

Apabila semua ziarah dianggap sebagai taqarrub, maka seluruh proses pemergian kepadanya juga dianggap sebagai taqarrub. Telah dibenarkan keluarnya Nabi s.a.w. untuk berziarah ke Baqi' dan Uhud.

Apabila syariat menetapkan pemergian untuk berziarah ke kubur selain Rasul, maka kubur Baginda yang agung lebih utama dan lebih layak untuk diziarahi. Kaedah yang disepakati adalah wasilah taqarrub dianggap sebagai taqarrub juga.

Kerana kepergian untuk berziarah merupakan taqarrub, maka ziarah itu sendiri juga merupakan taqarrub. Ini adalah kelaziman antara keduanya, yang jelas dan tidak tersembunyi, kecuali bagi orang-orang yang tidak mengizinkannya.

Kerana orang-orang yang tidak mengizinkannya ini mengingkari ziarah sebagai taqarrub, maka mereka lebih ingkar lagi sewaktu dikatakan bahawa kepergian untuk ziarah juga termasuk taqarrub.

Akhirnya dikatakan bahawa ziarah ke kubur Rasul diutamakan dari semua kubur yang lain, dan kepergian orang-orang ke sana telah pun ditetapkan.

Kerana si mati diperlakukan seperti orang hidup, maka penting untuk kita mengetahui tujuan ziarah kepadanya. Anda boleh melihat sewaktu Nabi s.a.w. keluar malam-malam dari tempat Aisyah ke Baqi'. Baginda tinggal di situ agak lama lalu mengangkat tangan tiga kali.

Hadis ini masyhur sekali. Dikatakan bahawa Aisyah r.a. bertanya tentang hal itu, kemudian Rasul s.a.w. menjawab bahawa Jibril a.s. mendatanginya dan berkata : *'Tuhanmu menyuruhmu untuk mengunjungi penghuni Al-Baqi' serta*

memintakan istighfar bagi mereka.' A'isyah bertanya : 'Aku harus berkata apa (apabila berziarah ke sana), wahai Rasul?' Baginda menjawab : 'Ucapkanlah :

السَّلَامُ عَلَى أَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، يَرْحَمُ اللَّهُ
الْمُسْتَفْدِمِينَ مِنَّا وَالْمُسْتَأَخِرِينَ وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَآحِقُونَ

'Semoga kesejahteraan ke atas ahli kubur dari kalangan mukminin dan muslimin, Allah memberikan rahmatNya kepada orang-orang yang mendahului dan yang akan menyusuli kami. Kami insya Allah akan menyusul kemudian.'

Lihatlah bagaimana Rasul s.a.w. pergi ke Baqi' dengan perintah Allah untuk memintakan istighfar bagi penghuninya. Hal itu tidak boleh dipenuhi tanpa datang secara langsung ke kubur, dan inilah inti kedatangan seseorang ke kubur. Iaitu untuk berziarah kepada sanak keluarga yang telah mati dan memohon keampunan bagi mereka. Dalam hal itu, Aisyah bertanya kepada Nabi s.a.w., apa yang harus diucapkan (iaitu sebagaimana yang dilakukan oleh Rasul). Maka Baginda mengajarkan kepadanya ucapan salam di atas.

Dalil tersebut tersirat makna yang menunjukkan bahawa wanita boleh datang ke kubur untuk tujuan ini, sebab pertanyaan Aisyah diajukan setelah Rasul pulang ke rumah. Maka maksudnya bukan apa yang harus diucapkannya sekiranya lain kali ingin berkunjung ke kubur. Kalau menziarahi kubur tidak diperkenankan bagi Aisyah, maka Rasul tentu tidak mengajarkan salam tersebut. Itulah maksudnya.

Kedatangannya ke kubur adalah untuk berziarah dan berdoa, tiada hubungannya dengan tujuan tempat, tidak ada pula petunjuk hadis yang melarangnya, pun tidak ada seorang ulama' pun yang menyebut tentang hal itu.

Maksudnya, ziarah ke kubur selain kubur Rasul boleh dilakukan apabila seseorang ingin mendapatkan pahala ziarah. Maka berziarah ke tempat yang dekat lebih kuat dari yang lain dan menuntut makna khusus, iaitu hubungan keluarga. Meskipun demikian, berziarah ke kubur selain kerabat dekat juga

dianjurkan sebagai pengajaran, kebaikan dan juga sebagai doa. Hal ini berlaku umum bagi seluruh kaum Muslimin.

Adapun berziarah ke kubur orang-orang tertentu telah memenuhi sunnah berziarah ke kubur tertentu. Ertinya ziarah ke kubur-kubur tertentu itu tidak didasari oleh sunnah yang khusus, kecuali apabila di dalamnya terdapat kelebihan-kelebihan yang khusus atau telah diketahui kebaikannya. Maka ziarah ke kubur orang-orang yang soleh dilakukan kerana merupakan salah satu bentuk taqarrub. Sama halnya dengan mengatakan bahawa solat di masjid itu diperintahkan,

tetapi tidak diharuskan untuk solat di masjid tertentu, kecuali di tiga masjid yang telah ditunjukkan oleh syariat kerana keutamaan-keutamaan yang ada padanya, seperti Masjidil Haram. Apabila anda telah dapat menangkap maksud misal ziarah kubur dengan solat di Masjid ini, maka kita boleh mengatakan bahawa maksud segala ziarah kubur adalah untuk mengingatkan manusia akan kematian, tanpa disyariatkan kubur sesiapa yang dituju.

Demikian pula soal memohon berkat dari kubur. Pada dasarnya memohon berkat ini tidak dikhususkan harus ke kubur sesiapa pun, tetapi yang lebih disukai memang kubur-kubur orang-orang soleh, kerana darinya kita boleh mengharapkan berkat yang lebih banyak daripada ziarah ke sebarang kubur.

Dengan demikian, kubur para Nabi atau para sahabat seperti Abu Bakar dan Umar merupakan tujuan ziarah yang lebih disukai. Dan puncak yang paling agung dalam hal ini adalah kubur Nabi Muhammad s.a.w., sebagaimana masjid yang paling agung di antara masjid yang paling agung ialah Masjidil Haram. Dalam bahagian ini, tidak boleh kita pergi ke kubur seseorang selain para Nabi.

Ada pula doa yang merupakan hak lain yang dikhususkan bagi orang-orang tertentu. Seandainya si mati bernazar supaya dia didoakan di kuburnya, maka nazarnya wajib dipenuhi, sebab dia memiliki hak atas doa tersebut. Sama halnya apabila kita bernazar untuk bersedekah kepada fakir tertentu, maka sedekah itu menjadi wajib. Dalam hal berziarah dengan doa sebagaimana dinazarkan, perlaksanaannya menjadi wajib terutama untuk

kubur kerabat dekat. Doa di kubur ini dimaksudkan seperti doa bagi penghuni kubur Al-Baqi'. Maka seseorang boleh bepergian untuk memenuhi janji nazarnya. Jika tidak ada nazar berangkat untuk tujuan ini tidak dianjurkan, sebab berdoa untuk si mati di kuburnya tidaklah diminta oleh syariat dan si mati pun tidak memiliki hak untuk itu.

Lain halnya jika ziarah tersebut ditujukan untuk memenuhi hak misalnya berziarah ke kubur ayah bonda. Untuk hal seperti ini, tujuannya sendiri sudah disyariatkan, ertinya kita dibolehkan bahkan digalakkan pergi untuk memenuhi hak dan hak yang paling besar adalah hak Nabi s.a.w. atas setiap Muslim, sehingga mengunjungi untuk memenuhi hal itu adalah disukai.

Ini adalah seandainya tiada dalil yang khusus tentang hal tersebut. Padahal perbuatan itu merupakan peninggalan dari para pendahulu kita yang telah disokong oleh ijma'. Maka sebagaimana dikutip oleh lebih dari satu imam, bepergian untuk berziarah merupakan taqarrub yang paling utama dan usaha yang paling besar kemungkinannya untuk berhasil.

Sebagaimana para ulama' berijma' tentang disyariatkan ziarah dan keberangkatan ke sana, maka kaum Muslimin juga berijma' kepada ulama dan lain-lain dalam melakukan hal itu. Semenjak zaman sahabat hingga ke hari ini, orang-orang dari seluruh penjuru dunia bertawajjuh dengan berziarah ke kubur Nabi s.a.w. sebelum atau sesudah haji. Mereka menempuh perjalanan yang jauh dan sulit, serta menghabiskan banyak dana dan tenaga untuk ziarah ini, kerana dilandasi oleh keyakinan bahawa hal itu merupakan taqarrub yang paling besar. Barangsiapa beranggapan bahawa semua orang keliru, maka sesungguhnya dia sendirilah yang salah.

Kita memohon kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala supaya diberi kesempatan untuk boleh berziarah kepada Rasulullah s.a.w. setiap tahun. Singkatnya kalau kita katakan bahawa sebahagian dari penziarah itu tidak semuanya baik dan berkemampuan, maka dengan itupun mereka telah meletakkan wali-wali Allah Subhanahu wa Ta'ala pada tempat dan kedudukan yang semestinya dan mencintai mereka kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Di pihak lain, mereka juga yakin

bahawa tidak ada suatu makhluk pun yang layak menerima pengagungan seperti zat Allah Subhanahu wa Ta'ala. Semuanya kembali kepadaNya. Dalam pada itu, Dia mengurniakan hamba-hambaNya yang terpilih dengan sebutan-sebutan yang baik yang membezakan mereka dari hamba-hambaNya yang lain. Oleh kerana itu, mereka mendapat penghargaan dan pengagungan setelah kematian mereka di dunia dan di akhirat. Demikianlah keadaan orang-orang yang soleh.

Mereka yang menganggap bahawa orang-orang yang soleh itu kosong dari keagungan Allah Subhanahu wa Ta'ala bererti menentang kebenaran, memutarbelitkan hakikat, berlaku aniaya terhadap hak-hak Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mengabaikan orang-orang yang layak menerima penghormatan. Mereka ingin menghalangi hamba-hamba Allah yang baik yang hendak mendekati diri kepadaNya dengan mengagungkan dan bertawassul dengan perantaraan orang-orang yang soleh itu. Di sebalik kecintaan para Muslimin terhadap wali-wali Allah, tersembunyi kebencian terhadap musuh-musuh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Maka anda boleh melihat bagaimana mereka membenci dan memusuhi musuh-musuh Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam kehidupan mahupun kematian mereka.

Banyak sekali ayat-ayat Al-Quran dan Hadis Nabawiyah yang menunjukkan tentang perhatian syariat terhadap orang-orang yang mencintai dan membenci di jalan Allah Subhanahu wa Ta'ala dan kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala. Di pihak lain, sangat banyak ayat-ayat dan hadis yang memuji para Nabiyullah dan hamba-hambaNya yang soleh, apalagi HabibNya yang utama : Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Bukankah itu merupakan bukti pengagungan dan kecintaan Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada mereka? Bukankah itu menunjukkan kesempurnaan ketaatannya sehinggalayak untuk diagungkan, dipuji dan dicintainya? Bukankah Allah Subhanahu wa Ta'ala juga yang menunjukkan kepada kita bagaimana memuji wali-waliNya sebagai bukti pemeliharaanNya atas mereka dan kecintaanNya kepada mereka? Dia menambahkan taqarrub kepadaNya dengan firmanNya :

الآيَاتِ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

'Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.'

(Yunus : 62)

Kalau kita menghargai kedudukan mereka dan mengikat hati kita dengan hati mereka, juga menjalin kasih sayang antara kita dengan mereka dengan cara berziarah, memohon syafaat, dan bertawassul kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan perantaraan mereka dengan tetap yakin bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala sendirilah sumber dari segala pengaruh dan pertolongan, dapatkan kita katakan syirik, dapatkah dicela, dituduh syirik, dan keluar dari ketaatan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala?

Semua Muslimin semestinya yakin bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala adalah Sayyid Yang Maha Mutlak bagi semua makhluk dan seluruh hambaNya, dari yang paling bertakwa sampai yang paling durhaka. Penghambaan mereka bertingkat-tingkat, dan penghambaan yang paling utama bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala adalah berasal dari para Nabi dan malaikat-malaikatNya, sebab ma'rifat mereka tentang keagungan dan kekuasaanNya lebih banyak dari ma'rifat orang-orang bawahnya.

Di antara para Nabi itupun, bertingkat-tingkat kedudukannya. Ada yang berada di darjat yang paling agung serta kedudukan 'ubudiyah yang paling tinggi. Beliau adalah Sayyidina Muhammad s.a.w. Lantaran itu, Bagindalah yang paling dicintai dan diutamakan disisiNya.

Dilihat pada kedudukan ubudiyahnya, maka yang menduduki tingkat tertinggi adalah para Nabi, kemudian para pemimpin malaikat, disusuli malaikat yang awam, kemudian wali-wali yang bertauhid, dan selanjutnya semua Mukminin, berdasarkan darjat ketakwaan dan makrifat masing-masing terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Sedangkan kedudukan 'ubudiyah manusia yang paling rendah adalah mereka yang kufur dan syirik terhadap Allah, yang tidak ikhlas menghamba diri kepadaNya sahaja, melainkan menganggap diri mereka sebagai hamba dari selain Allah, sehingga menjadikan mereka mendustakan Allah. Misalnya, penyembah patung-patung dan berhala atau penyembah Al-Masih a.s.

Kandungan

SYUBHAT MENGINGKARI SOLAT DI MASJID YANG BERKUBUR

Berserta Jawapan Terhadapnya

Dari Abu Hurairah Radiallahu'anhu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

لَمَّا أُسْرِيَ بِي إِلَى بَيْتِ الْمَقْدِسِ مَرَّ بِي جِبْرَائِيلُ إِلَى قَبْرِ إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِمَا الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ، فَقَالَ: أَنْزِلْ صَلِّ هَاهُنَا رَكَعَتَيْنِ، فَإِنَّ هَاهُنَا قَبْرُ أَبِيكَ إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، ثُمَّ مَرَّ بِي إِلَى بَيْتِ اللَّحْمِ فَقَالَ: أَنْزِلْ صَلِّ هَاهُنَا رَكَعَتَيْنِ فَإِنَّ هَاهُنَا وُلْدُ أَخْوَاكَ عِيسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ

'Tatkala Isra' ke Baitul Maqdis, Jibril membawaku melawat kubur Ibrahim 'Alaihissalam. Jibril berkata : 'Turunlah di sini dan sembahyanglah dua rakaat. Ini adalah kubur ayahmu, Ibrahim 'Alaihissalam.' Seterusnya kami melawat Bait Al-Lahm. Jibril 'Alaihissalam berkata: 'Turunlah di sini dan sembahyanglah dua rakaat, sesungguhnya disinilah tempat kelahiran saudara dikau, Isa 'Alaihissalam.'

Dengan hidayah Nabawi yang sahih ini, jelaslah kepada kita bahawa harus solat di tempat-tempat yang terdapat kubur para Nabi dan orang-orang soleh.

Namun sebahagian orang telah menyanggah hal ini dan juga hal yang menjadikan tempat yang terdapat kubur sebagai masjid. Mereka berkata tujuan mereka menolak ialah untuk memelihara tauhid. Kerana solat di tempat seperti itu boleh membawa kepada syirik. Ini merupakan suatu khayalan batil. Sebenarnya,

menggunakan kubur sebagai masjid, tinggal di atasnya dan membuat gambar-gambar di dalamnya, itulah yang membawa kepada syirik dan sememangnya telah menjadi larangan. Sebagaimana yang telah tertera di dalam hadis-hadis sahih seperti:

لَعَنَ اللَّهُ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ

'Allah melaknati orang-orang Yahudi dan Nasrani yang menjadikan kubur Nabi-Nabi mereka sebagai tempat sembahyang.'

Rasulullah s.a.w. juga menjelaskan ketika ditanyakan kepada Baginda perihal gereja di Habsyah :

أُولَئِكَ إِذَا مَاتَ فِيهِمُ الرَّجُلُ الصَّالِحُ بَنَوْا عَلَى قَبْرِهِ مَسْجِدًا، ثُمَّ صَوَّرُوا فِيهِ تِلْكَ الصُّورَةَ، أُولَئِكَ شِرَارُ الْخَلْقِ عِنْدَ اللَّهِ

'Mereka itulah, apabila orang soleh dari kalangan mereka meninggal dunia, mereka membina masjid di atas kuburnya. Kemudian mereka menghiasinya dengan gambar-gambar. Merekalah makhluk yang terlalu jahat di sisi Allah.'

Oleh kerana tidak ada seorang ulama atau imam agama pun yang mengatakan hal ini, maka hakikat masalah ini harus diperjelaskan. Kita perlu meneliti syubhat tersebut untuk menjelaskan hakikat masalahnya dan dalil-dalil yang dipakai oleh mereka yang mengingkari hal ini.

Orang yang mengingkari masalah ini menggunakan dua dalil daripada hadith untuk mendukung pendapatnya. Pertama, sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang diriwayatkan oleh Ash-Shaukani dan lain-lain dengan lafaz Muslim:

أَلَا وَإِنَّ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ كَانُوا يَتَّخِذُونَ قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ وَصَالِحِيهِمْ مَسَاجِدَ، أَلَا فَلَا تَتَّخِذُوا الْقُبُورَ مَسَاجِدَ، إِنِّي أَنهَاكُمْ عَنْ ذَلِكَ

'Sesungguhnya orang-orang sebelum kamu sekalian ada yang menggunakan kubur Nabi-Nabi dan orang-orang soleh dari kalangan mereka sebagai masjid. Maka janganlah kamu menggunakan kubur-kubur sebagai masjid. Sesungguhnya aku melarang kamu melakukan sedemikian.'

Kedua, Al-Imam Malik meriwayatkan di dalam kitab **Al-Muwattha'**:

اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْ قَبْرِي وَتَنَا يُعْبَدُ اشْتَدَّ غَضَبُ اللَّهِ عَلَى قَوْمٍ اتَّخَذُوا
قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ

'Ya Allah, Janganlah Engkau jadikan kuburku sebagai berhala yang disembah. Allah sangat murka kepada orang-orang yang menjadikan kubur Nabi mereka sebagai masjid.'

Maksud hadith yang mulia ini adalah melarang orang-orang yang sengaja menggunakan kubur sebagai tempat solat atau mengagungkan si pemilik tempat kubur itu. Kerana ia merupakan faktor yang menyebabkan umat-umat terdahulu terjerumus ke dalam syirik dengan menyembah kubur dan penghuninya. Maka Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menutup jalan yang menjerumuskan umatnya ke dalam syirik sebagaimana umat-umat terdahulu, agar Allah menerima doa-doa mereka. Oleh kerana itu, tidak ada Muslimin yang mengagungkan kubur orang soleh dengan solat mereka.

Apabila kubur tidak dijadikan sebagai sekutu Allah, maka perhatian terhadap kubur menjadi sunnah. Seseorang yang solat di kubur tanpa sebarang desakan, dan tidak pula bermaksud solatnya sebagai pengagungan dan penghargaan bagi kubur dan penghuninya, maka hal itu adalah makruh dan perlu dijauhi. Jadi hukumnya tidak sampai peringkat haram, apatah lagi syirik, seperti yang dikatakan oleh orang-orang yang mengingkarinya.

Bahkan sebahagian ulama telah mengatakan bahawa solat di kubur bukanlah makruh. Di dalam kitab **Al-Mudawanah**, pada bab yang membahaskan tempat-tempat yang boleh dipakai untuk solat, Ibn Al-Qasim bertanya: *'Apakah Imam Malik telah membiarkan seseorang melakukan solat sementara di hadapannya terdapat kubur-kubur yang menghalanginya?'*

Imam Malik mengatakan bahawa ianya tidak mengapa, solat di tempat yang ada kubur di hadapan, di belakang, di sisi kanan atau kiri; lalu dikatakan bahawa Imam Malik berkata: *'Tidak ada apa-apa melakukan solat diperkuburan.'* Dikatakan pula: *'Telah sampai kepadaku berita tentang sebahagian sahabat Rasulullah, bahawa mereka solat di kubur.'*

Orang-orang yang menjadikan perkuburan sebagai masjid tidaklah menggunakannya seperti masjid. Selain daripada mencari keberkatan bertaqarrub di sisi kubur orang-orang soleh, rahmat Ilahi yang turun ke atas mereka dan orang-orang yang berdekatan juga dicari. Dari sini kita mengetahui bahawa bid'ah ini ditujukan kepada masjid-masjid tertentu seperti Masjid Maulana Hussien Radiallahu'anhu dan saudara perempuannya Zainab Radiallahu'anha dengan menyebutnya sebagai masjid syirik. Sehingga solat didalamnya pun merupakan perbuatan syirik atau gejala menuju syirik.

Sebenarnya, mereka telah menunjukkan kebodohan dan keketatan pemahaman terhadap hadis-hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Di dalam **Sahih Al-Bukhari** terdapat riwayat yang dipetik daripada 'Aisyah Radiallahu'anha, tatkala disebutkan kepada Rasulullah tentang gereja di Habsyah yang penuh dengan gambar-gambar, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ أَوْلَيْكَ إِذَا كَانَ فِيهِمُ الرَّجُلُ الصَّالِحُ فَمَاتَ بَنَوْا عَلَى قَبْرِهِ
مَسْجِدًا - أَوْ صُورًا - فَأَوْلَيْكَ شِرَارُ الْخَلْقِ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

'Mereka itu, kalau ada seorang soleh di antara mereka yang meninggal dunia, mereka akan mendirikan masjid di atas kuburnya atau menghiasinya dengan gambar-gambar. Maka mereka itulah sejahat-jahat makhluk di sisi Allah.'

Al-Imam Nasaruddin Al-Baidawi di dalam syarahnya berkata: *'Tujuan orang-orang Yahudi dan Nasrani bersujud kepada kubur para Nabi mereka ialah mengagungkan mereka, menjadikannya sebagai kiblat tempat mengarahkan solat dan*

menjadikan mereka sebagai berhala. Kaum Muslimin di larang melakukan hal seperti ini.'

Jika ada orang yang memanfaatkan kawasan yang bersebelahan kubur orang soleh dengan menjadikannya sebagai masjid dan ingin mengambil berkat dengan mendekatinya, bukan mengagungkannya atau bertawajjuh kepadanya, maka ia tidaklah termasuk di dalam golongan yang di ancam Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Al-Hafiz Ibn Hajar ada meriwayatkan di dalam kitabnya **Al-Fath** dan menguatkan hal itu.

Begitulah seharusnya para pemimpin dan ulama memahami hadith-hadith. Jika dikatakan sesebuah masjid mesti dipindahkan kerana terdapat kubur didalamnya, maka mereka wajib memindahkan Masjid An-Nabawi dan Raudhahnya yang suci. Bagaimanakah mungkin ianya dilakukan, sedangkan tempat itu sering dikunjungi orang ramai dengan bersandarkan kepada nas hadith Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, sabda Baginda : *'Apa yang ada di antara rumahku dan minbarku adalah taman dari taman-taman syurga.'*

Al-Bazzar meriwayatkan dengan sanad perawi yang benar-benar jujur dan juga Ath-Thabrani meriwayat secara *marfu'an* : *'Apa yang ada di antara kuburku dan mimbarku adalah taman dari taman-taman syurga'*, dimaksudkan dengan lafaz 'kubur' adalah rumah Baginda. Ini bererti Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam sudah tahu bahawa Masjidnya yang suci akan berada di sebelah kuburnya. Maka hukum inilah yang utama, dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menghendaki umatnya agar mengikutinya. Baginda tidak menyuruh mereka memindahkan atau meruntuhkan masjid kerana adanya kubur di situ. Pada kesempatan yang lain, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menjelaskan bahawa solat di dalam Masjidnya adalah seribu kali lebih utama daripada solat di tempat yang lain, kecuali Masjid Al-Haram dan Al-Aqsa. Baginda menambah penjelasan secara khusus bahawa antara kuburnya yang suci dan mimbarnya terdapat taman dari taman-taman syurga.

Tatkala projek peluasan masjid selesai, bilik-bilik Ummahatul Mukminin, iaitu bilik suci yang didalamnya terdapat

kubur Baginda beserta kedua sahabatnya, menjadi satu bahagian daripada Masjid An-Nabawi yang mulia. Hal tersebut diakui para sahabat yang hidup pada masa itu. Jumlah mereka amat ramai, ditambah pula dengan para tabi'in. Mereka tidak memandang bahawa memasukkan bilik kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam kedalam Masjid yang suci itu merupakan suatu perkara yang menyeleweng. Pada pandangan mereka, kesucian Masjid tidak tercemar dengan bilik-bilik itu disekelilingnya. Hal itu masih berlaku hingga dewasa ini.

Para ulama Asy-Syafi'iyah berpendapat bahawa mendirikan masjid di atas kubur di kawasan *mauqufah* (yang diwaqafkan) dan *musbalah* (tidak diwaqafkan) diharamkan, kecuali kubur para Nabi dan orang-orang soleh. Sebagaimana diriwayatkan bahawa para sahabat telah membuka Baitul Maqdis dan Syam, di dalam negeri al-Khalil 'alaihissalam telah dibina masjid di atas kubur Baginda, kubur anak-anak Ishaq dan Ya'kub serta orang-orang soleh dari keluarga mereka. Di dalam Baitul Maqdis juga terdapat binaan di atas kubur Daud 'alaihissalam dan lain-lain. Tidak ada yang memerintahkan untuk menghancurkannya sama ada 'Umar mahupun sahabat yang lain dan para ulama setelah mereka.

Fathimah r.a., putri Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* sering pergi ke kubur Hamzah untuk berziarah dan dia menjadi pemimpin apabila diperlukan.

Sedangkan Al-Bukhari meriwayatkan di dalam **Sahih** bahawa Fatimah binti Al-Husein telah mendirikan kubah di atas kubur suaminya, Al-Hasan bin Hasan. Ini menunjukkan bahawa mendirikannya adalah sunnah.

Selanjutnya, diriwayatkan daripada 'Aisyah Radiallahu'anhu, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَعَنَ اللَّهُ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ

'Allah mengutuk orang-orang Yahudi dan Nasrani yang menjadikan kubur para Nabi-Nabinya sebagai tempat sembahyang.'

Al-Bukhari telah mengemukakan *athar* yang menunjukkan bahawa solat di kubur bukanlah suatu kesalahan, asalkan tidak dimaksudkan untuk menyembah kubur tersebut, sehingga termasuk dalam perilaku yang diancam hadis-hadis yang mulia. Jadi seseorang hanya bersolat tanpa mengagungkan kubur yang berdekatan. Ini berbeza dengan apa yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani. Mereka bersujud kepada kubur Nabi-Nabi dan orang-orang soleh dari kalangan mereka atau kepada gambar-gambar yang mereka buat seperti bersujud kepada berhala. Allah Subhanahu wa Ta'ala sudah menjauhkan hal itu dari umat Nabi Muhammad dan memeliharanya dengan kurniaNya, semenjak NabiNya wafat hingga hari ini. Syukur kepada Allah.

Imam Abdullah Al-Bukhari mengumpulkan *athar* dan hadis yang berkaitan dengan masalah ini di dalam satu bab khusus, iaitu bab '**Hal-Hal Yang Dibenci Kerana Menjadikan Masjid Di Atas Kubur**'. Kemudian beliau menjelaskan bahawa orang-orang yang menjadikan kubur sebagai masjid, diantaranya ada yang tidak dibenci dan ada yang dibenci.

Diriwayatkan pula *athar* tentang Saidatina Fatimah binti Hussein yang mendirikan kubah di atas kubur dan membiarkannya sampai satu tahun. Bukannya dia senang tinggal didalamnya, melainkan tidak mustahil di situ dia melakukan fardhu-fardhu Tuhan, solat-solat nawafil, zikir dan tilawah. Dia disertai oleh sanak keluarganya. Padahal masa itu adalah zaman fiqeh, bukan zaman mungkar, dan tidak ada yang mencela atau menolak perbuatan tersebut, sedangkan dia dalam manzilah menjadikan masjid di atas kubur. Perbuatan ini dilakukan oleh wanita suci dari Ahlul Bait yang pemahaman agamanya tak perlu diragukan. Tidak ada ulama yang mengingkari hal itu menunjukkan bahawa ianya boleh dilakukan.

Hadis yang dipetik ini menunjukkan dengan jelas larangan menjadikan kubur sebagai masjid dengan tujuan mengagungkan si ahli kubur. Sedangkan apa yang dilakukan oleh wanita yang terhormat ini bukanlah yang semacam itu.

Para ulama Syafi'iyah telah bersepakat bahawa larangan mendirikan binaan di atas kubur hanyalah ketika tidak ada

keperluan tertentu. Kalau didorong keperluan tertentu seperti rasa takut terhadap perompak, pencuri, binatang buas atau banjir maka tidak ada larangan untuk mendirikan suatu masjid yang tidak tetap, dan tidak pula dilarang dijadikannya tetap. Apabila masjid tersebut telah dibangun secara tetap, ia tidak boleh dirobohkan lagi.

Hasil perbincangan mereka ini kembali kepada skop hukum-hakam yang bersifat umum dan bebas atau yang bersifat khusus dan terbatas, yang terkenal dalam feqah agama. Sebagaimana yang mereka katakan: Allah melimpahkan kepada mereka dalam firmanNya:

أَوَلَمْ نَسْمُكُمُ الْبَنَاءَ

‘...atau kamu bersentuh dengan perempuan...’

(An-Nisa’ : 43)

Ayat tersebut dikhususkan bagi lelaki yang sudah dewasa dan bersyahwat. Dari sini, bolehlah dikatakan bahawa larangan mendirikan binaan di atas kubur itu makruh atau haram kalau didasari tujuan tertentu yang tidak dibenarkan syariat. Jika tujuannya tidak seperti itu, maka ianya tidaklah diharamkan dan tidak dibenci.

Orang yang memandang secara benar di dalam syariat yang bersih akan melihat dengan jelas bahawa penghargaan terhadap kubur berbeza-beza, tergantung kepada sesiapa orang yang di dalam kubur itu. Perbezaan perlakuan itu juga sampai pada kubur orang-orang kafir. Penghargaan terhadap kubur kafir zimmi berlainan dengan kubur orang kafir harbi, kubur Mukminin biasa tidak sama dengan kubur orang kafir. Jelasnya, penghargaan itu disesuaikan dengan kedudukan si mati. Jadi bagaimanakah sangkaan anda tentang kubur yang sangat khusus, iaitu kubur para Nabi, Mursalin, siddiqin dan syuhada’?

Penghargaan ke atas mereka ketika hidup mahupun mati merupakan penghargaan terhadap para wali di sisi Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Penghargaan ke atas mereka berlandaskan syariat Allah. Oleh itu, Penggubal Syariat kita tidak melarang kita menghargai

mereka, bahkan ianya termasuk perbuatan yang diredhai syariat. Ia bukanlah perlakuan yang dilarang oleh syariat yang disandari dengan nas. Dalam soal ini, perkara yang disebutkan oleh syariat hanya perihal menjadikan kubur golongan solihin yang terhormat sebagai masjid. Telah difahami oleh para sahabat dan para fuqaha' bahawa perkara yang dimaksudkan dengannya adalah larangan menyembah atau mempertuhankan orang-orang mati di dalam kubur. Jika hal itu tidak terjadi, maka tiadalah larangannya. Oleh sebab itu, ulama fiqeh dan juga umat terdahulu membiarkan bilik-bilik Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam tetap di tempatnya ketika Masjid Nabawi diperbaharui. Bahkan bilik-bilik tersebut dibangunkan kembali dengan binaan batu-bata, tidak lagi dengan tanah liat seperti sebelumnya. Mereka juga tidak menyanggah apabila kedudukan bilik-bilik itu digabungkan bersama Masjid yang mulia itu. Bahkan Masjid itu dibangunkan mengelilinginya.

Cara tertentu perlu digunakan agar larangan menggunakan kubur para Nabi dan orang-orang soleh sebagai masjid tidak dilanggar, di antaranya ialah: mempersempitkan jalan menuju bilik yang terdapat kubur tersebut dari sisi qiblat agar orang ramai tidak bersolat di situ. Sementara itu, di dalam bilik tersebut terbaring insan mulia, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, Abu Bakar dan 'Umar Radiallahu'anhuma, yang keduanya bukan Nabi tetapi tergolong daripada orang yang soleh.

Kita telahpun mendapati masjid tertentu didirikan di atas kubur sebahagian tokoh umat ini, sepertimana yang diketahui dari kitab **Wafa Al-Wafa**, kubur-kubur mereka tidak digunakan untuk solat. Bangunan tersebut tidak dihancurkan oleh kaum Muslimin selepas mereka meninggalkannya. Begitulah juga semua binaan yang berada di atas kubur secara umum. Tetapi sebilangan ulama telah mengecualikan sebahagian kubur para Nabi dan orang-orang soleh.

Imam Asy-Syafie telah membuat penjelasan khusus di dalam kitab **Al-Umm**. Beliau terkenal dengan wawasannya yang luas dan pemahamannya yang mendalam. Apabila melihat ada penguasa yang meruntuhkan binaan di atas kubur, beliau tidak menolak tindakan mereka. Sedangkan beliau juga mengetahui

perihal persetujuan dan kesepakatan pada binaan kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan kedua sahabatnya serta kubur tokoh agama yang lain. Ini bererti, kata-katanya tentang perlunya diruntuhkan binaan kubur adalah pada konteks yang khusus. Dengan itu, binaan di atas kubur bukanlah sekadar untuk memperindah kubur dan memboroskan wang tetapi mengandungi tujuan mulia berlandaskan syariat. Diantaranya untuk membesarkan syiar Allah Subhanahu wa Ta'ala dan penghormatan terhadap ahli kubur. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

وَمَنْ يُعْظِمِ حُرْمَتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ

'... dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya...'

(Al-Hajj: 30)

وَمَنْ يُعْظِمِ شَعِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

'Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati Syiar-Syiar ugama Alla, maka sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati.'

(Al-Hajj: 32)

Istilah **'hurumat'** dan **'sya'a-ir'** tidak dikhususkan dengan ibadat haji dan syiar-syiarnya sahaja, bahkan termasuk juga di dalam pengertiannya para wali. Hal ini tidak tersembunyi bagi orang yang mengerti usul dan mengetahui hal-hal yang penting dari tafsir Kitab yang suci.

Ianya juga merangkumi petanda-petanda dan keterangan tentang sesuatu kubur yang terhormat dan disyariatkan untuk diziarahi. Petanda-petanda seperti itu mestilah dibiarkan, bahkan dijaga supaya tidak hilang.

Membuat tanda-tanda di atas kubur telah disahkan oleh Sunnah. Ibn Majah meriwayatkan dengan sanad hasan, sebagaimana disebutkan di dalam kitabnya **Az-Zawaid** daripada Anas bin Malik Radiallahu'anhu:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْلَمَ قَبْرَ عُثْمَانَ بْنِ مَظْعُونٍ
بِصَخْرَةٍ

*'Sesungguhnya Rasulullah membuat petanda di kubur
'Uthman bin Maz'un dengan batu.'*

Abu Daud meriwayatkan daripada sebahagian sahabat dengan lafaz: *'Ketika 'Uthman bin Maz'un meninggal dunia, Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menyuruh seseorang untuk mengambil seongkah batu besar, tetapi dia tidak berupaya mengangkutnya. Lalu, Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menghampirinya seraya melipat lengan bajunya sampai ke siku, kemudian mengangkat batu tersebut dan menjunjung di atas kepala. Baginda bersabda: 'Agar aku bisa mengetahui kubur saudaraku.'*

Sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ketika meletakkan batu di atas kubur: *'Agar aku dapat mengetahui kubur saudaraku'*, menguatkan penjelasan pentingnya meletakkan batu seperti tidak ada perintah yang menetapkan untuk memasang tanda-tanda khusus yang penting agar diketahui kedudukan kubur seseorang. Menandai kubur Nabi yang mulia dengan batu atau batu gunung dianggap sudah mencukupi pada zaman itu. Pada zaman itu, hati-hati kebanyakan manusia masih dipenuhi rasa takut kepada Allah, tiada yang berani merosakkan kubur atau menghilangkan benda-benda yang menjadi petanda kubur. Oleh kerana itu, ketika nisan kubur As-Siddiq dan Al-Faruq tidak dapat dimuatkan ke dalam bilik Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, ianya diperlebarkan dan didirikan secara tetap supaya boleh menjadi tanda yang abadi dan tangan-tangan orang jahil tidak akan menghilangkannya. Orang-orang soleh terdahulu melanjutkan tradisi ini agar para penziarah merasa nyaman dan mendapat kerehatan apabila mereka ingin berzikir dan bertilawah dipersekitaran kubur. Disamping itu, kehormatan kubur secara syar'i dipelihara dengan terhalangnya binatang dan lain-lain untuk mencero boh.

Penjelasan-penjelasan yang sedemikian banyak diulas oleh ulama-ulama yang benar. Golongan mazhab Asy-Syafi tidaklah

bersendirian dalam mengutamakan kerana para ulama Hanafiah juga mengemukakan hal yang sama.

Ibn 'Abiddin berkata bahawa dia tidak menemui larangan mendirikan suatu binaan di atas kubur secara mutlak. Beliau memetik kata-kata yang mengharuskan didirikan binaan di atas kubur orang-orang soleh : *'Di dalam hukum-hakam yang dikumpulkan daripada fatwa, dikatakan bahawa mendirikan binaan di atas kubur tidaklah dibenci jika si mati adalah para syeikh, ulama dan orang kenamaan.'* Kemudian penulis kitab **Ad-Dur Fi Ghazwatil Qaul** mengatakan diperbolehkannya memilih mendirikan binaan di atas kubur secara mutlak.

Ulama-ulama Al-Malikiyyah yang utama juga berpendapat demikian. Di dalam catatan Al-'Allamah bin Hamdun atas syarah kitab **Manzumah Ibn 'Asyir**, dipenghujung huraianya tentang binaan disekililing kubur tertulis seperti berikut : *'Ibn Qushar dan para pengikutnya mengizinkan didirikan rumah di atas kubur secara mutlak pada batas-batas yang masih diperbolehkan, iaitu tidak menimbulkan mudharat terhadap seseorang dan menepati syarat tidak bertujuan memuja atau mengagungkan si penghuni kubur dengan cari pengabdian.'*

Asy-Syeikh 'Abdul Qadir Al-Fasi Radiallahu'anhu mengatakan : *'Terdapat masih ramai yang membuat binaan di atas kubur-kubur orang soleh dan imam-imam Islam, sama ada di Timur atau di Barat, sebagaimana yang telah dimaklumi.'*

Dengan pengagungan dan penggunaan tempat-tempat suci Allah ini, hamba-hamba Allah mengambil manfaat duniawi daripada orang-orang yang melakukan ziarah ke kubur para wali.

Di samping itu juga, kubur yang kerap-kali diziarahi orang ramai mendorong kepada kerosakan jalan yang berpanjangan, penggalian di sana-sini dan tanda-tanda kubur diinjak-injak. Seandainya pemerintah umat-umat yang maju ini berminat memelihara kubur para Nabi nescaya kubur-kubur itu tidak rosak. Namun kenyataannya, banyak kubur-kubur itu yang rosak kerana tidak pernah dihiraukan atau kurang diberikan perhatian.

Apabila perbezaan pendapat di antara para ulama tersebut berhubung-kait dengan masalah hukum, maka perbahasannya

di kalangan umat lebih meluas. Perbezaan di antara para ulama tersebut hanyalah pada perkara cabang menjadi rahmat bagi umat. Di antaranya adalah seperti yang dibahaskan berikut ini:

Golongan ulama yang mengharamkan didirikan masjid di atas kubur orang-orang soleh, mereka bermaksud mengkhususkannya dengan erti *musbalah* dan bukan kerana keperluan tertentu. Mereka mengharamkannya kerana khuwatir akan membebani umat yang kemudian hari. Tidak seorang pun dari kalangan mereka yang mengatakan bahawa sebabnya adalah merosakkan aqidah sehingga akhirnya orang enggan solat di masjid-masjid yang berkubur.

Sesungguhnya hal seperti itu tak lain hanyalah bayangan yang tersemat di dada mereka, sebab tidak ada Muslimin yang melakukan hal itu. Tidak ada penziarah kubur para Nabi dan orang-orang soleh yang menyembah kubur mereka atau menganggapnya sebagai tuhan selain Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ianya sudah berlaku secara meluas.

Hanya bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala segala puji-pujian kerana telah memelihara agamaNya. Di antara mereka juga tidak ada yang bermaksud menunjukan solatnya kepada kubur. Saya berharap penjelasan ini dapat menyanggah pendustaan orang-orang yang menafikan.

Selanjutnya, seluruh kaum Muslimin semenjak zaman dahulu lagi telah biasa melakukan solat di Masjid Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, masjid yang penuh dengan keberkatan, didalamnya terbaring jasad Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, As-Siddiq dan Umar bin Al-Khattab Al-Faruq. Solat di dalamnya melebihi seribu kali ganda ganjaran jika dibandingkan solat di masjid lain kecuali Masjid Al-Haram di Makkah.

Semua orang yang mendirikan solat, beriman dan bertauhid secara ikhlas dan mempercayai firman Allah yang ditujukan kepada Rasulullah:

لَيْسَ لَكَ
مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ أَوْ يُعَذِّبَهُمْ فَإِنَّهُمْ ظَالِمُونَ

'Engkau tidak berhak sedikitpun (wahai Muhammad) dalam urusan (orang-orang yang ingkar) itu, (kerana urusan mereka tertentu bagi Allah), sama ada dia menerima taubat mereka ataupun Ia menyeksa mereka; kerana sesungguhnya mereka itu orang-orang yang zalim.'

(Ali 'Imran: 128)

Tidak ada seorang daripada mereka yang menyembah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, As-Siddiq, mahupun Al-Faruq. Mereka hanya berziarah sebagaimana menziarahi orang-orang yang telah Allah Subhanahu wa Ta'ala wafatkan.

Sedangkan apa yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani serta mereka yang mengikutinya itu adalah mengagungkan kubur para Nabi dan orang-orang soleh secara beribadah. Mereka juga mendirikan tempat-tempat sembahyang untuk para Nabi dan orang-orang soleh itu, dan hal tersebut merupakan pengagungan bersifat ibadah.

Malangnya hal yang sama mereka nisbahkan kepada kaum Muslimin. Mereka tidak berupaya mengeluarkan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dari kuburnya. Baginda telah berada di alam roh dan berpindah ke sisi Allah. Sementara itu, kaum Muslimin dikejutkan dengan kewafatan Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan mulai berdebat tentang di mana beliau harus dikebumikan. Akhirnya, mereka mencapai kesepakatan bahawa beliau akan dikebumikan di tempat Baginda wafat. Sememangnya, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* telah mempersiapkan tempat persemadiannya, jadi mengapa tidak diikuti sahaja?

Al-Imam Ibn Hajar mengulas hal ini seperti berikut : *'Masalah ini berlaku hanyalah kerana dikhuatiri kemungkinan orang ramai menjadikan kubur sebagai tempat yang dikutuk. Apabila mereka beriman, maka tidaklah dihalang.'*

Akidah tauhid yang Islam sebarkan menguatkan sendi-sendi pembinaan yang kukuh dan tidak mudah rosak. Keputusan kaum Muslimin mengkebumikan jenazah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* di masjid merupakan jawapan tegas bagi sesiapa sahaja yang berusaha menentang.

Adapun jenazah wali-wali Allah dibatasi Al-Quran, iaitu harus bagi seorang Mukmin yang bertaqwa.

Namun demikian, batas terendah iman dan taqwa ialah darjat taqarrub kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Telah dijelaskan Allah Subhanahu wa Ta'ala bahawa orang-orang yang beriman dan bertaqwa mempunyai darjat tersendiri. Mereka termasuk *Ahlul Yamin* iaitu orang-orang yang menerima buku cacatan amal dari sebelah kanan dan golongan muqarrabin. *Ahlul Yamin* yang beriman dan bertaqwa itu sendiri terdiri dari berbagai darjat. Demikian juga, golongan muqarrabin yang beriman dan bertaqwa juga terdiri dari berbagai darjat. Sementara itu, para wali Allah adalah mereka yang beriman dan bertaqwa secara hakiki.

Tidak ada batasan yang pasti tentang penguasaan dan pembangunan masjid. Kita tidak ditugaskan untuk menegakkan masjid di sekeliling atau di samping kubur para wali, tetapi masalahnya adalah: Apabila ada masjid yang di dalamnya atau di sampingnya terdapat kubur, boleh atau tidak bolehkah digunakan untuk solat?

Jawapan bagi pertanyaan ini dapat dilihat pada gambaran dan kenyataan yang ada pada Masjid Rasulullah s.a.w.

Kandungan



FASAL 5

SYUBHAT MENINGKARI SAMPAINYA PAHALA AL-QURAN DAN DOA KEPADA SI MATI

Berserta Jawapan Terhadapnya

Untuk menjelaskan jawapan terhadap tuduhan ini, kita merujuk kepada Al-Quran yang mulia, yang menunjukkan kebenaran di atas kebenaran. Dengan penjelasan yang jujur, manusia akan keluar dari kegelapan kebodohnya, tanda-tanda keraguannya, sedangkan yang buta hatinya akan tersedar dari kebingungannya.

Ini merupakan berita gembira bagi orang-orang yang beriman dan merupakan hidayat dan rahmat bagi orang-orang yang menghendaki jalan yang lurus.

Tidak ada satu makhluk pun yang sanggup menyahut cabaran untuk membuat satu surah sahaja yang menyamai Al-Quran. Kemudian Allah memudahkan hamba-hambanya yang beriman untuk mendapat fadhilat tilawah dan dipermudahkan lidah-lidah untuk membacanya.

Di dalam Al-Quran, Allah Subhanahu wa Ta'ala menyuruh, melarang, membawa berita gembira, memberi ancaman, mengemukakan nasihat agar dikenali, memberikan teladan agar direnungkan, menceritakan kisah orang-orang terdahulu agar disedari oleh orang-orang yang mahu menyedari dan membentangkan ayat-ayat tauhid agar difikirkan oleh orang yang mahu berfikir.

Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak akan menerima pahala kita menegakkan kalimahNya tanpa mengamalkannya secara nyata, tidak akan menerima tilawah kita tanpa memperincikan

ayat-ayatNya, dan tidak akan menerima tanpa kita mempelajari hakikat-hakikatnya dan memahami inti patinya.

Maka tidak ada penghargaan terhadap ilmu kecuali yang berkaitan dengan Al-Quran yang mulia. Tidak ada kebaikan dalam segala sesuatu kecuali Al-Quran itu menjadi petunjuk. Bahkan tidak ada yang dibicarakan di dalam kitab ini kecuali apa yang berkaitan dengan kita. Cubalah renungi ayat-ayat yang suci ini :

وَمَا كَانَ عَطَاءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا

'...dan tiadalah pemberian Tuhanmu itu tersekat (dari sesiapa pun)...'

(Al-Isra: 20)

Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak menganggap mereka sebagai manusia sama sekali walaupun memiliki kesedaran akal, kefasihan kata-kata dan kelebihan ilmu untuk menghitung kurnia Allah tetapi mereka membalas pemberiannya dengan kekikiran dan kebakhilan.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melakukan apa sahaja yang dikehendaki. Dialah yang memberikan kurniaNya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki dan mengambilnya dari sesiapa sahaja yang dikehendaki dan menghina siapa sahaja yang dikehendaki. Dialah yang meninggikan dan merendahkan, yang memegang dan melepaskan, yang menahan dan menjatuhkan, yang membuka dan menutup, yang menaikkan dan menurunkan.

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُوتِي الْمَلِكِ
 مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكِ مِنْ تَشَاءُ وَتُعْزِزُ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ
 مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

'Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari

sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.'

(Ali Imran: 26)

Apabila Allah Subhanahu wa Ta'ala telah menetapkan kehendakNya, maka tidak ada yang boleh menolaknya. Dan apabila Allah sudah membuat ketetapan, maka tidak ada yang boleh menghalangnya. Dialah yang mempertikaikan sesuatu dan bukan yang dipertikaikan.

لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ

'Ia tidak boleh ditanya tentang apa yang Ia lakukan, sedang merekalah yang akan ditanya kelak.'

(Al-Anbiya': 23)

Ziarah kubur adalah untuk memenuhi hak si mati yang merupakan kewajipan kita kepada mereka.

Ziarah kubur - sebagaimana yang kita sebutkan - adalah disyariatkan. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menggalakkannya di dalam Sunnah. Para ulama dan fuqaha yang terdahulu dan yang terkemudian memberi petunjuk tentangnya. Ringkasnya, ziarah kubur dianjurkan agar menjadi pelajaran bagi manusia, manakala orang yang berziarah dan yang diziarahi akan mendapat pahala.

Daripada 'Aisyah berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

مَا مِنْ رَجُلٍ يَزُورُ قَبْرَ أَخِيهِ وَيَجْلِسُ عِنْدَهُ إِلَّا اسْتَأْنَسَ بِهِ

'Tidak ada orang yang berziarah ke kubur saudaranya dan duduk di sisinya kecuali akan mendapatkan ketenangan dan kesejukan.'

Di dalam sahih diriwayatkan daripada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam :

مَا مِنْ أَحَدٍ يَمُرُّ بِقَبْرِ أَخِيهِ الْمُؤْمِنِ كَانَ يَعْرِفُهُ فِي الدُّنْيَا فَسَلَّمَ
عَلَيْهِ إِلَّا عَرَفَهُ وَرَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ

'Tidak ada orang yang berjalan di sisi kubur saudaranya yang mengenalnya ketika di dunia dan memberi salam kepadanya kecuali ia mengetahui dan menjawab salamnya.'

Daripada Ibn 'Abid Dunya dan Al-Baihaqi di dalam kitab **Syu'b Al-Iman**, daripada Abi Hurairah Radiallahu'anhu, beliau berkata: Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

إِذَا مَرَّ الرَّجُلُ بِقَبْرِ يَعْرِفُهُ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ رَدَّ السَّلَامَ وَعَرَفَهُ وَإِذَا مَرَّ
بِقَبْرِ لَا يَعْرِفُهُ فَسَلَّمَ رَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ

'Apabila seseorang berjalan melalui kubur seorang kawan yang dikenalnya lalu memberi salam, nescaya ia akan menjawabnya dan mengenalinya. Apabila seseorang berjalan di sisi kubur yang tidak mengenalinya dan memberi salam nescayakan ia akan menjawabnya.'

Al-Hakim dan Imam Ahmad mengeluarkan daripada 'Aisyah, beliau berkata : 'Aku masuk ke dalam bilikku dengan pakaian terbuka seraya berkata : 'Mereka adalah ayah dan suamiku.' Setelah 'Umar dimaqamkan di samping mereka, aku tidak lagi masuk kecuali dengan pakaian yang rapi kerana malu kepada 'Umar.'

Orang-orang mati itu mengetahui mereka yang berziarah dan mendengar panggilan daripada penziarah walau berjauhan, serta menjawab orang-orang yang memberi salam kepada mereka.

Mereka benar-benar mengenali penziarah dan mendengar panggilannya serta menjawab orang-orang yang memberi salam kepada mereka.

Diriwayatkan oleh 'Abdul Bar dalam kitab **Al-Istizkar wa Al-Tamhid**, hadis daripada Ibn 'Abbas Radiallahu'anhu yang berkata : Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

مَا مِنْ أَحَدٍ يَمُرُّ عَلَى قَبْرِ أَخِيهِ الْمُؤْمِنِ كَانَ يَعْرِفُهُ فِي الدُّنْيَا
فَيَسَلُّمُ عَلَيْهِ إِلَّا عَرَفَهُ وَرَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ

'Tidak ada orang yang melalui di samping kubur saudaranya yang mukmin yang mengenalinya di dunia lalu memberi salam kepadanya melainkan ia mengetahui dan menjawabnya.'

Ini sama dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Qaiyim bahawa si mati benar-benar tahu dan menjawab salam yang ditujukan kepadanya.

Diriwayatkan oleh Ibn 'Abid Dunya di dalam kitabnya **Al-Qubur**, daripada Muhammad bin Wasi Radiallahu'anhu, katanya : *'Telah sampai kepadaku berita bahawa orang yang mati dapat melihat orang yang berziarahi kepadanya pada hari Jumaat, hari sebelumnya dan hari sesudahnya.'*

Daripada Ad-Dhahhak berkata: *'Barangsiapa berziarah ke suatu kubur pada hari Sabtu sebelum matahari tinggi si mati akan mengetahuinya.'* Ditanyakan: *'Mengapa?'* Dijawab: *'Kerana yang utama adalah hari Jumaat.'*

Daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu:

قَالَ أَبُو رَزِينٍ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ طَرِيقِي عَلَى الْمَوْتَى، فَهَلْ مِنْ
كَلَامٍ أَتَكَلَّمُ بِهِ إِذَا مَرَرْتُ عَلَيْهِمْ؟ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قُلْ
"السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الْقُبُورِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ، أَنتُمْ لَنَا
سَلَفٌ وَنَحْنُ لَكُمْ تَبِيعٌ، وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ، قَالَ أَبُو
رَزِينٍ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَلْ يَسْمَعُونَ؟ قَالَ: يَسْمَعُونَ وَلَكِنْ لَا
يَسْتَطِيعُونَ أَنْ يُجِيبُوا، يَا أَبَا رَزِينٍ، أَلَا تَرْضَى أَنْ يَرُدَّ عَلَيْكَ
بَعْدَهُمْ مِنَ الْمَلَائِكَةِ

Abu Razin bertanya: 'Wahai Rasulullah! Saya dalam perjalanan ke kawasan perkuburan, adakah kata-kata yang harus diucapkan apabila saya tiba di sana?' Rasulullah

menjawab: 'Katakanlah: 'Semoga keselamatan dilimpahkan ke atas kalian, wahai ahli kubur daripada kaum Muslimin dan Mukminin. Kalian telah mendahului kami. Kami akan mengikuti kalian. Dan aku insya Allah akan menyusul selepas kalian.' Abu Razin bertanya: 'Wahai Rasulullah! Apakah mereka mendengar?' Rasulullah menjawab: 'Mereka mendengar tetapi tidak dapat menjawab, wahai Aba Razin. Tidakkah kalian tidak berlapang dada apabila yang menjawab adalah malaikat?'

Dan disebutkan di dalam hadis: *'Mereka tidak boleh menjawab'*, maksudnya adalah jawapan yang dapat didengari oleh orang yang hidup sebab mereka sudah dikembalikan ke tempat yang kita tidak boleh mendengar segala ucapan mereka; sebagaimana tertera di dalam jawapan salam ke atas Muslim di dalam keterangan hadis-hadis sebelum ini.

Syeikh Al-Yafi' *Radiallahu'anhu* berkata: *'Wali-wali itu dikembalikan keadaan mereka. Mereka melihat kerajaan langit dan bumi, dan melihat bahawa para Nabi hidup dan tidak mati; sebagaimana Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pernah melihat Musa 'Alaihissalam solat di kuburnya.'*

Telah ditetapkan bahawa apa yang diberikan kepada para Nabi sebagai mukjizat diberikan juga kepada para wali sebagai karamah, dengan syarat tidak berlebihan. Tiada siapa yang mengingkari hal ini kecuali orang-orang yang tidak mengetahui.

Ulama-ulama dan orang-orang soleh terdahulu menguatkan hal ini. Para penziarah itu disyaratkan hendaklah seorang Muslim. Jika tidak maka tidak sah disebut sebagai penziarah. Disamping itu, apabila si mati tidak mengetahui kedatangan penziarah, maka ia tidak sah disebut sebagai penziarah.

Ini merupakan penjelasan tentang ziarah yang dapat diterima akal di kalangan seluruh umat.

Apa yang jelas dari hadis-hadis, kita dapat mengetahui bahawa si mati boleh mendengar salam dan panggilan orang yang menziarahinya, sama ada orang itu berdiri di atas kuburnya, mendekatinya atau sekadar berdiri di tepi pagar. Itu masih wajar disebut sebagai penziarah.

Mereka merasa senang apabila diziarahi seperti orang-orang yang masih hidup, dan mencela orang-orang yang tidak berziarah. Banyak hadis dan athar yang menunjukkan hal itu, bahkan menjelaskan juga bahawa si mati mengetahui siapa yang datang menziarahinya. Si mati mendengar suara, ucapan salam dan menyukai wirid penziarah. Ini merupakan hak para syuhada' dan lain-lain yang bersifat umum.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam telah mensyariatkan bagi ummatnya agar memberi salam kepada ahli kubur sebagaimana salam kepada orang biasa yang mendengarnya. Bahkan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sendiri pergi berziarah dan memberi salam.

Dalam **Al-Arba'in** disebutkan bahawa Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam berkata :

الْمَيِّتُ آنَسَ مَا يَكُونُ فِي قَبْرِهِ إِذَا زَارَهُ مَنْ كَانَ يُحِبُّهُ

'Orang-orang mati merasa senang apabila ada orang yang menziarahi kuburnya, apalagi kalau yang datang adalah orang yang dicintainya.'

Sebahagian riwayat yang dipercayai mengisahkan orang-orang yang bermimpi tentang ahli kubur kerana dia tidak berziarah. Misalnya, Al-Baihaqi dan Ibn 'Abid Dunya mengeluarkan daripada Bisyr bin Mansur Radiallahu'anhu, beliau berkata : *'Ada seseorang yang sering berada di kawasan perkuburan untuk mensolatkan jenazah sesiapa sahaja. Bila hari telah petang ia berdiri di pintu kubur dan membaca doa:*

آنَسَ اللَّهُ وَحَشَّتَكُمْ، وَرَجِمَ اللَّهُ غُرْبَتَكُمْ وَتَخَاوَزَ اللَّهُ عَنْ سَيِّئَاتِكُمْ
وَقَبَلَ اللَّهُ حَسَنَاتِكُمْ

'Semoga Allah menghibur kesepian kalian, memberikan rahmat ke atas keasingan kalian, mengampuni dosa-dosa kalian dan menerima amal kebaikan kalian.'

Dikatakan pula: 'Dan tidak lebih dari itu.' Dikatakan lagi pada suatu malam aku terus pulang ke rumah dan tidak singgah di kubur. Ketika tidur, aku bermimpi melihat ramai orang datang

kepadaku, aku bertanya kepada mereka: 'Siapakah kalian, apakah kamu semua mahukan?' Mereka menjawab: 'Kami adalah ahli kubur.' Aku bertanya: 'Apa yang menyebabkan kamu datang ke sini?' Mereka menjawab: 'Kamu selalu mendoakan kami.' Jawabku: 'Benar, aku selalu berbuat sedemikian.' Sejak itu aku tidak pernah meninggalkan doa untuk mereka sama sekali.'

Kejadian ini dan hadis-hadis sahih yang telah saya sebutkan sebelum ini tidaklah menghairankan. Telah ditetapkan bahawa ahli kubur memang dapat mendengar orang-orang yang menziarahi mereka dan menjawab salam.

Kejadian ini dikuatkan dengan mimpi Bilal Radiallahu'anhu tentang Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam selepas pulangnye Baginda ke sisi Allah. Beliau telah pergi ke Syam dan melihat Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam di dalam mimpinya. Baginda bertanya: *'Mengapakah engkau begitu tega, wahai Bilal? Tidakkah engkau ingin berziarah kepadaku?'*

Mimpi Bilal tentang Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam itu sememangnya benar. Di dalam mimpi itu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: *'Mengapa begitu tega?'*, perkataan ini menunjukkan bahawa tidak berziarah itu merupakan itu suatu bentuk ketegaan orang yang hidup terhadap si mati. Seperti terlihat jelas pada sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam: *'Mengapakah engkau begitu tega?'*

Pada saat yang sama, mimpi-mimpi ini menunjukkan bahawa orang-orang mati itu mengetahui perbuatan orang hidup. Terbuktilah bahawa mereka bergembira bila melihat kebaikan orang yang masih hidup dan bersedih menyaksikan keburukannya. Sayyidatina 'Aisyah Radiallahu'anha juga memiliki rasa malu terhadap Sayyidina 'Umar Radiallahu'anhu yang sudah meninggal dunia.

Mereka mengetahui keadaan dan perbuatan orang-orang yang hidup. Adakalanya mereka dapat melihatnya secara langsung, dan adakalanya mereka mengetahuinya daripada orang-orang yang mati selepas mereka.

Imam Ahmad Radiallahu'anhu meriwayatkan di dalam **Musnad**nya daripada Anas bin Malik Radiallahu'anhu katanya: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ أَعْمَالَكُمْ تُعْرَضُ عَلَى أَقَارِبِكُمْ وَعَشَائِرِكُمْ مِنَ الْأَمْوَاتِ فَإِنْ
 كَانَ خَيْرًا اسْتَبَشَرُوا، وَإِنْ كَانَ غَيْرَ ذَلِكَ قَالُوا: اللَّهُمَّ لَا تُمِتْهُمْ
 حَتَّى تَهْدِيَهُمْ كَمَا هَدَيْتَنَا

'Sesungguhnya amalan kalian diperlihatkan kepada kerabat dan kaum kalian yang telah mati. Jika amalan itu baik, mereka merasa gembira; jika sebaliknya mereka akan berkata: 'Ya Allah janganlah Engkau matikan mereka sebelum mereka, sebelum Engkau memberi petunjuk sebagaimana kami menerima petunjuk.'

Abu Daud At-Tayalisi meriwayatkan di dalam **Musnadnya** daripada Jabir bin 'Abdullah Radiallahu'anhu, katanya: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : 'Sesungguhnya amalan kalian ditunjukkan kepada sanak saudara dan kerabat kalian. Jika amalan itu baik, mereka bergembira. Jika selain dari itu, mereka berkata: 'Ya Allah berilah mereka ilham untuk melakukan ketaatan kepadaMu.'

Para ahli kubur merasa terganggu dengan perkataan orang-orang yang hidup. Oleh sebab itulah kita dilarang memaki dan mengganggu orang mati. Berkaitan hal ini, kita boleh merujuk hadis yang dikeluarkan oleh Ad-Dailami dengan sanad hasan daripada 'Aisyah Radiallahu'anha, katanya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

الْمَيِّتُ يُؤْذِيهِ فِي قَبْرِهِ مَا يُؤْذِيهِ فِي بَيْتِهِ

'Mayat terganggu di kuburnya dengan apa yang mengganggu di rumahnya.'

Al-Qurtubi mengatakan bahawa orang mati terganggu dengan keadaan dan perkataan orang yang hidup yang mereka ketahui daripada Allah melalui para malaikat, petanda-petanda, dalil-dalil atau apa saja yang dikehendaki oleh Allah. Oleh itu, kita dilarang mengucapkan perkataan keji terhadap orang-orang mati.

Al-Bukhari mengeluarkan daripada 'Aisyah Radiallahu'anhu katanya: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَا تَسْبُوا الْأَمْوَاتَ فَإِنَّهُمْ قَدْ أَفْضَوْا إِلَى مَا قَدَّمُوا

'Janganlah mencaci orang-orang yang sudah mati kerana mereka telah pergi menjumpai apa yang mereka lakukan.'

Ringkasnya, orang-orang yang sudah mati mengetahui orang-orang yang menziarahi mereka, mendengar panggilan orang yang menziarahi mereka, menjawab salam orang yang memberi salam kepada mereka, bersikap ramah terhadap orang yang menziarahi mereka, boleh merasa senang dan juga boleh terganggu dengan hal-hal yang terjadi di rumahnya di dunia.

Apabila semua itu, terjadi pada orang mati di kuburnya, maka pahala membaca Al-Quran, doa dan istighfar untuk mereka adalah diutamakan.

Dikeluarkan oleh **Al-Ashab As-Sittah** daripada Ibn 'Abbas Radiallahu'anhu beliau berkata :

مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحَائِطٍ مِنْ حَيْطَانِ الْمَدِينَةِ فَسَمِعَ صَوْتَ إِنْسَانَيْنِ يُعَذِّبَانِ فِي قَبْرِهِمَا. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يُعَذِّبَانِ وَمَا يُعَذِّبَانِ فِي كَبِيرٍ. ثُمَّ قَالَ: بَلَى. كَانَ أَحَدُهُمَا لَا يَسْتَتِرُ مِنْ بَوْلِهِ. وَكَانَ الْآخَرُ يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ. ثُمَّ دَعَا بِجَرِيدَةٍ رَطْبَةٍ. فَكَسَرَهَا كَسْرَتَيْنِ فَوَضَعَ عَلَى كُلِّ قَبْرٍ مِنْهَا كَسْرَةً. فَقِيلَ لَهُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ لِمَ فَعَلْتَ هَذَا؟ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَعَلَّهُ أَنْ يُخَفَّفَ عَنْهُمَا مَا لَمْ يَبْسُ

'Rasulullah melalui salah satu dinding di kota madinah kemudian mendengar suara orang yang disiksa di sisi kuburnya. Maka Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: 'Keduanya disiksa bukan kerana dosa besar.' Kemudian Baginda berkata lagi: 'Seorang daripada mereka tidak

menyembunyikan diri sewaktu kencing dan yang lain suka mengadu domba.’ Kemudian Rasulullah meminta dua pelepah kurma dan membahagikannya kepada dua bahagian, lalu memacaknya di atas setiap kubur itu satu bahagian darinya. Ditanya kepada Baginda: ‘Wahai Rasulullah mengapakah anda melakukan begitu?’ Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: ‘Agar ianya meringankan mereka dari siksa kubur selama daun itu belum kering.’

Di dalam hadis tersebut terdapat dalil yang kuat tentang bermanfaatnya bacaan kepada orang mati dengan kurniaan dan rahmat yang turun.

Al-Imam An-Nawawi Radiallahu‘anhu berkata : *‘Para ulama menyukai bacaan Al-Quran di kubur kerana hadis ini. Hanya dengan tasbih daun kurma sahaja boleh diharapkan meringankan siksaan, apatah lagi bacaan Al-Quran tentu lebih utama.’*

Al-Khattabi Radiallahu‘anhu telah mengatakan: *‘Makna yang mudah tentang meletakkan daun kurma segar di atas kubur adalah daun tersebut bertasbih selama masih segar dan meringankan si mati dengan keberkatan tasbihnya. Hal ini berlaku pada semua tumbuh-tumbuhan segar yang diletakkan di atas kubur. Maka termasuklah juga keberkatan dari selainnya seperti zikir dan bacaan Al-Quran yang lebih utama.’*

Syeikhh ‘Ali Mala-al Qari Radiallahu‘anhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam mensyariatkan umatnya supaya meletakkan dedaunan segar untuk meringankan siksaan kubur. Ini kerana, dedaunan memiliki keutamaan khusus, iaitu agar Allah meringankan si mati yang tersiksa di dalam kuburnya.

Tidak syak lagi bahawa masalah daun itu tidaklah dikhususkan bagi Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam. Sebab para ulama pada setiap masa bersepakat untuk melakukan hal yang sama.

Selanjutnya, dikatakan: *‘Daun kurma yang dijadikan sebab itu merupakan benda, maka bolehlah ia dimisalkan dengan bacaan Al-Quran Al-Karim, doa-doa dan lain-lain jenis taqarrub?’*

Al-Imam An-Nawawi berkata di dalam syarah **Al-Muhazzab** bahawa para penziarah kubur disukai untuk membaca sesuatu

dari Al-Quran kemudian berdoa untuk mereka. Al-Imam Asy-Syafi'e menjadikan hal itu sebagai hukum, dan para ulama bersepakat tentang hal itu.

Al-Imam Ahmad bin Hanbal berkata: *'Apabila kalian masuk ke kawasan perkuburan, maka bacalah pembukaan Al-Kitab, Qul huwallahu ahad dan Al-Muawwizatain. Tujukanlah ia kepada ahli kubur, nescaya akan sampai kepada mereka.'*

Al-Qurtubi berkata: *'Sesiapa yang ingin berziarah hendaklah ia mematuhi adab-adab ziarah dan menghadirkan hati dengan sebab-sebabnya. Di samping itu, ziarah kubur hendaklah ditujukan kepada Allah untuk membetulkan kerosakan hatinya, membaca Al-Quran dengan niat memberikan manfaat kepada si mati, memberi salam apabila masuk ke kawasan perkuburan dan berbicara kepada mereka seolah-olah mereka hadir serta mengucapkan: 'Assalamualaikum daaru qaum Mukminin.'*

Al-Baihaqi mengeluarkan dalam sunnahnya dengan sanad hasan bahawa Ibn Umar Radiallahu'anhu suka membaca surah Al-Baqarah dari awal sampai akhir di atas kubur setelah selesai pengkebumian.

Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani berkata : *'Kami diberitahu oleh Abu 'Abdillah al-Hafiz dengan sanad daripada al-'Abbas bin Ahmad yang berkata : 'Aku bertanya kepada Yahya bin Mu'in tentang bacaan di kubur, dan dikatakan : 'Aku diberitahu oleh Mubasyhir bin Ismail daripada 'Abdurrahman bin Al-'Ala daripada ayahnya yang berkata kepada anak-anaknya: 'Jika aku mati letakkanlah jenazahku di kuburku dan ucapkan: 'Bismillahi 'alaa sunnati Rasulillah," kemudian taburilah aku dengan tanah hingga (ke liang lahat) penuh. Setelah itu, bacalah di arah kepalaku surah Al-Baqarah dari awal sampai akhir kerana aku sering melihat Ibn'Umar mengutamakan hal itu.'*

Diriwayatkan oleh Ibn 'Umar Al-'Aini dalam menjelaskan hadis dua kubur, katanya: 'Diriwayatkan oleh Abu Bakar An-Najd di dalam kitab **As-Sunan** daripada 'Ali bin Abi Talib Radiallahu'anhu, Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

مَنْ مَرَّ بَيْنَ الْمَقَابِرِ فَقَرَأَ: قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ، إِحْدَى عَشْرَةَ مَرَّةً ثُمَّ

وَهَبْ أَجْرَهَا لِلْأَمْوَاتِ أُعْطِيَ مِنَ الْأَجْرِ بِعَدَدِ الْأَمْوَاتِ

'Barangsiapa yang melalui di antara kubur-kubur hendaklah ia membaca 'Qulhuwallahu ahad' sebanyak sebelas kali, kemudian memberikan pahalanya kepada orang-orang yang mati, akan diberi ganjaran dengan bilangan orang-orang yang telah mati.'

Daripada Ma'qal bin Yasar Radiallahu'anhu katanya :
Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

اقْرؤُوا عَلَي مَوْتَاكُمْ يَس

'Bacakanlah bagi orang-orang mati itu Yasin.'

Imam Ahmad mengeluarkan di dalam **Musnadnya** daripada Ma'qal bin Yasar Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

يَسَ قَلْبُ الْقُرْآنِ، لَا يَقْرؤها رَجُلٌ يُرِيدُ اللَّهُ وَالِدَارَ الْآخِرَةَ، إِلَّا
غُفِرَ لَهُ أَقْرَعُوهَا عَلَي مَوْتَاكُمْ

'Yasin adalah hati Al-Quran. Tidaklah dibaca oleh seorang yang menginginkan Allah dan negeri akhirat kecuali diberi ampun. Maka bacakanlah ke atas mayat-mayat kalian.'

Daripada Anas Radiallahu'anhu : Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

مَنْ دَخَلَ الْمَقَابِرَ فَقَرَأَ سُورَةَ يَسَ خَفَّفَ اللَّهُ عَنْهُمْ، وَكَانَ لَهُ بِعَدَدِ
مَنْ فِيهَا حَسَنَاتٌ

'Barangsiapa masuk ke kubur lalu membaca surah Yasin, maka Allah akan meringankan siksa ke atas mereka dengan kebaikan sejumlah hurufnya.'

Al-Baihaqi mengeluarkan di dalam **Sya'bil Iman** daripada Ibn 'Abbas katanya : Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لِيُدْخِلَ عَلَى أَهْلِ الْقُبُورِ مِنْ دُعَاءِ أَهْلِ الْأَرْضِ مِثَالَ الْجِبَالِ، وَأَنَّ هَدِيَّةَ الْأَحْيَاءِ إِلَى الْأَمْوَاتِ الْإِسْتِغْفَارُ لَهُمْ

'Sesungguhnya Allah akan memasukkan doa penghuni bumi kepada ahli kubur laksana gunung dan sesungguhnya hadiah orang-orang yang hidup bagi orang-orang yang mati adalah istighfar.'

Daripada Sufyan bin 'Uyainah Radiallahu'anhu, katanya: *'Dikatakan bahawa orang-orang mati menginginkan doa sebagaimana orang-orang hidup memerlukan makanan dan minuman.'*

Dipetik secara ijma' tentang diperbolehkan orang-orang hidup mewakili orang-orang mati untuk membayar zakat, bersedekah melaksanakan puasa haji dan lain-lain seperti wasiat dan *tathauwu'* (perkara yang dilakukan dengan sukarela). Hal tersebut tertera di dalam hadis-hadis sahih yang kuat bahkan telah disepakati kesahihannya dan tidak diingkari oleh seorang pun.

Telah disepakati secara ijmak bahawa doa itu membawa manfaat bagi si mati. Dalilnya adalah dari Al-Quran Al-Karim:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا
وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ

'Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: 'Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman...'

(Al-Hasyr: 10)

Firman Allah:

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ
الْحِسَابُ

'Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapakku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan.'

(Ibrahim : 41)

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتِي
مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

'Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapakku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan (dalam segala zaman).'

(Nuh : 28)

Diperolehi keterangan di dalam kitab **Al-Hidayah** oleh Ibn 'Abidin, **Al-Fath** oleh Ibn Hajar Al-Asqalani, dan **Al-Bahr** oleh Ibn Hayyan: 'Seseorang yang melakukan ibadah atau kebajikan tertentu dan bermaksud menghadiahkan pahalanya kepada orang lain, baik yang hidup atau yang mati, nescaya pahalanya akan sampai kepada orang yang dituju. Ibadah tersebut adalah seperti solat, puasa, sedekah membaca, al-Quran, zikir, thawaf, haji, umrah dan amalan kebajikan yang lain.'

Diriwayatkan pula oleh penulis **Al-Fath** daripada Anas Radiallahu'anhu :

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ، فَقَالَ السَّائِلُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ،
إِنَّا نَتَصَدَّقُ عَنْ أَمْوَاتِنَا، وَنَحُجُّ عَنْهُمْ، وَنَدْعُو لَهُمْ، هَلْ يَصِلُ ذَلِكَ
إِلَيْهِمْ؟ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: نَعَمْ، إِنَّهُ لَيَصِلُ إِلَيْهِمْ، وَإِنَّهُمْ
لَيَفْرَحُونَ بِهِ كَمَا يَفْرَحُ أَحَدُكُمْ بِالطَّبَقِ يُهْدَى إِلَيْهِ

'Sesungguhnya Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam ditanya seseorang: 'Wahai Rasulullah saya bersedekah untuk orang-orang mati di antara kita, berhaji dan berdoa untuk mereka. Apakah hal itu sampai kepada mereka?' Rasulullah menjawab : 'Ya, hal itu sampai kepada mereka dan, mereka bergembira dengannya seperti kegembiraan seseorang daripada kalian dengan hidangan yang dihadiahkan kepadanya.'

Para pengikut mazhab Al-Hanabilah berpendapat bahawa semua ibadah dan taqarrub sampai kepada si mati dan apabila pahalanya dihadiahkan kepadanya, pahala itu juga boleh memberikan manfaat baginya.

Ibn 'Abidin menaqlikan ijma' ulama' bahawa semua doa untuk orang mati akan mendatangkan manfaat kepada mereka atas dasar firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا
وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ

'Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman...'

(Al-Hasyr: 10)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Ya Allah, ampunilah ahli Al-Baqi' Al-Gharqad.'*

Dan sabda Baginda lagi : *'Ya Allah, ampunilah orang-orang yang hidup dan yang mati di antara kami.'*

Telah disyariatkan solat dan doa bagi mayat. Bahkan semua fuqaha' di dalam kitab-kitab yang muktabar mengkhususkan di dalam bab jenazah perbahasan tentang masalah ini. Mereka menjelaskan perihal solat jenazah seperti dalil, kaifiyyat, hukum-hakam dan lain-lain. Dan perbahasan mereka boleh dikatakan hampir tidak ada bezanya antara satu sama lain.

Untuk apakah dilakukan solat jenazah dan berdoa bila tidak ada manfaatnya bagi si mati dan pahalanya tidak sampai kepadanya? Sesungguhnya solat jenazah, doa, istighfar dan syafaat memberikan manfaat bagi si mati di kuburnya. Dalil-dalil yang kuat telah menjelaskan bahawa pahala seluruh perbuatan itu sampai kepada si mati.

Mengapakah pula Allah melarang RasulNya untuk melakukan solat jenazah ke atas orang-orang munafiq dan kafir, dan juga melarang Baginda berdiri di atas kubur mereka atau berziarah untuk mendoakan mereka.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

وَلَا تَصَلِّ عَلَى أَحَدٍ مِّنْهُمْ مَّا تَأْبَدُ وَلَا تَقُمْ
عَلَى قَبْرِهِ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَاتُوا وَهُمْ فَسِقُونَ

'Dan janganlah engkau sembahyangkan seorang pun yang mati dari orang-orang munafik itu selama-lamanya, dan janganlah engkau berada di (tepi) kuburnya, kerana sesungguhnya mereka telah kufur kepada Allah dan RasulNya, dan mereka mati sedang mereka dalam keadaan fasik (derhaka).'

(At-Taubah: 84)

Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim dan Imam Ahmad daripada 'Umar bin Khattab r.a. katanya : *'Ketika 'Abdullah bin Ubai mati, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam memanggil kami untuk solat. Baginda berdiri di hadapannya untuk melakukan solat lalu aku menghampiri dan menghalangi Baginda sampai menempel di dadanya. Ku katakan: 'Wahai Rasulullah, apakah kita melakukan solat ke atas musuh Allah? Bukankah 'Abdullah bin Ubai yang berkata pada hari itu begitu dan begini? Aku menghitung hari-harinya.'* Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tersenyum dengan tenang. Ketika aku mulai berundur, Baginda bersabda : *'Berundurlah wahai 'Umar, sesungguhnya aku diberi pilihan lalu aku memilih. Telah dikatakan kepadaku:*

أَسْتَغْفِرُ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرُ لَهُمْ إِنْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً
فَلَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ
وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ

'(Orang-orang munafik itu) sama sahaja engkau meminta ampun untuk mereka atau engkau tidak meminta ampun bagi mereka. Jika engkau (wahai Muhammad) meminta ampun bagi mereka tujuh puluh kali (sekalipun) maka Allah tidak sekali-kali mengampunkan mereka...'

(At-Taubah: 80)

Seandainya aku tahu bahawa jika aku menambah melebihi tujuh puluh akan diampuni, nescaya aku akan menambahnya.' Dikatakan: 'Lalu Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melakukan solat jenazah ke atasnya dan aku menyertai Baginda berdiri di kuburnya sehingga selesai. Aku merasa hairan dengan keberanianku terhadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sedangkan Allah dan RasulNya lebih mengetahui.'

Tidak lama setelah itu turunlah ayat:

وَلَا تُصَلِّ عَلَىٰ أَحَدٍ مِّنْهُمْ مَّا تَأْتُوا وَلَا تَقُمْ
عَلَىٰ قَبْرِهِمْ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَاتُوا وَهُمْ فَاسِقُونَ

'Dan janganlah kamu sekali-kali menyembahyangkan jenazah seorang yang mati di antara mereka.'

(At-Taubah: 84)

Semenjak saat itu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tidak lagi melakukan solat jenazah ke atas orang munafik sehingga Baginda wafat.

Alasan pelarangan dalam ayat tersebut adalah kerana mereka kufur kepada Allah dan RasulNya sehingga mati di dalam keadaan fasiq. Oleh kerana itu, mereka tidak layak untuk disolatkan dan dimintakan syafaat.

Berkata penulis **Mahasin At-Takwil** : *'Sebenarnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dilarang untuk melakukan solat jenazah ke atas salah seorang daripada mereka tatkala mati, kerana solat jenazah pada hakikatnya merupakan doa istighfar dan syafaat untuk si mati. Sedangkan orang kafir tidak layak untuk itu.'*

Maka sangatlah jelas bahawa solat jenazah, doa, syafaat dan istighfar untuk si mati mendatangkan manfaat untuknya di kubur. Jika tidak demikian, pastilah Allah tidak akan melarang Rasullnya mengerjakannya. Walaubagaimana pun solat Rasullullah Sallallahu 'alaihi wasallam ke atas orang munafiq mendatangkan hikmah tersendiri iaitu turunnya peraturan yang melarang hal itu. Maka jelaslah sudah bahawa manfaat solat adalah kembali kepada si mati.

Terdapat suatu perkara yang melucukan iaitu apa yang disebut oleh Al-Qurtubi Radiallahu'anhu : *'Syeikh Izuddin bin Abdul As-Salam pernah berfatwa bahawa sesuatu yang dibaca kepada si mati pahalanya tidak akan sampai. Setelah beliau meninggal dunia, sebahagian sahabatnya bermimpi bertemu dengan Syeikh Izzuddin. Mereka berkata kepadanya: 'Engkau pernah berkata bahawa pahala bacaan yang dihadihkan kepada orang mati tidak akan sampai kepadanya. Maka bagaimanakah yang telah ternyata?' Beliau menjawab: 'Aku mengatakannya ketika di dunia sedangkan sekarang aku telah keluar, aku melihat kurnia Allah dalam hal itu, dan ternyata pahalanya sampai kepada si mati.'*

Al-Hasan bin Ahmad Al-Waraq berkata : *'Ali bin Musa – adalah seorang yang jujur – mengatakan : 'Aku sedang bersama-sama dengan Ahmad bin Hanbal dan Muhammad bin Qudamah Al-Jauhari ketika solat jenazah. Setelah jenazah itu dimaqamkan, seorang buta duduk di sisi kubur sambil membaca Al-Quran. Imam Ahmad berkata: 'Bacaan dikubur adalah perbuatan bid'ah, maka kami perlu keluar dari sini.' Muhammad bin Qudamah berkata pula kepada Ahmad bin Hanbal: 'Wahai Aba Abdillah, bagaimana pendapat anda tentang Mubashsyir Al-Halabi?' Beliau menjawab : 'Dia adalah seorang yang jujur.' Muhammad bin Qudamah bertanya lagi : 'Apakah anda pernah menulis tentang dia?' Beliau menjawab : 'Benar.' Katanya lagi : 'Cubalah*

jelaskan tentang wasiat Mubashyir bin Abdurrahman bin Al-'Ala bin Al-Lajaj daripada ayahnya: Jika dia dikebumikan, hendaklah dibacakan di atas kepalanya Al-Fatihah dan Al-Baqarah sehingga tamat. Lalu katanya: 'Aku mendengar Ibn 'Umar mewasiatkan hal itu.' Maka Imam Ahmad berkata: 'Kembalilah dan katakan kepada orang itu supaya meneruskan bacaannya.'

Barangkali kata-kata Imam Ahmad bin Hanbal sebelum pulang dari kubur inilah, yang disebarkan oleh lisan-lisan yang menentang tanpa menghiraukan sambungan kata-kata Imam Ahmad bin Hanbal. Sehingga banyak yang terjerumus ke dalam pendapat membacanya untuk orang mati adalah bid'ah tanpa mengendahkan kata-kata Imam Ahmad bin Hanbal sepenuhnya. Seandainya mereka lebih teliti, nescaya akan menemui kata-kata yang membolehkan membacanya untuk jenazah dan sampainya pahalanya untuk si mati. Sebagaimana Imam Ahmad telah memperbetulkan kata-katanya.

Itulah keberanian ulama yang bertaqwa yang takut kepada Tuhannya, sehingga kembali kepada kebenaran pada masalah pahala itu.

Maka orang-orang mati boleh mengambil manfaat dari doa dan sedekah orang hidup yang ditujukan kepada mereka sebagaimana tertera di dalam perkhabaran dan ijmak yang dinaqalkan daripada para fuqaha dan ulama.

Adapun firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

'...Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.'

(An-Najm: 39)

Ini berlaku apabila pahala amalan yang dilakukan tidak dihadiahkan kepada si mati sebagaimana dikatakan oleh penulis **Al-Fath**.

Al-Imam Asy-Syaukani di dalam kitab **Nailul Authar** berkata: *'Keumuman ayat tersebut dikhususkan dengan sedekah,*

solat, haji, puasa, bacaan Al-Quran dan doa daripada selain anak kandung.'

Ibn Al-Fadhl berkata bahawa ayat : *'Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya'*, diertikan secara adil. Jika dari segi keutamaannya, maka Allah boleh menambahkan apa sahaja yang dikehendaki dan disukaiNya. Sesungguhnya kurnia Allah lebih luas dari pintu keadilan dan amalan.

Daripada Abu Musa, katanya : Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَنْ يَدْخُلَ أَحَدُكُمْ عَلَى عَمَلِهِ الْجَنَّةَ، قِيلَ: وَلَا أَلْتِ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟
قَالَ: وَلَا أَنَا إِلَّا أَنْ يَتَّعَمِدَنِي اللَّهُ بِفَضْلٍ وَرَحْمَةٍ

'Seseorang tidak akan masuk syurga kerana amalannya.'
Ditanyakan: *'Walaupun anda, wahai Rasulullah?'* Baginda menjawab : *'Walaupun aku, kecualilah jika diliputi oleh kurnia Allah dan rahmatNya.'*

Ikrimah Radiallahu'anhu mengatakan bahawa firman Allah di dalam ayat di atas dikhususkan bagi kaum Ibrahim dan kaum Musa.

Jika berkenaan dengan umat yang disayanginya ini, maka bagi mereka adalah apa yang dilakukan sendiri dan apa yang diusahakan untuk mereka.

Di dalam ayat suci di atas tidak dijelaskan bahawa amalan yang tidak diusahakan sendiri bermanfaat untuk si mati kerana ianya ada hubungan dengan keimanan dan ketaatan seorang hamba kepada Allah dan RasulNya. Namun ada amalan daripada orang mukmin lain yang boleh diterima manfaatnya oleh si mati sebagaimana orang hidup boleh mengambil manfaat dari pemberian orang lain. Hal seperti itu, terjadi kerana kerana amalan-amalan tersebut telah dilakukan oleh si mati bersama orang-orang lain. Contohnya adalah solat berjamaah. Di dalam solat berjamaah, pahala seseorang ditambah sebanyak dua puluh tujuh kali ganda kerana kebersamaan orang lain di dalam solatnya. Boleh juga dikatakan bahawa amalan orang lain

menyebabkan pahala seseorang bertambah. Maka firman Allah Subhanahu wa Ta'ala : *'Dan biasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah ia usahakan'* bukanlah berarti menolak seorang hamba yang memanfaatkan pahala daripada usaha orang lain, tetapi artinya yang sebenar ialah menolak pahala selain dari yang ushakannya sendiri.

Maka Allah memberitahu kepada hambaNya bahawa ia tidak memiliki kecuali apa yang diusahakannya. Sedangkan hasil yang diusahakan oleh orang lain hanya dimiliki oleh orang yang mengusahakannya. Lain halnya kalau dia ingin memberikan hasil usahanya kepada orang lain, atau ingin memilikinya sendirian. Dalam hal ini, Allah tidak mengatakan bahawa tidaklah bermanfaat kecuali apa yang diusahakan sendiri oleh seseorang.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman lagi :

لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ

'...Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya.'

(Al-Baqarah : 286)

Juga firmanNya :

وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

'...dan kamu pula tidak akan dibalas melainkan menurut amal yang kamu telah kerjakan.'

(Yasin : 54)

Ayat tersebut lebih jelas dalam menerangkan persoalan ini, iaitu Allah tidak membalas hambaNya berdasarkan amal perbuatan orang lain. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman lagi:

فَالْيَوْمَ لَا تَنْظَمُونَ
نَفْسٌ شَيْئًا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

'Maka pada hari itu, tidak ada seseorang yang akan dianiaya sedikitpun, dan kamu pula tidak akan dibalas melainkan menurut amal yang kamu telah kerjakan.'

(Yasin: 54)

Allah Subhanahu wa Ta'ala menolak perbuatan zalim ke atas umatNya dengan menambah keburukan, mengurangi kebaikan atau menyiksa mereka dengan sebab amalan orang lain. Allah tidak menolak seseorang yang memanfaatkan amalan orang lain. Namun amalan orang lain yang dimanfaatkan itu tidak dibalasi sebab amalan tersebut diperolehi tanpa usaha. Pemanfaatannya itu sahaja sudah merupakan sedekah dan kurnia Allah yang diberikan kepada hambaNya, meskipun yang melakukan amal tersebut adalah orang lain.

Apabila yang dipakai sebagai dalil adalah sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam : *'Jika seseorang hamba mati, terputuslah amalannya...'*, dalil ini gugur sebab Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tidak bersabda: *"...terputuslah manfaatnya..."*, tetapi *"...terputuslah amalannya..."*. Sedangkan amal orang lain hanya dimiliki oleh yang melakukan. Kalau ia memberikan amalannya kepada seseorang maka akan sampailah pahala amalannya itu kepada orang yang ditunjukkan. Maka, yang memotong itu sesuatu dan yang menyambung adalah sesuatu yang lain.

Sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam: *'Sesungguhnya yang menyertai si mayat adalah kebaikannya beserta amalannya'*, bukanlah bererti menolak untuk menyusulkan amal dan kebaikan yang diperolehi daripada orang lain. Dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam berdoa untuk semua orang mati yang dilakukan solat jenazah ke atasnya.

Sebagaimana doa untuk orang mati disyariatkan di dalam solat jenazah, maka disyariatkan juga doa dan istighfar untuk mereka setelah pengkebumian, seperti yang tertera di dalam hadis :

اسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ وَسَلُوا لَهُ التَّيْبَتَ فَإِنَّهُ الآنَ يُسْأَلُ

'Beristighfarlah saudara kalian dan mohonlah ketabahan serta keteguhan kerana dia sedang ditanyai.'

Tentang ziarah di kubur-kubur, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam mengajarkan sahabat-sahabatnya apa yang harus dibaca, bagaimana berdoa ketika keluar untuk menziarahi mereka dan Baginda meminta agar dipohonkan keampunan untuk mereka.

Daripada Barid bin Hashib katanya: 'Rasulullah mengajarkan agar apabila mereka pergi ke kubur mengatakan:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ
الْعَاقِبَةَ

'Semoga keselamatan dilimpahkan ke atasmu wahai ahli kubur daripada Mukminin dan Mukminah, Muslimin dan Muslimah. Kami Insya Allah akan menyusul kalian. Aku memohon 'afiah (kesejahteraan) untuk kami dan kalian.' (Hadis Riwayat Imam Muslim, Imam Ahmad dan Ibn Majah)

Imam Muslim mengeluarkan daripada 'Aisyah Radiallahu 'anha bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pada setiap malam gilirannya, Baginda keluar ke Al-Baqi' pada akhir malam dan berkata :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمِ الْمُؤْمِنِينَ وَأَتَاكُمْ مَا تُوْعِدُونَ غَدًا
مُؤْجِلُونَ وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَهْلِ بَقِيعِ
الْغَرَقَادِ

'Semoga keselamatan terlimpah ke atas kalian tempat orang-orang yang beriman. Telah datang apa yang telah dijanjikan. Hari esok telah disegerakan. Dan Insya Allah kami akan menyusul kalian. Ya Allah, ampunilah ahli Al-Baqi' Al-Gharqad.'

Di dalam kitab **Zad Al-Ma'ad** dijelaskan bahawa apabila Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menziarahi kubur para

sahabat, Baginda berdoa, memohonkan rahmat dan beristighfar untuk mereka. Baginda juga menyuruh orang-orang yang bersama-sama Baginda mengucapkan salam dan berdoa untuk mereka. Baginda juga berpesan kepada sahabat-sahabatnya supaya menziarahi kubur, serta mengucapkan salam dan doa bagi ahli kubur, sebagaimana menyuruh sahabat-sahabatnya yang masih hidup di dunia ini.

Di dalam kitab **Al-Fath Al-Qadir** dikatakan oleh Al-Imam Al-Kamal bin Al-Hamam bahawa perintah untuk mendoakan kedua orang tua dan pengkhabaran tentang istighfar malaikat untuk kaum Mukminin di dalam kitab yang agung pasti boleh dipetik manfaatnya.

Di dalam **Syarh Al-Manhaj** dari kitab-kitab Asy-Syafiyyah dan Az-Zahir dikatakan : *'Telah disepakati bahawa doa boleh membawakan manfaat untuk orang yang mati, yang hidup, yang dekat mahupun yang jauh, mewasiatkan dan lain-lain. Bahkan doa yang paling utama adalah doa seorang Mukmin untuk saudaranya dengan zahril ghaib.'*

Selanjutnya Ibn Qudamah Radiallahu'anhu berkata : Seseorang bertanya kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam :

يَا رَسُولَ اللَّهِ .. إِنْ أُمِّي مَاتَتْ أَفَيَنْفَعُنِي إِنْ تَصَدَّقْتُ؟ قَالَ : نَعَمْ

'Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia. Bergunakah apabila aku bersedekah keatasnya?' Beliau menjawab: 'Ya.' (Hadis riwayat Abu Daud daripada Sa'ad bin 'Ubadah)

Daripada 'Aisyah Radiallahu'anha berkata: 'Seseorang berkata kepada Rasulullah :

إِنَّ أُمَّي مَاتَتْ فَجَاءَتْ وَأَرَاهَا لَوْ تَكَلَّمْتُ تَصَدَّقْتُ، فَهَلْ لَهَا مِنْ أَجْرٍ
إِنْ تَصَدَّقْتُ عَنْهَا قَالَ: نَعَمْ

'Sesungguhnya ibuku meninggal secara mendadak. Saya mendapati, jika ia mampu berbicara nescaya dia akan

bersedekah. Jika aku bersedekah atas namanya adakah ia mendapat ganjaran?' Baginda menjawab : 'Ya'. (Muttafaqun 'Alaih)

Ibn 'Abbas Radiallahu'anhu berkata : Seseorang bertanya :

يَا رَسُولَ اللَّهِ .. إِنَّ أُمَّي تُوَفِّيْتُ، أَيْتَفَعُهَا إِنْ تَصَدَّقْتُ عَنْهَا؟ قَالَ:
نَعَمْ، قَالَ: فَإِنَّ لِي بُسْتَانًا فَأَنَا أَشْهَدُكَ أَنِّي قَدْ تَصَدَّقْتُ بِهِ عَنْهَا

'Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah wafat. Apakah bermanfaat baginya jika aku bersedekah atas namanya?' Baginda menjawab : 'Ya'. Orang itu berkata lagi : 'Sebenarnya aku memiliki sebuah kebun dan aku jadikan anda sebagai saksi bahawa aku menyedekahkannya atas namanya.' (Hadis Riwayat Al-Bukhari, At-Tirmizi, Abu Daud dan An-Nasa'i)

Daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu katanya: 'Seseorang bertanya kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ أَبِي مَاتَ وَلَمْ يُوصِ، أَفَيَنْفَعُهُ إِنْ أَتَصَدَّقْتُ عَنْهُ؟ قَالَ: نَعَمْ

'Sesungguhnya ayahku telah mati dan dia tidak berwasiat. Bermanfaatkah baginya apabila ku bersedekah atas namanya.' Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: 'Ya'. (Hadis Riwayat Muslim, An-Nasa'i, Ibn Majah dan Imam Ahmad)

Demikian juga dalil-dalil yang serupa tentang bermanfaatnya haji yang dilakukan atas nama si mati.

Di dalam kitab **Badai' Ash-Shana'I**, tulisan Al-Imam Abu Bakar bin Sa'ad Al-Kasani, Sa'ad bin Abi Waqqas bertanya kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam :

يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنْ أُمَّي تُحِبُّ الصَّدَقَةَ، أَفَأَتَصَدَّقُ عَنْهَا؟ فَقَالَ النَّبِيُّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَصَدَّقْ

'Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku suka bersedekah maka bolehkah aku bersedekah atas namanya?' Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menjawab : 'Bersedekahlah.'

Tujuan si anak adalah agar amal-amal tersebut bermanfaat bagi ibunya dengan pahala sedekah ini, dan hal tersebut dipersetujui dan dibenarkan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.

Ibn Qudamah berkata : *'Tidak ada perbezaan di antara ulama dalam hal berdoa, beristighfar dan bersedekah bagi orang mati. Semuanya bermanfaat dan pahalanya akan sampai kepadanya, sama ada ianya berasal daripada anak-anaknya, sanak-saudaranya atau kaum Muslimin yang lain. Sedangkan si anak mengerjakan ibadah badaniah yang penting seperti solat, puasa, tilawah serta ibadah harta seperti zakat dan kifarat.'*

Ulama Hanafiyyah menerangkan bahawa semua orang yang datang dengan membawa ibadah yang baik yang berupa istighfar, sedekah, tilawah, zikir, solat, puasa, tawaf, haji, umrah atau berbagai ketaatan dan kebajikan selain dari itu, apabila pahalanya ditujukan kepada orang lain nescaya akan sampai kepada orang yang dimaksudkan sebagaimana diterangkan di dalam kitab **Al-Hidayah**, **Al-Bahr** dan lain-lain. Tentang hal ini dibahaskan secara panjang lebar di dalam kitab **Al-Kamal** dan di dalam **Fath Al-Qadir**.

Ad-Daruquthni mengeluarkan :

إِنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: كَانَ لِي أَبُوَانِ
أَبْرُهُمَا حَالَ حَيَاتِهِمَا، فَكَيْفَ لِي بِيْرِهِمَا بَعْدَ مَوْتِهِمَا؟ فَقَالَ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ مِنَ الْبِرِّ بَعْدَ الْمَوْتِ أَنْ تُصَلِّيَ لَهُمَا مَعَ صَلَاتِكَ
وَأَنْ تُصُومَ لَهُمَا صَوْمَكَ

'Sesungguhnya seseorang bertanya kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam: 'Aku memiliki ayah bonda dan aku berbakti kepada mereka semasa hidup. Bagaimanakah aku boleh berbakti setelah kematian keduanya?' Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menjawab : 'Sesungguhnya di antara bentuk bakti setelah mati adalah engkau memperuntukkan solat dan puasamu untuk mereka.'

Di dalam Sunnah, terdapat ketetapan yang mutawatir bahawa orang yang memperuntukkan amal-amal solehnya untuk orang-orang lain akan diberi manfaat oleh Allah. Seperti hadis tentang solat dan puasa anak untuk kedua orang tuanya di samping untuk dirinya sendiri, dan hadis tentang bacaan surah Al-Ikhlâs yang pahalanya diberikan kepada orang mati serta bacaan Yasin untuk orang mati.

Selain itu, hadis:

إِنَّا نَتَصَدَّقُ عَنْ مَوْتَانَا وَنَحُجُّ عَنْهُمْ وَنَدْعُو لَهُمْ، وَوَصَلَ ذَلِكَ إِلَيْهِمْ
وَأَلَّهُمْ لَيَفْرَحُونَ بِهِ كَمَا يَفْرَحُ أَحَدُكُمْ بِالطَّبَقِ إِذَا أُهْدِيَ إِلَيْهِ

'Sesungguhnya apabila kita bersedekah untuk orang-orang mati di antara kita, berhaji untuk mereka dan berdoa untuk mereka; semua itu akan sampai kepada mereka dan mereka bergembira sebagaimana kegembiraan kamu menerima hidangan yang dihadiahkan.'

Masalah doa bagi ayah bonda ini telah ditetapkan di dalam firman Allah:

وَقُلْ رَبِّ ارْحَمهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

'...dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): 'Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikkmu semasa kecil.'

(Al-Isra : 24)

Manakala istighfar para malaikat bagi kaum Mukminin terdapat di dalam firman Allah :

وَالْمَلَائِكَةُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِمَنْ فِي
الْأَرْضِ

'...dan malaikat bertasbih dengan memuji Tuhannya serta memohon ampun bagi makhluk-makhluk yang ada di bumi.'

(Asy-Syura : 5)

Ini menunjukkan kepastian berhasilnya manfaat dari amal perbuatan orang lain. Kita membuat ketetapan dengan memanfaatkan makna yang tersurat dari ayat di atas. Telah tercatat di sana apa yang tidak diberikan oleh si pelaku amal tersebut kepada orang lain.

Pahala daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala diberikan kerana adanya kurniaNya dan bukan kerana seseorang layak menerimanya. Oleh sebab itu, Allah juga memberikan pahala kepada si pelaku amal, sebab dialah yang menyebabkan orang lain menerima pahala tanpa melakukan sesuatu.

Dikatakan di dalam kitab **Al-Bahr Ar-Raiq** karangan Zainuddin bin Ibrahim : *'Yang jelas tidak ada bezanya antara berniat berbuat baik kepada orang lain atau berbuat baik bagi diri sendiri kemudian menjadikan pahalanya untuk orang lain.'*

Maka diperbolehkan orang yang menunaikan solat, berpuasa, bersedekah atau bertaqarrub lalu memberikan pahalanya kepada orang lain. Dalam hal ini, tidak ada bezanya antara taqarrub dengan ibadah *maal* (harta) atau ibadah badaniah atau gabungan dari keduanya.

Imam Az-Zaila'i Al-Hanafi berkata : *'Sampainya amalan seseorang kepada orang mati bukanlah sesuatu yang tidak dapat diterima akal sebab ia tidak berada di dalamnya melainkan hanya memberikan pahalanya kepada orang lain. Dan Allahlah yang akan menyampaikan pahala kepada si mati. Allah Subhanahu wa Ta'ala mampu melakukan hal itu, iaitu mengkhususkan pahala tersebut sama ada dengan suatu amalan atau tanpa amalan.'*

Telah disebutkan berturut-turut hadis Sunnah Nabawiyyah yang sahih, dan berulang-ulang berita yang boleh dipercayai tentang kebenaran sampainya pahala bacaan, doa dan istighfar kepada si mati. Dan telah diulang-ulang pandangan fuqaha dan ulama dari generasi terdahulu sampailah sekarang yang menunjukkan kebenaran hal itu.

Ibn Taimiyyah berkata di dalam fatwa-fatwanya : *'Adalah benar apabila orang mati itu memanfaatkan semua ibadah badaniah seperti solat, puasa, dan bacaan Al-Quran. Ini semua*

telah disepakati oleh umat, sebagaimana seandainya seseorang berdoa dan beristighfar untuk si mati.'

Hal ini terlihat jelas dalam kemanfaatan solat yang dilakukan oleh orang lain kepada si mati. Bahkan Ibn Taimiyyah dan golongan Hanbali mewajibkan diterimanya amal-amal seperti itu.

Ibn Qaiyyim berkata di dalam kitabnya **Ar-Ruh** : *'Hadiah paling utama bagi orang mati ialah sedekah, istighfar, doa, haji, bacaan Al-Quran yang diberikan dengan sukarela tanpa upah; pahalanya akan sampai kepadanya sebagaimana sampainya pahala puasa dan haji. Orang yang melakukan amalan itu lebih baik meniatkannya untuk si mati dan tidak disyaratkan untuk melafazkan niat.'*

Ibn Qudamah menjelaskan maksud pernyataan ini bahawa semua taqarrub yang dilakukan oleh si mati yang Muslim dan pahala yang diperuntukkan untuknya hanya akan bermanfaat dengan kehendak Allah. Termasuklah juga di dalamnya melakukan sesuatu yang wajib yang perlu kepada niat. Tertera di dalam Al-Bukhari dan An-Nasa'i daripada Ibn 'Abbas Radiallahu'anhu katanya :

جَاءَتْ امْرَأَةٌ مِنْ جُهَيْنَةَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: إِنَّ
 أُمِّي نَذَرَتْ أَنْ تَحُجَّ فَلَمْ تَحُجَّ حَتَّى مَاتَتْ، أَفَأَحُجُّ عَنْهَا؟ قَالَ:
 نَعَمْ، حَجِّي عَنْهَا، أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكَ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَتَهُ،
 أَقْضُوا اللَّهَ فَاللَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ.

'Datanglah seorang wanita dari Juhainah menjumpai Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan berkata: 'Wahai Rasulullah, ibuku telah bernazar untuk berhaji, tetapi ia belum sempat melakukannya sehingga meninggal dunia. Bolehkah aku melakukannya untuknya?' Rasulullah menjawab : 'Ya, tunaikanlah haji atas namanya. Bagaimana pendapatmu jika ibumu berhutang, apakah engkau mahu membayarnya? Bayarlah kepada Allah sebab hutang kepada Allah lebih utama untuk dibayar.'

Kata-kata Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam : 'Ya' merupakan dalil diperbolehkan seorang anak atau orang lain berhaji atas nama orang yang telah mati dalam konteks situasi yang wajib. Misalnya kerana ada nazar sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam : *'Bayarlah kepada Allah sebab hutang kepada Allah lebih utama dibayar dan dipenuhi.'*

Manakala kata-kata : *'Apakah engkau mahu membayarnya?'* merupakan dalil bahawa apabila seorang yang mati berhutang haji maka wajib bagi walinya untuk menyediakan pembiayaan dari harta si mati kepada seseorang yang akan menunaikan haji untuknya; sebagaimana dia juga perlu membayar hutang-hutang si mati, dan ia akan mendapat pahala ketikamana menyelesaikan tuntutan keatasnya.

Di dalam **Syarah At-Tahawiyyah** dijelaskan : *'Kaum Muslimin berijma' bahawa tanggungjawab membayar hutang si mati jatuh kepada orang yang masih hidup walaupun daripada orang asing dan selain ahli warisnya sebagaimana dalil dari hadis Abi Qatadah.'*

Di dalam kitab **Syifa' Al-'Alil** dan komentar Ibn 'Abidin atas kitab **Ad-Dar Al-Muhktar** dalam bab jenazah dan berhaji untuk orang lain tertulis : *'Adalah boleh menghadihkan seluruh atau sebahagian pahala amalan kepada si mati. Seandainya kepada ahli kubur dibacakan surah Al-Fatihah maka pahalanya akan sampai dengan sempurna kepada setiap orang daripada mereka kerana luasnya kurnia Allah.'*

Di dalam riwayat daripada Imam Ahmad dan Imam Al-Bukhari dikisahkan bahawa seseorang telah datang kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan berkata bahawa saudara perempuannya bernazar untuk melakukan ibadah haji. Maka Allah tetap berhak menuntut hutang haji akibat nazar tersebut. Demikian juga jika berkaitan dengan zakat dan lain-lain.

Di dalam riwayat Imam Ahamad dan Al-Bukhari ditemui dalil sahnya berhaji untuk orang mati yang dilakukan oleh selain ahli warisnya. Sebab Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tidak menjelaskan apakah orang yang menghajikan itu mestilah saudara atau ahli warisnya atau bukan. Sabda Rasulullah

Sallallahu 'alaihi wasallam tersebut memberi peluang kepada selain ahli waris untuk menunaikan haji bagi si mati.

Daripada Ibn 'Abbas Radiallahu'anhu katanya :

أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ فَقَالَ: إِنَّ أَبِي مَاتَ وَعَلَيْهِ
حِجَّةٌ فِي الْإِسْلَامِ، أَفَأَحْجُّ عَنْهُ؟ قَالَ: أَرَأَيْتَ لَوْ أَنَّ أَبَاكَ تَرَكَ دَيْنًا
عَلَيْهِ أَقْضَيْتَهُ عَنْهُ؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَاحْجُجْ عَنْ أَبِيكَ

'Seseorang datang kepada Rasulullah dan berkata : 'Ayahku telah mati dan meninggalkan kewajiban berhaji, bolehkah aku berhaji untuknya?' Rasulullah menjawab : 'Seandainya ayahmu mempunyai hutang, apakah engkau mahu melunasinya?' Dia menjawab : 'Ya'. Sabda Rasulullah : 'Maka tunaikanlah haji untuk ayahmu.'

Ada dalil yang memperbolehkan seorang anak berhaji untuk ayahnya setelah mati, walaupun tidak ada wasiat atau nazar si mati.

Persoalan berhaji untuk orang mati yang dilakukan oleh selain anaknya, disebutkan di dalam hadis Syibrimah, sepertimana yang diriwayatkan di dalam Sunnah dan **Sahih Ibn Khuzaimah** daripada Ibn 'Abbas r.a. :

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعَ رَجُلًا يَقُولُ: لَبَّيْكَ عَنْ شِبْرَمَةَ،
فَقَالَ: مَنْ شِبْرَمَةُ؟ قَالَ: أَخٌ لِي - أَوْ قَرِيبٌ لِي -، فَقَالَ: أَحْجُجْ عَنْ
نَفْسِكَ؟ قَالَ: حُجَّ عَنْ نَفْسِكَ ثُمَّ حُجَّ عَنْ شِبْرَمَةَ

'Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam mendengar seseorang berkata : 'Aku mendengar panggilan daripada Syibrimah.' Baginda bertanya : 'Siapakah Syibrimah?' Orang itu menjawab : 'Dia adalah adikku atau kerabatku.' Baginda bertanya lagi : 'Apakah engkau sudah berhaji untuk dirimu sendiri?' Beliau menjawab : 'Berhajilah untuk dirimu terlebih dahulu kemudian berhajilah untuk Syibrimah.'

Al-Baihaqi berkata sanad hadis tersebut adalah sahih, bahkan tidak ada yang lebih sahih daripada riwayat tersebut dan riwayat yang bermaksud : *'Ini adalah daripada engkau untuk dirimu kemudian berhajilah untuk Syibrimah.'*

Ibn Qudamah berkata : *'Hadis-hadis sahih ini menunjukkan adanya manfaat untuk si mati dan seluruh ahli keluarganya. Ini kerana doa, istighfar, haji dan puasa merupakan ibadah badaniah kepada si mati dan kepada yang lain. Di samping keterangan yang lalu, dari hadis berkaitan pahala bacaan, tertera pula hadis berkaitan pahala membaca Yasin, dan Allah meringankan siksa ahli kubur dengan sebab bacaan tersebut.'*

Ibn Qudamah menjelaskan hal ini dengan kata-katanya sebelum ini. Diriwayatkan daripada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, Baginda bersabda :

مَنْ دَخَلَ الْمَقَابِرَ فَقَرَأَ سُورَةَ يَسْ خُفِّفَ عَنْهُمْ يَوْمَئِذٍ، وَكَانَ لَهُ بِعَدَدِ
مَنْ فِيهَا حَسَنَاتٌ

'Barang siapa yang masuk ke kubur dan membaca surah Yasin maka akan diringankan siksaan ke atas mereka pada hari itu, sesuai dengan kebajikan yang dilakukan.'

Diriwayatkan lagi Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

مَنْ زَارَ قَبْرَ وَالِدَيْهِ فَقَرَأَ عِنْدَهُ - أَوْ عِنْدَهُمَا - يَسَ غُفِرَ لَهُ

'Sesiapa yang mengunjungi kubur ayah bondanya lalu membaca di sisinya atau keduanya surah Yasin maka keduanya akan diberikan keampunan.'

Di dalam bab : **'Hal-Hal Yang Dilakukan Menjelang Ajal'** sehingga: **'Perkataan Imam Ahmad'** disebutkan perintah membacakan Yasin di sisi orang yang hendak meninggal dunia agar penderitaannya berkurangan dan juga diperintahkan membaca surah pembuka Al-Kitab (Al-Fatihah).

Telah dikumpulkan di dalam Sahih tentang dikhususkan sebahagian ayat Al-Quran dengan keutamaan misalnya : Ayat Kursi, akhir surah Al-Baqarah, Yasin, Al-Ikhlas, Al-Muawwizatain dan lain-lain.

Jika bacaan Yasin dan lain-lain di sisi orang sakit dapat meringankan rasa sakit dan sakaratul maut, maka mengapa tidak boleh dibacakannya untuk orang-orang mati agar siksa kuburnya menjadi ringan?

Apakah perbezaan antara dua keadaan di atas setelah sunnah menetapkan bahawa roh itu hidup abadi? Ia merasa senang dan sakit, dan akan sampai kepadanya pahala, doa, istighfar dan sedekah menurut ijma' ulama.

Keringanan dengan bacaan Yasin membuktikan luasnya rahmat dan agungnya kurnia Ilahi, sebagaimana berhasil bacaan Al-Fatihah di dalam penyembuhan, seperti yang kita ketahui dari hadis Ar-Ruqyah yang terkenal. Adakalanya keperluan terhadapnya setelah dari keluar dari dunia menjadi lebih besar.

Ringkasnya, perkara yang menunjukkan tentang sampainya pahala bacaan Al-Quran Al-Karim untuk si mati, dan ia mendapat manfaat darinya, begitu juga doa dan istighfar untuknya dan lain-lain, hanyalah meliputi masalah-masalah yang saya sebutkan berikut ini:

Masalah Pertama

Disyariatkan talqin untuk orang mati.

Ath-Thabrani mengeluarkan di dalam **Mu'jamnya** dari hadis Ibn 'Abbas r.a. bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

لَقِّنُوا مَوْتَاكُمْ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، فَإِنَّهُ لَيْسَ مِنْ مُسْلِمٍ يَقُولُهَا عِنْدَ
الْمَوْتِ إِلَّا نَجَّاهُ

'Berilah talqin orang yang mati di antara kalian dengan Laa Ilaaha Illallah. Tidak ada seorang Muslim pun yang mengucapkannya pada akhir hayatnya kecuali dimasukkan ke dalam syurga.'

Diterima daripada Abu Sa'id Al-Khudri Radiallahu'anhu di dalam apa yang dikeluarkan oleh Imam Muslim, katanya: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

لَقِّنُوا مَوْتَكُمْ قَوْلَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

'Ajarkanlah kepada orang yang akan mati di antara kalian talqin iaitu Laa Ilaaha Illallah.'

Seandainya si mati tidak bisa mengambil manfaat dari hal itu, maka talqin tersebut tidak ada gunanya. Jikalau ianya tidak bermanfaat maka tidak wajarlah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melakukannya dan tidak sewajarnya Baginda memerintahkan orang lain melakukannya. Di samping itu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam juga tidak mungkin melakukan sesuatu yang tidak wajar, sebab segala yang dilakukannya didasarkan kepada perintah Allah. Baginda tidak akan berbicara kecuali berdasarkan perintah dan tidak akan bergerak kecuali berdasarkan perintah Allah. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

قُلْ مَا كُنْتُ بِدَعَا مَنِ الرُّسُلِ
وَمَا أَدْرِى مَا يُفْعَلُ بِي وَلَا يَكُمُ إِنَّا نَبِيعُ إِلَّا مَا يُوْحَىٰ إِلَيَّ وَمَا أَنَا
إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ

'Katakanlah lagi: 'Bukanlah aku seorang Rasul pembawa agama yang berlainan dari agama yang dibawa oleh Rasul-Rasul (yang telah lalu), dan aku tidak mengetahui apa yang akan dilakukan kepadaku dan kepada kamu? Aku tidak melakukan sesuatu melainkan menurut apa yang diwahyukan kepadaku, dan aku tidak lain hanyalah seorang Rasul pemberi amaran yang jelas nyata.'

(Al-Ahqaf : 9)

Masalah Kedua

Ziarah adalah hal yang disyariatkan sebagaimana dilakukan sendiri oleh Rasulullah terhadap penghuni kubur Al-Baqi'. Baginda keluar pada waktu malam ke Al-Baqi' untuk berziarah, berdoa, beristighfar dan memberi salam kepada mereka, demikian juga dengan syuhada Uhud. Renungan terhadap hadis-

hadis ziarah telah didahului dengan keterangan yang mendalam untuk mengelakkan perbincangan yang berlebihan.

Seandainya ziarah, doa dan istighfar untuk orang-orang mati itu tidak berguna, begitu juga pahalanya tidak sampai kepada mereka, ziarah seseorang ke kubur tidak membawa ketenangan kepada si mati dan ziarah itu sifatnya hanya untuk melaksanakan perintah Rasulullah; maka ziarah yang dilakukan Rasulullah pada hakikatnya adalah sia-sia. Jika Baginda melakukan perbuatan yang sia-sia, bererti *ismah* (diri yang terpelihara) Rasulullah tergoyah. Hal ini tidak mungkin terjadi pada para Nabi sebelum Baginda, apatah lagi Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam.

Masalah ketiga

Ahli kubur dapat mendengar orang-orang yang menziarahi mereka, dapat melihat apa yang dilakukan oleh orang-orang yang hidup dan mencela amal buruk mereka. Di dalam Sunnah yang suci terdapat hadis-hadis kuat lagi sahih menjelaskan bahawa ahli kubur boleh mendengar dan melihat amalan orang-orang yang masih hidup. Sebelum ini kita telah menyebutkan sejumlah hadis tentang hal itu dalam **Bab Ziarah** dan **Bab Syubhat Ingkar Ziarah**. Saya tidak perlu menjelaskannya semula di sini.

Masalah keempat

Ijma umat dari generasi terdahulu sehingga yang terkini, perbuatan dan perintah Rasulullah yang dilakukan oleh para sahabat dan tabien semuanya menguatkan hujjah bahawa pahala bacaan Al-Quran boleh sampai kepada orang mati. Sesiapa yang ingin menyemak semula, ia perlu melakukannya dengan sebaik mungkin dengan menggunakan akal dan menjauhi pengaruh hawa nafsunya serta membuat pertimbangan yang adil tentang masalah ini.

Tidak syak lagi, ia akan sampai kepada kesimpulan yang memuaskan dirinya, melapangkan dada dan kalbunya, membenahi akidahnya dan mengarahkan tujuannya kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala.

CLICK HERE TO CONTINUE....

